

Berita Utama

**BUMI PERMATA HIJAU
SAKSIKAN JALINAN KASIH,
KEAKRABAN RAJA DENGAN RAKYAT**



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta paduka-paduka anakanda baginda berkenan bercemar duli ke Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong. - Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas (*Lihat muka 3 hingga 5*).

Kenaikan pangkat, pelantikan pegawai-pegawai kanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Ogos. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi kenaikan pangkat dan pelantikan beberapa orang pegawai kanan seperti berikut :

Pengarah Hiliran, Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam, Pengiran Hajah Adimasvaton binti Pengiran Omar Ali dilantik

menjadi Setiausaha Tetap (Tenaga, Hulan dan Hiliran) di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Salminan bin Haji Burut sebagai Setiausaha Tetap (Kesejahteraan Masyarakat) di KHEDN.

Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah) di KHEPN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan sebagai Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategik, Dasar dan Korporat) di KHEPN.

Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) di KHEDN, Dayang Nor Hamidah binti Haji Hamidon untuk dinaikkan pangkat dan dilantik menjadi Setiausaha Tetap (Keselamatan, Penguatkuasaan dan

Perundangan) di KHEDN.

Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar, Korporat dan Perancangan) di KHEDN, Dayang Siti Norashikin binti Mohammad Salleh untuk dinaikkan pangkat dan dilantik menjadi Setiausaha Tetap (Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia) di KHEDN.

Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal I) di Kementerian Kewangan, Awang Haji Asrul Adrain bin Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad untuk dinaikkan pangkat dan dilantik menjadi Setiausaha Tetap (Fiskal) di Kementerian Kewangan.

>> Мүка 16



BIJAKSANA merangka dasar lindungi kepentingan rakyat

Muka 8



KADAR PSI secara eksklusif di NBD menurun

Мука 16



DFCE 2026 perkukuh agenda transformasi digital negara

Muka 17



CETUSAN idea dan penyelidikan pacu nilai inovasi

Muka 27

SIMPOSIUM TAHFIZ PERKUKUH INOVASI PENDIDIKAN BERTERASKAN AL-QURAN DAN TEKNOLOGI



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, berucap semasa Majlis Simposium Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Negara Brunei Darussalam kali Kedua, pada Selasa, 30 Jun 2026 yang berlangsung di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

*Bismillahir Rahmanir Rahim.
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen.
Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil
Ambiaie Walmursaleen,
Saidina Muhammadin Wa'alaa
Aalihiee Wasahbihee Ajama'een,
Waba'du.
Assalamu'alaikum warahmatullahi
wabarakatuh.*

ALHAMDULILLAH, kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan

rahmat dan inayah-Nya jua, kita dapat berhimpun pada pagi yang berbahagia ini bagi menyempurnakan Simposium Pendidikan Tahfiz Al-Quran di Negara Brunei Darussalam Kali Kedua, dengan mengangkat tema: "Pendidikan Tahfiz Al-Quran: Inovasi Di Era Teknologi".

Peramba / Saya merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah selaku penganjur, serta semua pihak yang telah berusaha menjayakan simposium ini.

Penganjuran simposium kali kedua ini merupakan kesinambungan yang baik daripada Simposium bertemakan "Memperkasa Pendidikan Tahfiz di Negara Brunei Darussalam" yang telah diadakan pada tahun 2024, iaitu sempena meraikan 30 tahun penubuhan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Masih segar dalam ingatan kita bahawa simposium yang lalu itu telah mengetengahkan beberapa dapatan dan rumusan penting berkaitan sejarah pendidikan tahfiz di Negara Brunei Darussalam, penginovasian teknik hafazan, pendekatan muraja'ah pintar serta keperluan kolaborasi pelbagai pihak dalam memperkasa pendidikan tahfiz negara.

Maka simposium pada kali ini wajar dilihat sebagai kesinambungan kepada usaha tersebut, dengan memberi tumpuan khusus kepada cabaran dan peluang yang dibawa oleh era teknologi dan digital terhadap pendidikan tahfiz Al-Quran.

Al-Quran diturunkan sebagai kitab petunjuk, sumber rahmat dan asas kekuatan

umat. Dan bukan sahaja diturunkan, tetapi Al-Quran dijamin pemeliharaannya oleh Allah sendiri (daripada hilang, berubah, diseleweng atau dipadamkan kebenarannya). Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah al-Hjr ayat 9.

Ayat ini memberi keyakinan bahawa pemeliharaan Al-Quran adalah jaminan Allah Subhanahu Wa Taala. Namun, dalam masa yang sama, kita umat Islam telah dimulakan dengan peluang untuk menjadi sebahagian daripada sebab-sebab pemeliharaan itu, iaitu melalui pembacaan, penghafazan, pengajaran, pengkajian dan pengamalan Al-Quran.

Dalam hubungan ini, pendidikan tahfiz bukanlah sekadar usaha menghafaz ayat-ayat suci Al-Quran. Ia adalah pendidikan jiwa, pendidikan akhlak, pendidikan disiplin, pendidikan adab dan pendidikan keinsanan. Maka seorang hafiz atau hafizah bukan sahaja diharapkan menghafaz Al-Quran, tetapi memelihara adab terhadap Al-Quran, menghayati makna petunjuknya dan menjadikan Al-Quran sebagai pedoman hidup seterusnya mengembangkan manfaatnya kepada umat.

Sebagai sebuah institusi yang kini menawarkan pengajian peringkat Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat yang setaraf dengan Higher National Diploma, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah mempunyai tanggungjawab ilmiah dan institusi yang semakin besar. Institut bukan sahaja berperanan melahirkan para huffaz, bahkan perlu terus mengembangkan penyelidikan, memperkukuh kaedah

pengajaran dan pembelajaran, serta menyumbang kepada pembangunan dasar dan amalan terbaik pendidikan tahfiz di negara ini.

Dalam konteks inilah simposium seperti ini menjadi amat penting. Ia bukan sekadar majlis ilmu, bahkan satu wadah untuk menzahirkan peranan dan sumbangan Institut dalam mendukung aspirasi negara sebagai sebuah Negara Zikir yang berpaksikan falsafah Melayu Islam Beraja.

Dalam masa yang sama, pendidikan tahfiz Al-Quran juga hendaklah dilihat dalam kerangka besar pembangunan negara, khususnya ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Maka, pendidikan tahfiz bukanlah berada di luar arus pembangunan negara. Sebaliknya, ia adalah sebahagian daripada pembangunan modal insan negara. Para huffaz yang kita lahirkan hendaklah bukan sahaja kukuh hafazannya dan baik bacaannya, tetapi juga berilmu, berkemahiran, berakhlak, berdaya fikir, mampu menyesuaikan diri dengan perubahan semasa dan bersedia menyumbang kepada masyarakat serta negara.

Kembali kepada tema simposium pada kali ini, iaitu "Inovasi Di Era Teknologi". Ia adalah amat sesuai dengan perkembangan semasa. Dunia pendidikan hari ini bergerak pantas dengan penggunaan teknologi digital, aplikasi pembelajaran, data analitik dan kecerdasan buatan atau Artificial Intelligence.

>> Muka 16



WAKTU SEMBAHYANG

OGOS MASHI	HARI	SAFAR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5	RABU	21	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.47	6.36	7.48
6	KHAMIS	22	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.46	6.36	7.48
7	JUMAAT	23	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.46	6.35	7.48
8	SABTU	24	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.46	6.35	7.47
9	AHAD	25	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.45	6.35	7.47
10	ISNIN	26	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.45	6.35	7.47
11	SELASA	27	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.44	6.34	7.46

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan 32 25 °C 	34 26 °C 	34 26 °C 
Pekan Bangar 31 24 °C 	33 25 °C 	34 25 °C 
Pekan Tutong 31 24 °C 	34 24 °C 	33 25 °C 
Kuala Belait 32 25 °C 	34 25 °C 	34 25 °C 

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

5 OGOS 2026

Kecerdasan Buatan : Manfaatkannya dengan tanggungjawab, etika

SEBELUM ini, Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI) hanya wujud dalam filem fiksi sains. Namun sekarang, AI bukan lagi teknologi masa depan. Ia sudah berada di sini dan berkembang lebih laju daripada yang kita jangka.

Apa yang menjadikan AI begitu berpengaruh? Jawapannya sangat mudah; ia memudahkan hidup kita. Bayangkan, jika sebelum ini kita memerlukan masa berjam-jam untuk mencari maklumat, menulis laporan atau menganalisis data, kini semuanya boleh dilakukan dalam beberapa minit sahaja.

Aplikasi seperti ChatGPT, Copilot atau Qwen membantu kita merangka ayat, merumuskan artikel, serta memberi idea kreatif yang kadang-kadang kita sendiri tidak terfikir.

Bagi pelajar dan penyelidik, AI mempercepatkan proses penulisan dan analisis akademik. Bagi usahawan pula, AI membantu memahami tingkah laku pelanggan, meramal trend pasaran dan merancang strategi pemasaran yang lebih tepat.

Malah, bagi mereka yang sibuk, AI membantu mengurus jadual, menyiapkan tugas rutin dan menjawab e-mel harian. Pendek kata, AI ialah rakan kerja digital yang tidak mengenal letih, tidak merungut dan mampu bekerja sepanjang masa.

Namun, di sebalik semua kemudahan ini, ada beberapa perkara penting yang tidak boleh kita ambil ringan, terutamanya berkaitan dengan aspek keselamatan digital. Kita mungkin selalu lupa bahawa setiap kali kita menggunakan aplikasi, kita sebenarnya sedang berkongsi data peribadi.

Maklumat ini sangat berharga, dan jika jatuh ke tangan yang salah, pelbagai risiko boleh berlaku seperti penipuan dalam talian, pencerobohan akaun dan pencurian identiti.

Oleh itu, kita perlu lebih bijak dalam menjaga keselamatan ICT. Perkara mudah seperti menggunakan kata laluan yang kukuh, mengaktifkan pengesahan dua faktor, berhati-hati dengan pautan meragukan dan menyemak kesahihan aplikasi ialah langkah asas yang boleh menyelamatkan kita daripada pelbagai ancaman siber. Ingat, walaupun dunia digital semakin canggih, dalam masa yang sama, penjenayah siber juga semakin kreatif dalam mencari ruang untuk mengambil kesempatan.

Selain memudahkan urusan harian, AI turut membuka banyak peluang pekerjaan baharu. Walaupun ada yang bimbang AI akan mengambil alih kerja manusia, hakikatnya ia lebih kepada mengubah cara kita bekerja daripada menggantikan manusia sepenuhnya.

AI ialah satu bentuk kuasa digital yang memberi impak besar kepada dunia. Teknologi ini membuka ruang untuk kita belajar dengan lebih mudah, bekerja dengan lebih cekap, dan berhubung tanpa sempadan.

Namun, seperti semua teknologi, ia perlu digunakan dengan bijak. Selagi kita memanfaatkannya dengan penuh tanggungjawab, etika dan hemah, teknologi ini mampu menjadi pemangkin perubahan positif yang memberi manfaat untuk semua.

– **Ketua Penyuntingan (Zk)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Bumi Permata Hijau saksikan jalinan kasih, keakraban raja dengan rakyat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong (atas kanan dan atas kiri).

TEMBURONG, Selasa, 4 Ogos. - Bumi Permata Hijau menjadi saksi kukuhnya jalinan kasih, kesetiaan dan keakraban antara raja dan rakyat, apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan bercemar duli ke Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong

sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, bagi Daerah Temburong yang merupakan daerah terakhir bagi acara berkenaan pada tahun ini. Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota

Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja ke Daerah Temburong bukan sekadar menyemarakkan suasana Sambutan Hari Keputeraan baginda, malah mencerminkan kesinambungan tradisi beraja yang sentiasa menjadi jambatan penghubung antara raja dengan rakyat.

Tradisi yang sudah lama dipraktikkan dan berakar umbi dalam kehidupan masyarakat kita itu terus menyatukan hati, mempertautkan silaturahmi serta memperkukuh semangat taat setia dan kebersamaan dalam sebuah negara yang aman dan juga sejahtera.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta kerabat diraja di Helipad, Pekan Bangar dijunjung oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Abdul Rahman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80, Tahun 2026; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dato Paduka Seri Awang Sulaiman bin Alidin; Setiausaha Tetap (Kesejahteraan Masyarakat) di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Salminan bin Haji Burut; Setiausaha Tetap

(Pengurusan Strategik, Dasar dan Korporat) di KHEDN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan dan Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja selanjutnya dijunjung berangkat ke Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Temburong sebelum meneruskan keberangkatan ke Pentas Diraja di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar.

Menuju ke Pentas Diraja, keberangkatan tiba Kebawah DYMM dan dan kerabat diraja disambut penuh meriah dengan kibaran bendera-bendera kecil oleh kira-kira 800 pelajar sekolah, diserikan pula dengan hiasan bunga manggar dan juga paluan hadrah yang membangkitkan semangat serta keceriaan suasana.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan berangkat bercemar duli (atas, kanan dan bawah).



ANTARA penuntut sekolah yang beratur di sepanjang tepi jalan raya sambil mengibarkan bendera (bawah).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani gambar potret baginda dan seterusnya berkenan melawat Kristal On-The-Go yang dipamerkan oleh Kristal Media Sdn. Bhd. (kiri dan atas).

>> Muka 3

Sejurus keberangkatan tiba di Pentas Diraja di sini, Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dipersembahkan dengan iringan Pancaragam PPDB. Dalam menghidupkan lagi kemeriahan acara, Persembahan Khas bertemakan 'Raja Berwawasan Inspirasi Kesejahteraan dan Kemakmuran Negara' dipersembahkan dengan penglibatan lebih 400 peserta.

Persembahan yang mengetengahkan nilai warisan, kecintaan kepada raja dan semangat kenegaraan berkenaan disusun dalam beberapa segmen yang cukup bermakna, iaitu bermula dengan tarian pembukaan, diikuti persembahan tarian tradisional puak-puak Daerah Temburong, tarian bertemakan 'Raja Berwawasan Inspirasi Kesejahteraan dan Kemakmuran Negara', sebelum diakhiri dengan Grand Finale, iaitu tarian 'Raja dan Rakyat Sejiwa, Negara Sejahtera'.

Setiap gerak tari dan persembahan bukan sekadar

hiburan, sebaliknya menjadi wadah menzahirkan identiti, warisan budaya serta kecintaan rakyat kepada raja dan negara. Dan tidak lupa dengan laungan 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' sebagai menzahirkan lafaz doa buat raja yang dicintai.

Selesai persembahan, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja berkenan berangkat ke Pentas Persembahan Khas bagi sesi bergambar ramai bersama para peserta sekali gus menerima junjung ziarah.

Detik berkenaan menjadi antara momen istimewa yang merakamkan kesatuan hati dan hubungan mesra antara raja dengan rakyat, khususnya generasi muda yang turut menjadi pewaris masa depan negara.

Dan kemuncak acara yang dinanti-nantikan ialah Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong dan dianggarkan sekitar 8,000 rakyat dan penduduk Daerah Temburong hadir memenuhi ruang acara bagi menjunjung ziarah, bersua muka dan beramah mesra bersama Kebawah DYMM serta kerabat diraja.

Sudah setentunya acara

diserikan dengan reruai-reruai yang tidak ketinggalan menyertai majlis kali ini antaranya daripada Majlis Perundingan Mukim Zon 1 dan 2 dengan mempamerkan produk-produk penduduk kampung yang dihasilkan dan juga potret-potret Kebawah DYMM.

Tidak ketinggalan juga dari Persatuan Lun Bawang Murut Brunei (PLBMB) yang menampilkan persembahan adat tradisi perkahwinan, persembahan *bamboo band*, gulintangan irama Kubang Beranut (gendang beranyut) di samping tarian Alai Ngapu Lun Rayeh.

Selain itu, Kedai Kampung Daerah Temburong turut mempamerkan produk atau perusahaan yang dikendalikan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Selangan, Parit dan Biang Menengah dengan mengetengahkan pelbagai jualan seperti makanan kering, gubahan bunga dan buah-buahan dan sayur-sayuran serta pelbagai macam lagi.

Manakala reruai penghulu mukim dan ketua-ketua kampung pula memperkenalkan sebanyak 80 jenis hidangan masakan udang galah dari kampung di daerah Temburong.

Sementara reruai Jabatan Perikanan pula menghebahkan mengenai pengurusan perikanan bagi kemampuan industri (udang bekara dan ketam) dan pengawalan, penangkapan dan pengimportan udang bekara dan ketam selain Program Memperkaya Sumber Perikanan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja berkenan beramah mesra dengan rakyat yang dikasihi (atas kanan, kiri, kanan dan gambar-gambar di bawah).



>> Muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan berangkat ke Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar bagi Majlis Santap (atas dan kanan). Manakala gambar bawah kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan memotong kek.

>> Muka 4

Selain penyertaan persatuan-persatuan Daerah Temburong, turut menyerikan acara ialah daripada pasukan beruniform dan pertubuhan beruniform antaranya Persatuan Anggota Polis Diraja Brunei Yang Bersara (POLSARA), Persatuan Veteran ABDB (PERWIRA), Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Persatuan PERTIWI dan juga Pasukan Kadet Polis Diraja Brunei serta Pasukan Kadet Tentera ABDB.

Penyertaan reruai yang lain juga termasuk daripada Gabungan Komuniti Keagamaan Daerah Temburong, Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Temburong dan Persatuan Kanak-kanak Cacat (KACA) serta

Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD). Persatuan Masyarakat Iban Temburong juga tidak ketinggalan mempamerkan pakaian tradisi yang digunakan oleh masyarakat Iban.

Agensi lain juga seperti Kristal Media Sdn. Bhd. mempamerkan Kristal On-The-Go, Anthony Tours and Travel Agency Sdn. Bhd. dan juga Freme Rainforest Lodge and Adventure Park yang melaksanakan pelbagai inisiatif antaranya program ke arah mempertingkatkan lagikemajuan dan perkembangan di bumi Permata Hijau berkenaan.

Kehadiran rakyat daripada pelbagai lapisan masyarakat berkenaan jelas memperlihatkan semangat kecintaan dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi terhadap raja, sekali gus menjadi manifestasi eratnya hubungan antara institusi beraja

dengan rakyat jelata yang terus dipelihara dari generasi ke generasi.

Bagi rakyat dan penduduk Daerah Temburong, kesempatan bersua muka dan menjunjung ziarah Kehadapan Majlis Kebawah DYMM dan kerabat diraja pastinya menjadi pengalaman yang amat bermakna dan sangat menjunjung tinggi atas keramahan dan kemurahan hati baginda berkenan berangkat bertemu secara langsung bersama rakyat dan penduduk di sini.

Setelah selesai sesi bersua muka dan ramah mesra, Kebawah DYMM dan kerabat diraja kemudiannya dijunjung berangkat ke Bilik Khas untuk beristirahat sebelum meneruskan keberangkatan ke Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar bagi Majlis Santap.

Pada Majlis Santap berkenaan, Kebawah DYMM berkenan disambahkenalkan dengan empat individu yang mencapai kecemerlangan daripada pelbagai sektor, iaitu Pengurus Kedai Kampung dan Pemangku Ketua Kampung Selangan, Parit dan Biang Menengah, Awang Dulamit bin Burot; Ketua Pegawai Eksekutif GenQu Company (dahulunya dikenali sebagai Al-Huffaz



Management), Awang Haji Mohammad Loqman Al Hakim bin Haji Hamdan; Pengurus De'patoi Restaurant & Bundayana Contractor Sdn. Bhd., Dayang Nuratikah binti Zaini/Zani; dan Jurulatih Sukan, Sekolah Sukan, Awang Aminuddin bin Jumat.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Pemangku Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Temburong, Awang Abdul Hadi bin Ali.

Pada Majlis Santap berkenaan, Kebawah DYMM juga berkenan memotong kek sebagai sebahagian daripada acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan baginda yang Ke-80. Selesai Majlis Santap, baginda dan kerabat diraja berkenan berangkat meninggalkan majlis.

Turut berangkat dan hadir, Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan

Menteri, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri dan Manteri-manteri Pedalaman serta Setiausaha - setiausaha Tetap dan Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap.

Keberangkatan raja yang prihatin lagi pemeduliaan ke Daerah Temburong hari ini meninggalkan makna yang cukup besar, bukan sahaja dalam menyemarakkan Sambutan Perayaan Hari Keputeraan baginda, tetapi juga dalam memperteguh ikatan raja dan rakyat yang sekian lama menjadi tunjang keharmonian negara.

Sifat baginda yang begitu prihatin dan pemeduliaan berkenaan jelas dapat dilihat apabila masyarakat yang hadir di majlis berkenaan rasa bersyukur kerana mereka disajikan dengan jamuan tanpa mengira bangsa dan agama.

'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik'.



KEBAWAH DYMM berkenan menerima junjung ziarah dan bergambar ramai (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar kanan dan bawah kanan, antara yang hadir di acara tersebut. Sementara gambar bawah kiri, bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Pemangku Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Temburong, Awang Abdul Hadi bin Ali.



PERSEMBAHAN KHAS SEMARAKKAN KEUNIKAN BUDAYA, TAAT SETIA KEPADA RAJA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat menyaksikan Persembahan Khas Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong.

TEMBURONG, Selasa, 4 Ogos. - Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah

Temburong yang dipersembahkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun 2026 pagi tadi menonjolkan keunikan tersendiri.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Persembahan yang berlangsung di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar, Daerah Temburong berkenaan melibatkan seramai 412 peserta yang menggabungkan elemen-elemen tarian tradisional puak-puak di Daerah Temburong serta tarian bertemakan perpaduan dan kesetiaan rakyat kepada raja.

Persembahan Khas tahun ini mengangkat tema 'Raja Berwawasan Inspirasi Kesejahteraan dan Kemakmuran Negara' dengan konsep 'Raja dan Rakyat Sejiwa, Negara Sejahtera'.

Ia menggambarkan hubungan raja dengan rakyat yang saling mendukung, di mana raja yang prihatin dan pemedulian berterusan mengurniakan pelbagai kemudahan dan sokongan untuk rakyat demi kemaslahatan serta pembangunan dan kemajuan negara terutama dalam mencapai wawasan kemakmuran dan keharmonian negara.

Persembahan yang berdurasi tidak melebihi 20 minit itu dibahagikan kepada empat segmen.

Segmen pertama menampilkan tarian pembukaan yang ceria dan bertenaga, menandakan keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke majlis berkenaan.

Segmen kedua pula

mempersembahkan tarian tradisional puak-puak di Daerah Temburong, mempamerkan keunikan dan kepelbagaian budaya warisan masyarakat setempat sebagai lambang perpaduan dalam kepelbagaian di bawah naungan pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Segmen ketiga menampilkan tarian bertemakan 'Raja Berwawasan Inspirasi Kesejahteraan dan Kemakmuran Negara', yang menggambarkan cetusan inspirasi daripada raja menjadi nadi dan semangat rakyat menuju kesejahteraan dan kemakmuran.

Segmen *grand finale* pula mempersembahkan tarian 'Raja dan Rakyat Sejiwa, Negara Sejahtera' yang melambangkan hubungan mahabbah antara raja dan rakyat yang akan berkekalan, serta taat setia rakyat yang tidak berbelah bahagi terhadap raja.

Laungan 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' menutup tirai Persembahan Khas.

Persembahan tersebut melibatkan komposisi peserta daripada Sekolah Menengah Sultan Hassan seramai 250 orang, sekolah rendah seramai 55 orang, belia dan penduduk Daerah Temburong seramai 25 orang, Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei seramai 55 orang, pemuzik seramai 15 orang serta penyanyi, penyelaras koir, narator dan juruacara seramai 12 orang.

>> Muka 7



PERSEMBAHAN Khas majlis berkenaan yang diadakan di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar, Daerah Temburong yang melibatkan seramai 412 peserta yang menggabungkan elemen-elemen tarian tradisional puak-puak di Daerah Temburong serta tarian bertemakan perpaduan dan kesetiaan rakyat kepada raja (atas sekali kiri, atas kiri, atas kanan dan gambar-gambar di bawah).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja dijunjung bergambar ramai bersama para peserta Persembahan Khas.

>> Muka 6

Menurut Pengarah Persembahan, Dayang Noraqilah Bazilah binti Mohamad Daud, persiapan persembahan tersebut berjalan lancar dengan latihan yang dijalankan secara sistematik melalui pembahagian latihan secara kelompok.

"Alhamdulillah, kami membuat latihan secara sistematik dengan membahagi - bahagikan latihan secara kelompok," jelasnya.

Beliau menjelaskan bahawa pihaknya menterjemahkan persembahan dalam empat segmen yang menggambarkan belia dan seluruh penduduk masyarakat Daerah Temburong menyambut keberangkatan Kebawah DYMM dengan penuh kegembiraan, melambangkan kesejahteraan dan kemakmuran penduduk atas kebijaksanaan

Kebawah DYMM dalam pemerintahannya.

Beliau juga menekankan bahawa persembahan tersebut merupakan luahan rasa ketulusan kegembiraan atas keberangkatan Kebawah DYMM serta sama-sama menyambut Hari Keputeraan melalui persembahan tarian dan nyanyian memuji-muji serta mendoakan Kebawah DYMM.

Mengenai cabaran yang dihadapi, beliau menyatakan bahawa jadual latihan yang singkat bersama penuntut-penuntut merupakan antara cabaran utama, namun semangat

kerjasama yang ditunjukkan amat membanggakan.

Sebagai seorang belia tempatan yang termuda diberi kepercayaan untuk mengendalikan acara besar dan istimewa ini, Dayang Noraqilah Bazilah meluahkan perasaan teruja dan beruntung.

"Saya seorang belia tempatan yang termuda untuk membuat acara besar dan istimewa ini merasa sangat teruja dan beruntung dan ini menjadikan pengalaman terbesar saya seumur hidup saya. Dan pengalaman paling bermakna dapat memberikan persembahan

yang terbaik, mengembirakan Kebawah DYMM serta kerabat serta jemputan-jemputan dan penonton yang hadir," tambahnya lagi.

Sebagai lambang seorang raja berjiwa rakyat, Kebawah DYMM sentiasa menzahirkan kasih sayang dan perhatian mendalam terhadap kesejahteraan rakyat.

Keperibadian Kebawah DYMM yang luhur dan penuh kebijaksanaan menjadi teras kekuatan negara, menjadikan Kebawah DYMM bukan sahaja disanjung, malah dicintai sepenuh hati oleh rakyat.

Di bawah naungan pemerintahan Kebawah DYMM, Negara Brunei Darussalam terus teguh dengan falsafah Melayu Islam Beraja, merangkumi pembangunan dalam bidang agama, pendidikan, ekonomi, kesihatan, dan pentadbiran yang dihormati di peringkat antarabangsa.

Persembahan Khas ini bukan sekadar hiburan, tetapi merupakan cerminan rasa syukur dan taat setia rakyat Brunei kepada raja yang sentiasa berkorban dan berusaha untuk kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat.



PERSEMBAHAN Khas dengan tema 'Raja Berwawasan Inspirasi Kesejahteraan dan Kemakmuran Negara' dengan konsep 'Raja dan Rakyat Sejiwa, Negara Sejahtera' (kanan, kanan sekali, bawah tengah dan bawah kanan sekali). Sementara gambar bawah, antara yang hadir menyaksikan acara berkenaan.



MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



BIJAKSANA MERANGKA DASAR LINDUNGI KEPENTINGAN RAKYAT

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Pg. Nurhafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Ogos. - Kita bersidang pada hari ini dalam suasana dunia yang sedang mengharungi pelbagai cabaran dan ketidaktentuan, sama ada dari segi ketegangan geopolitik, kegawatan ekonomi global, perubahan iklim, mahupun kepesatan transformasi digital dan teknologi yang memberi kesan kepada setiap lapisan masyarakat.

Dalam menghadapi arus perubahan ini, negara kita perlu terus kekal berwaspada dan bijaksana dalam merangka dasar-dasar yang mampu melindungi kepentingan rakyat serta memastikan kestabilan dan kemakmuran terus terpelihara. Justeru, tanggungjawab yang dipikul oleh Yang Berhormat sekalian pada masa ini amatlah besar dan ia menuntut kebijaksanaan serta kerjasama padu daripada semua pihak.

Perkara tersebut ditekankan oleh Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib pada hari pertama Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22, MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN seterusnya meluluskan dua usul utama untuk dibincangkan di mesyuarat ini. Yang pertama merupakan

Usul berkenaan penyelarasan ke arah pelaksanaan Wawasan Brunei 2035.

"Perkara ini penting kerana wawasan masa depan negara bukan sekadar dokumen dasar tetapi merupakan hala tuju negara yang menuntut usaha bersepadu daripada seluruh negara. Ini bermakna setiap dasar dan inisiatif iaitu untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, mencapai kualiti hidup di antara terbaik di dunia dan membina ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

"Justeru, saya menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat semua bagi membahaskan usul ini dengan semangat bagi mengukuhkan penyelarasan Wawasan Brunei 2035, supaya hasratnya dapat direalisasikan demi generasi kini dan akan datang," jelas Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN.

Yang Berhormat dalam pada itu juga meluluskan usul kedua iaitu Usul Penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli MMN di mana Usul ini adalah pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 tahun lalu, berkenaan keperluan bagi

MMN untuk mempunyai kod etika bagi memastikan ahli-ahli melaksanakan tugas dengan lebih berkesan dan berintegriti tinggi.

Ini merupakan satu langkah ke arah memperkukuhkan integriti, akauntibiliti dan profesionalisme dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Kod ini, jelas Yang Berhormat, dijangka akan menggariskan standard tingkah laku yang perlu dipatuhi oleh setiap ahli, bagi memastikan imej dan kredibiliti institusi ini terus terpelihara serta mempunyai kepercayaan tinggi dan berharap Yang Berhormat sekalian memberikan sokongan penuh serta input yang membina semasa peringkat perbincangan dan penggubalan kod ini.

Dalam mengakhiri ucapan, Yang Berhormat menegaskan kepentingan memastikan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Mesyuarat bagi MMN sentiasa dipatuhi secara konsisten oleh semua ahli, bagi menjamin kelicinan, ketertiban dan kewibawaan setiap persidangan yang dijalankan.

"Peraturan ini bukanlah sekadar prosedur formaliti tetapi merupakan asas yang memastikan setiap ahli akan menyertai perbahasan dengan adil dan teratur. Di samping itu, menyeru agar semangat musyawarah terus menjadi teras dalam setiap perbincangan majlis ini iaitu semangat bermuafakat, saling mendengar serta mengutamakan

YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

kepentingan negara dan rakyat melebihi kepentingan peribadi. Dengan berpegang teguh kepada Peraturan Mesyuarat serta menghayati semangat musyawarah ini.

"Saya yakin setiap perbincangan dalam dewan yang mulia ini akan lebih matang, saksama dan membawa berkat kepada seluruh rakyat dan negara," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga berharap ahli-ahli akan dapat meneruskan semangat kerjasama, muhibah dan tanggungjawab yang tinggi selaras dengan matlamat bersama untuk memastikan negara terus maju di bawah naungan pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu, Yang Berhormat merafakkan sembah tahniah dan mendoakan kesejahteraan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Keputeraan baginda Ke-80 Tahun yang baru sahaja disambut dengan meriah dan syukur oleh seluruh rakyat dan penduduk negara ini. Marilah kita bersama-sama merafakkan



doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia dikurniakan kesihatan yang baik, usia yang panjang dan sentiasa dilimpahi hidayah dan taufiq dalam menerajui negara tercinta ini menuju kesejahteraan dan kemakmuran yang berkekalan.

Dalam kesempatan ini juga, Yang Berhormat mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet yang baharu yang merupakan barisan kabinet yang telah dilantik pada 4 Jun 2026 bersamaan 17 Zulhijah 1447 ke dalam majlis ini.

"Pelantikan Yang Berhormat sekalian merupakan satu amanah yang besar dan saya yakin dengan pengalaman serta dedikasi yang ada, Yang Berhormat akan dapat menyumbang bakti secara berkesan demi kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat," tambah Yang Berhormat.

4 Ahli MMN baharu angkat sumpah



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Ogos. - Pada hari pertama Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi

yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Majlis Mengangkat Sumpah bagi Ahli-Ahli MMN yang baharu (Ahli Rasmi Kerana Jawatan) telah diadakan di

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Sekuriti dan Undang-Undang); Yang Berhormat Menteri di JPM (Tenaga, Hulan dan Hiliran); Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi pada Majlis Mengangkat Sumpah.

hadapan Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Majlis Mengangkat Sumpah dimulakan dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; kemudian diteruskan oleh Menteri di JPM (Tenaga, Hulan dan

Hiliran), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah; dan seterusnya Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; dan Majlis Mengangkat Sumpah diakhiri oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus.

Seterusnya Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN berucap, lantikan Yang Berhormat ini adalah berdasarkan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang menyatakan bahawa Ahli-Ahli Rasmi Kerajaan, Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan bagi MMN adalah terdiri daripada Perdana Menteri dan semua Menteri yang dilantik di bawah

Perkara 43 Perlembagaan. Oleh itu, pelantikan Ahli-ahli Yang Berhormat adalah berikutan dengan pelantikan sebagai Menteri-menteri Kabinet pada hari Khamis, 17 Zulhijah 1447 bersamaan 4 Jun 2026 berdasarkan Perkara-Perkara 24 (1) dan Perkara 1 (A) (1) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

"Bagi pihak MMN, saya dengan penuh sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan yakin serta percaya bahawa lantikan ini adalah satu pengiktirafan dan amanah untuk membangun serta memajukan negara kita. Saya mengucapkan selamat menjalankan amanah yang telah dipertanggungjawabkan dan selamat berkhidmat," tambah Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN Ke-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



KLUSTER KESELAMATAN NEGARA FOKUSKAN 7 BIDANG KEUTAMAAN

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Pg. Nurhafilah Pg. Osman



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Ogos. - Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa membentangkan Usul Menyokong Penyelarasan ke Arah Mencapai Wawasan Brunei 2035 pada hari pertama Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22,

Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis turut memberikan penerangan mengenai bidang - bidang keutamaan bagi kluster Keselamatan Negara.

Manakala bagi bidang-bidang keutamaan Ekonomi, Sosial dan Tenaga Manusia katanya, akan dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi; dan Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia.

Berdasarkan pengamatan, pemerhatian dan juga pengalaman Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II di sepanjang lapan tahun mempengerusikan Jawatankuasa Keselamatan Negara sejak tahun 2018, Jabatan Perdana Menteri telah mengenal pasti tujuh bidang keutamaan yang akan menjadi fokus utama bagi kluster Keselamatan Negara iaitu: Jenayah dan Ketenteraman Awam; Sekuriti dan Integriti Sempadan;

Keselamatan Siber; Keselamatan Ekonomi; Keterjaminan Makanan; Keselamatan dan Keterjaminan Tenaga; dan Keselamatan Sosial, yang mencerminkan pendekatan Whole-of-Government dan Whole-of-Nation yang menyeluruh.

Menurut Yang Berhormat, hasil perbincangan bersama Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia telah mengupas isu-isu Keselamatan Negara dengan lebih mendalam seperti, dari sudut Keselamatan Ekonomi, perbincangan menyentuh keperluan mengimbangi pelaburan asing dengan pertimbangan keselamatan melalui *security vetting*, di samping memastikan manfaat dan peluang pekerjaan yang nyata kepada anak tempatan.

Selain itu, pembayaran gaji dan aliran wang (*remittance*) keluar

negara; serta penguasaan pekerja asing dalam sektor-sektor tertentu (seperti runcit, pertanian dan kantin sekolah) yang turut memerlukan perlindungan peluang perniagaan bagi anak tempatan, jelas Yang Berhormat.

Dari sudut Keselamatan Siber dan Ketenteraman Awam pula, perbincangan menekankan peningkatan ancaman siber, pusat penipuan (*scam centres*) dan risiko penyalahgunaan teknologi, termasuk implikasi Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*) terhadap masa depan pekerjaan.

Manakala dari sudut Keselamatan Sosial, perbincangan menyentuh isu pekerjaan yang perlu dilihat secara lebih mendalam dan bukan sekadar berdasarkan jumlah kekosongan, kebolehpasaran serta kesediaan anak tempatan; isu perumahan sebagai satu isu sosial yang penting; serta penguatan ekonomi akar umbi, dengan peranan institusi

penghulu mukim dan ketua kampung di peringkat kepimpinan akar umbi dalam pemantauan dari sudut sosial, keselamatan, kebajikan dan penguatkuasaan.

Yang Berhormat seterusnya menegaskan bahawa bidang-bidang keutamaan ini akan terus diperhalusi secara bersama oleh Menteri-Menteri Penyelaras sebagai satu pasukan yang utuh, kerana kejayaan penyelarasan merentas kluster-kluster ini hanya dapat dicapai menerusi semangat kerjasama, saling melengkapi dan komitmen bersama ke arah satu matlamat, iaitu kejayaan Wawasan Brunei 2035.

Bagi mendukung pelaksanaan penyelarasan ini tambahnya, beberapa mekanisme tadbir urus turut dicadangkan dan sedang dilaksanakan, iaitu penubuhan Mesyuarat Penyelarasan Kluster Keselamatan Negara; pengemaskinian struktur dan keahlian Jawatankuasa Keselamatan Negara; serta penyelarasan senarai Majlis dan Jawatankuasa Kebangsaan sedia ada bagi mengelakkan pertindihan peranan.

Struktur ini terangnya, akan dinilai semula keberkesanannya selepas tempoh pelaksanaan selama satu tahun, bagi memastikan ia kekal relevan dan responsif terhadap keperluan semasa.

SELAIN itu, pembayaran gaji dan aliran wang (*remittance*) keluar negara; serta penguasaan pekerja asing dalam sektor-sektor tertentu (seperti runcit, pertanian dan kantin sekolah) yang turut memerlukan perlindungan peluang perniagaan bagi anak tempatan, jelas Yang Berhormat.

Memastikan usaha kerajaan lebih terarah, tersusun, bersepadu

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Pg. Nurhafilah Pg. Osman



YANG Berhormat Menteri Penyelaras Bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri.

Darussalam dalam memastikan usaha serta tindakan kerajaan lebih terarah, tersusun dan bersepadu.

Menteri Penyelaras Bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin berkata demikian ketika membentangkan Usul Menyokong Penyelarasan ke Arah Mencapai Wawasan Brunei 2035 pada hari pertama Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Penyelaras Bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah pelantikan tiga Menteri Penyelaras iaitu bagi Keselamatan Negara, Dasar-Dasar Ekonomi, serta Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia.

Menurut Yang Berhormat, visi jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat bertepatan dan strategik, khususnya ketika dunia berdepan ketidakpastian geopolitik dan konflik yang mampu menjejaskan rantaian bekalan global sekali gus memberi kesan kepada negara.

"Penyelarasan yang kukuh bersama kementerian-kementerian dan Menteri-Menteri Penyelaras dapat membantu negara menghadapi cabaran di luar jangkaan secara lebih efisien dan teratur," jelasnya.

Yang Berhormat berkata, mekanisme penyelarasan yang diperkenalkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui titah semasa Majlis Persidangan

Menteri - Menteri Kabinet Ke-92 pada 15 Jun lalu turut memperkukuh pendekatan Whole-of-Government dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 agar setiap kementerian tidak lagi bergerak secara berasingan atau silo.

Yang Berhormat menjelaskan, Menteri-Menteri Penyelaras berperanan sebagai penghubung utama dalam menyatukan keutamaan, usaha dan tindakan kerajaan demi mencapai matlamat yang sama ke arah kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara.

Menurut Yang Berhormat lagi, tugas penyelarasan melibatkan dasar ekonomi, sosial, tenaga manusia dan keselamatan negara

yang saling berkait rapat, justeru kerjasama erat antara semua kementerian amat penting bagi memastikan usaha memelihara keselamatan, keharmonian sosial dan mempelbagaikan ekonomi dapat dilaksanakan secara berkesan.

Yang Berhormat turut menegaskan bahawa pelantikan tersebut merupakan satu amanah besar yang akan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab bagi menjunjung titah Kebawah DYMM serta memperkukuhkan pembangunan ekonomi negara ke arah merealisasikan matlamat ketiga Wawasan Brunei 2035 iaitu Ekonomi Yang Dinamik dan Berdaya Tahan.

"PENYELARASAN yang kukuh bersama kementerian-kementerian dan Menteri-Menteri Penyelaras dapat membantu negara menghadapi cabaran di luar jangkaan secara lebih efisien dan teratur," jelasnya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Ogos. - Pelantikan tiga Menteri Penyelaras semasa Rombakan dan Pelantikan Menteri-Menteri Kabinet pada 4 Jun 2026 mencerminkan kebijaksanaan serta keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



SEKTOR KEUTAMAAN DIPERKUKUH UNTUK MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Pg. Nurhafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Ogos. - Penyelaras dasar yang lebih berkesan menerusi sektor-sektor keutamaan akan terus diperkukuhkan bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara dan merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Menteri Penyelaras Bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin berkata pada hari pertama Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar

(KDNK) sektor bukan minyak dan gas sebanyak 0.7 peratus setahun yang menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan 2.7 peratus bagi tempoh 2015 hingga 2025 masih belum mencukupi.

Menurut Yang Berhormat Menteri Penyelaras Bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, berbaki kira-kira sembilan tahun sebelum Wawasan Brunei 2035 dicapai, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan melalui sektor-sektor keutamaan, termasuk sektor hiliran minyak dan gas, makanan, pelancongan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta sektor perkhidmatan.

Yang Berhormat berkata, usaha mempercepatkan pertumbuhan ekonomi menerusi sektor-sektor tersebut perlu terus dipergiat

melalui pendekatan Whole-of-Government dan Whole-of-Nation.

"Tugas Menteri Penyelaras bukan untuk mengambil alih peranan kementerian peneraju, sebaliknya memastikan dasar-dasar yang digubal adalah selaras dan menyokong kemajuan sektor-sektor keutamaan," jelasnya.

Yang Berhormat berkata, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri sentiasa bekerjasama dengan kementerian berkaitan bagi memantau penyelaras dasar ekonomi.

Menurut Yang Berhormat, di bawah Economic Blueprint, beberapa *industry roadmaps* dan *sectoral blueprints* telah disediakan atau sedang dirangka, antaranya Downstream Oil and

YANG Berhormat Menteri Penyelaras Bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri.

Gas Roadmap, Food Industry Roadmap, Tourism Industry Roadmap, Digital Economy Masterplan 2025, ICT Roadmap, Maritime Trade, Logistics and Services Roadmap, Aviation Services Roadmap serta Financial Sector Blueprint.

Yang Berhormat berkata, semua pelan tindakan tersebut menjadi asas kepada penyelaras dasar yang mampu menyokong pembangunan ekonomi negara secara lebih efektif dan mampan.

Yang Berhormat turut memaklumkan bahawa beberapa kumpulan penyelaras telah diwujudkan di bawah pelan tindakan sedia ada dan dicadangkan diperkukuhkan di peringkat menteri bagi



memastikan isu rentas sektor dapat ditangani dengan lebih berkesan.

Menurutnya, kebanyakan isu rentas kementerian melibatkan pelbagai bidang kuasa, dasar dan tanggungjawab yang memerlukan tindakan bersepadu, sekali gus membolehkan keputusan dibuat dengan lebih cepat dan akauntabiliti dikongsi bersama.

Sistem perlindungan sosial lebih bersasar, responsif, berasaskan data

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Pg. Nurhafilah Pg. Osman



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Ogos. - Hala tuju kedua ialah memperkukuh jaringan keselamatan sosial negara supaya lebih bersasar, bersepadu, responsif dan berorientasikan pemeraksanaan.

Jaringan keselamatan sosial bukan sekadar mekanisme pemberian bantuan, tetapi merupakan satu pelaburan untuk membina sebuah masyarakat yang inklusif, penyayang dan berdaya tahan.

Manakala, matlamat utamanya adalah untuk membantu individu dan keluarga beralih daripada kebergantungan kepada kemandirian, dengan memberikan sokongan yang membolehkan mereka bangkit semula, berdikari dan menyumbang kepada masyarakat mengikut kemampuan masing-masing.

Perkara itu digariskan oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman

semasa membahaskan Usul Menyokong Penyelaras ke Arah Mencapai Wawasan Brunei 2035 pada hari pertama Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, perkembangan geopolitik yang semakin tidak menentu memberi kesan langsung kepada kesejahteraan sosial, khususnya apabila gangguan terhadap rantaian bekalan global mengakibatkan kenaikan harga barangan dan kos sara hidup.

Keadaan ini terangnya, memberi tekanan yang lebih besar kepada golongan berpendapatan rendah dan isi rumah yang rentan, yang lazimnya mempunyai keupayaan terhad untuk menyerap kejutan ekonomi.

Sehubungan itu jelas Yang Berhormat, kita perlu terus memperkukuh ketahanan nasional melalui sistem perlindungan sosial yang lebih bersasar, responsif dan berasaskan data.

Bantuan hendaklah disalurkan mengikut tahap keperluan dan kerentanan setiap isi rumah agar golongan yang benar-benar memerlukan menerima sokongan yang sewajarnya.

Pada masa yang sama, pendekatan ini memastikan sumber kerajaan dimanfaatkan secara lebih cekap dan berkesan, di samping memelihara kemampanan fiskal negara bagi memenuhi keperluan generasi

masa hadapan.

Akhirnya, jaringan keselamatan sosial yang kukuh bukan sahaja berperanan mengurangkan kesan kejutan ekonomi global terhadap kehidupan rakyat, malah memperkukuh daya tahan masyarakat, meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan kerajaan, serta memastikan pembangunan negara terus berlangsung secara inklusif, mampan dan berdaya tahan, jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat menerangkan, berdasarkan data, penerima bantuan bagi tempoh 1 Januari 2023 hingga 24 Julai 2026, seramai 22,274 orang yang menerima bantuan adalah terdiri daripada 17,428 penerima di bawah Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal iaitu JUZWAB dan 4,846 penerima melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Daripada jumlah tersebut, 58 peratus merupakan mereka yang berumur 18 hingga 59 tahun; 28 peratus berumur di bawah 18 tahun; dan 14 peratus berumur 60 tahun ke atas.

Dari segi pendidikan, 58.2 peratus iaitu 12,955 orang berkelulusan sekolah menengah; 27.5 peratus iaitu 6,125 orang tidak mempunyai kelulusan formal; dan 9.4 peratus (2,104 orang) berkelulusan sekolah rendah.

Dari segi pekerjaan pula, 11,649 orang iaitu 52.3 peratus tidak mempunyai pekerjaan; 6,918 orang iaitu 31.1 peratus merupakan penuntut; dan 2,121 orang iaitu 9.5 peratus sedang bekerja.

Data ini jelas Yang Berhormat, menunjukkan bahawa isu kebajikan tidak hanya berkait

dengan pendapatan, tetapi turut dipengaruhi oleh tahap pendidikan, kebolehpasaran, status pekerjaan dan akses kepada peluang ekonomi.

Oleh itu, pendekatan kebajikan yang dilaksanakan perlu lebih bersasar dan disesuaikan dengan keadaan serta keupayaan setiap individu dan keluarga.

Selaras dengan pendekatan tersebut terangnya, jaringan keselamatan sosial hendaklah dibangunkan berasaskan tiga komponen utama, iaitu perlindungan, pemulihan dan pemeraksanaan.

Perlindungan memastikan golongan yang memerlukan terus menerima bantuan serta akses kepada perkhidmatan asas bagi menjamin kelangsungan kehidupan masing-masing.

Pemulihan pula memberi tumpuan kepada usaha membantu individu dan keluarga mengatasi cabaran yang menjejaskan kesejahteraan, sekali gus memulihkan keupayaan mereka untuk kembali berfungsi secara produktif dalam masyarakat.

Manakala, Pemeraksanaan pula menumpukan kepada pembangunan keupayaan melalui pendidikan, latihan kemahiran, peluang pekerjaan, keusahawanan dan sokongan komuniti, agar mereka berupaya meningkatkan taraf hidup, berdikari serta mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kerajaan secara berterusan apabila keadaan mengizinkan.

Dalam menghadapi peningkatan kos sara hidup dan perubahan sosioekonomi yang semakin mencabar ujar Yang Berhormat lagi, pendekatan ini penting bagi memastikan respons

kerajaan tidak hanya tertumpu kepada pemberian bantuan kewangan atau subsidi semata-mata, tetapi turut memperkukuh keupayaan rakyat menjana pendapatan, meningkatkan produktiviti, memperkukuh daya tahan isi rumah serta mengurangkan kebergantungan kepada bantuan dalam jangka panjang.

"Sesebuah keluarga yang memerlukan bantuan kewangan mungkin turut berhadapan dengan masalah pekerjaan, pendidikan anak-anak, kesihatan, perumahan, pengangkutan dan juga penjagaan ahli keluarga.

"Oleh itu, pendekatan pengurusan kes (*case management*) yang lebih bersepadu perlu diperkukuhkan supaya setiap keluarga dinilai secara menyeluruh dan pelan intervensi dapat dirancang, diselaras dan dipantau secara kolektif antara kementerian, agensi dan pihak berkepentingan," terangnya.

Pendekatan ini tambahnya lagi, bukan sahaja meningkatkan keberkesanan bantuan, malah turut mengelakkan pertindihan program dan memastikan sumber kerajaan dimanfaatkan secara optimum.

Kejayaan dasar sosial tidak boleh diukur berdasarkan jumlah penerima bantuan semata-mata, tetapi sejauh mana mereka berjaya meningkatkan taraf hidup, memperoleh pekerjaan, memperkukuh pendapatan keluarga dan akhirnya mampu berdikari.

Inilah perubahan paradigma yang ingin kita bawa, iaitu daripada mengurus bantuan kepada mengurus keberhasilan, jelas Yang Berhormat.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN Ke-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PASTIKAN KEPENTINGAN, TANGGUNGJAWAB PEKERJAAN RASMI DIBERI KEUTAMAAN

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Pg. Nurhafilah Pg. Osman



**YANG Berhormat Menteri di JPM
(Urustadbir Perkhidmatan Awam).**

dijalankan dalam waktu pejabat atau semasa pegawai dikehendaki melaksanakan tugas rasminya termasuk meninggalkan tempat bertugas bagi menguruskan urusan perniagaan.

Ini jelas kerana tanggungjawab utama bagi seseorang individu, pegawai atau kakitangan kerajaan adalah diberikan kepada tanggungjawab dan peranannya sebagai pegawai atau kakitangan kerajaan dan aktiviti usaha niaganya sudah setentunya jelas ia dibuat atau diberi kebenaran untuk dilaksanakan di luar tanggungjawabnya, di luar skop pekerjaannya dan di luar waktu pejabat.

Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad menyatakan perkara tersebut bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin mengenai tindakan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) terhadap kakitangan dan pegawai kerajaan yang menjalankan perniagaan kecil-kecilan seperti

menjual Nasi Katok atau kuih-muih secara penghantaran pada waktu bekerja.

Yang Berhormat Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam) seterusnya mengongsikan, setakat ini, permohonan yang dipertimbangkan bagi menjalankan pekerjaan luar atau perniagaan secara sambilan adalah terdiri daripada Bahagian III dan ke bawah. Seterusnya, setiap pegawai dan kakitangan diberikan kebenaran juga, hendaklah sentiasa mematuhi peraturan yang berkuatkuasa, mengekalkan

nilai-nilai integriti sebagai penjawat awam serta memastikan kepentingan dan tanggungjawab pekerjaan rasminya sentiasa diberi keutamaan.

Dalam hubungan ini, ketua jabatan dan penyelia masing-masing adalah bertanggungjawab untuk memantau kehadiran dan keberadaan pegawai dan kakitangan tersebut dalam waktu bekerja termasuk tahap prestasi mereka dari semasa ke semasa.

Kebenaran menjalankan perniagaan, pekerjaan luar atau perniagaan sambilan boleh ditarik pada bila-bila masa sekiranya ia jelas menjejaskan prestasi kerja

harian pegawai dan kakitangan berkenaan.

Berkenaan dengan soalan adakah siasatan akan dijalankan berikutan ketiadaan mereka di pejabat yang boleh menjejaskan penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai, Yang Berhormat menjelaskan, seperti dinyatakan sebelum ini bahawa, memanglah tanggungjawab tersebut adalah terletak di atas ketua jabatan masing-masing sekiranya terdapat aduan atau maklumat yang sahih yang berasas bahawa seorang pegawai dan kakitangan itu meninggalkan tempat bertugas tanpa kebenaran kerana urusan niaga atau menjalankan perniagaan semasa waktu bekerja sehingga jelas menjejaskan penyampaian perkhidmatan organisasi, maka ketua jabatan hendaklah meneliti, membuat teguran dan menasihati sebagaimana yang perlu kepada pegawai dan kakitangan berkenaan.

"Sekiranya siasatan diperlukan dan didapati pelanggaran-pelanggaran peraturan maka tindakan akan diambil ke atas pegawai berkenaan menurut peraturan - peraturan yang berkuatkuasa," tambah Yang Berhormat pada hari pertama Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

**YANG Berhormat Menteri di JPM
(Urustadbir Perkhidmatan Awam)
seterusnya mengongsikan, setakat ini,
permohonan yang dipertimbangkan bagi
menjalankan pekerjaan luar atau
perniagaan secara sambilan adalah terdiri
daripada Bahagian III dan ke bawah.
Seterusnya, setiap pegawai dan
kakitangan diberikan kebenaran juga,
hendaklah sentiasa mematuhi peraturan
yang berkuatkuasa, mengekalkan
nilai-nilai integriti sebagai penjawat awam
serta memastikan kepentingan dan
tanggungjawab pekerjaan rasminya
sentiasa diberi keutamaan.**

Pembangunan bandar, desa dilaksanakan secara mampan, berdaya tahan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Ogos. - Kementerian Pembangunan pada dasarnya mengamalkan pendekatan perancangan bangunan yang berasaskan data iaitu Data Driven Planning bagi memastikan pembangunan bandar dan desa dilaksanakan secara mampan, berdaya tahan dan memenuhi keperluan semasa serta keperluan masa akan datang.

Bagi penyediaan pelan-pelan perancangan pembangunan di

peringkat Pelan Induk Guna Tanah dan Pelan Daerah, Kementerian Pembangunan telah melaksanakan kira-kira 19 kajian sektoral yang merangkumi aspek ekonomi, demografi, perumahan, guna tanah, pengangkutan, sumber air saliran pembetungan, utiliti, telekomunikasi dan alam sekitar.

Kajian-kajian ini menjadi asas kepada perancangan guna tanah yang lebih bersepadu dengan mengambil kira kapasiti

infrastruktur utiliti yang sedia ada, potensi pembangunan serta risiko-risiko yang dikenal pasti.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid mengongsikan perkara tersebut bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin mengenai pendekatan strategik kementerian untuk memastikan pembangunan bandar dan desa dipandu oleh data serta penilaian dan *risk mapping*, dengan mengintegrasikan guna tanah, utiliti, infrastruktur sedia ada serta keperluan masa hadapan, di samping memastikan hala tuju perancangan yang jelas dan telus dengan mengambil kira kesan ketidaktentuan iklim.

Sejajar dengan penyediaan pelan baharu bagi tempoh 20 tahun yang akan datang, jelas Yang Berhormat Menteri Pembangunan menyatakan, semua kajian ini sedang dan terus dikemas kini dalam memberi penekanan yang lebih menyeluruh terhadap ketidaktentuan iklim, penilaian risiko-risiko dan daya tahan infrastruktur yang ada.

Di peringkat kawalan kemajuan pula, jelas Yang Berhormat, setiap cadangan pembangunan dinilai secara bersepadu bersama agensi-agensi teknikal, mengambil kira kesesuaian guna tanah, kapasiti jalan raya, utiliti dan infrastruktur yang sedia ada, sistem saliran, kawasan hijau serta risiko alam sekitar.

Pendekatan ini memastikan pembangunan yang diluluskan bukan sahaja memenuhi keperluan teknikal malah selaras dengan hala tuju perancangan negara dan tidak melebihi kapasiti infrastruktur yang sedia ada.

Sebagai sebahagian langkah penyesuaian terhadap perubahan iklim, Yang Berhormat seterusnya menambah, kementerian juga menaik taraf reka bentuk sistem saliran di kawasan-kawasan strategik daripada 1 dalam 50 tahun *strong return period* kepada 1 dalam 100 tahun *strong return period*. Ini adalah bagi meningkatkan ketahanan infrastruktur terhadap jangkaan intensiti hujan yang dijangka akan semakin naik dan tinggi bagi mengurangkan risiko banjir di masa depan.

"Di samping itu, kementerian turut mengikuti perkembangan amalan terbaik di peringkat serantau dan antarabangsa



**YANG Berhormat Menteri
Pembangunan semasa berucap.**

melalui penyertaan dalam berbagai platform kerjasama teknikal dan mesyuarat sebagai platform perkongsian amalan terbaik termasuk pengetahuan mengenai inovasi terbaharu, teknologi dalam perancangan bandar, pengurusan risiko serta adaptasi perubahan iklim yang boleh diterapkan mengikut kesesuaian," tambah Yang Berhormat pada hari pertama Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

**SEJAJAR dengan penyediaan
pelan baharu bagi tempoh 20
tahun yang akan datang, jelas
Yang Berhormat Menteri
Pembangunan menyatakan,
semua kajian ini sedang dan
terus dikemas kini dalam
memberi penekanan yang lebih
menyeluruh terhadap
ketidaktentuan iklim, penilaian
risiko-risiko dan daya tahan
infrastruktur yang ada.**

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



Perancangan tenaga perlu disepadukan dengan perancangan ekonomi

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Pg. Mohd. Aminol
Adi Azraie Pg. Haji Nikman



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

kebolehppercayaan, kemampuan, daya tahan dan kelestarian sistem tenaga. Oleh itu, perancangan tenaga perlu disepadukan dengan perancangan ekonomi dan pembangunan negara.

Demikian antara yang diujarkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin dalam perbahasan bagi usul menyokong penyelarasan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22, MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang diadakan di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

"Infrastruktur penajaan, penghantaran dan pengagihan perlu disenggara serta dinaik taraf secara terancang. Sistem juga perlu mempunyai kapasiti

sokongan, pelan kecemasan dan laluan pemulihan yang jelas sekiranya berlaku kerosakan, bencana atau gangguan bekalan.

"Keutamaan perlu diberikan kepada kemudahan kritikal seperti hospital, sistem air, komunikasi dan perkhidmatan kecemasan supaya dapat terus beroperasi ketika berlaku gangguan.

"Kebergantungan berlebihan kepada satu sumber atau teknologi boleh meningkatkan risiko kepada negara. Oleh itu, campuran tenaga perlu dirancang dengan mengambil kira sumber sedia ada, tenaga boleh diperbaharui, penyimpanan tenaga dan teknologi baharu yang sesuai," ujar Yang Berhormat lagi.

Kepelbagaian ini, ujar Yang Berhormat, perlu dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan kos, kebolehppercayaan dan kesesuaian dengan keperluan negara – bukan sekadar memenuhi sasaran teknologi.

Keselamatan tenaga bukan hanya dicapai dengan

menambah bekalan. Penggunaan tenaga juga perlu diurus dengan lebih cekap dalam sektor kerajaan, industri, perniagaan dan isi rumah.

Audit tenaga, tambah Yang Berhormat, peralatan cekap tenaga, reka bentuk bangunan yang lebih baik dan penggunaan teknologi pintar boleh mengurangkan pembaziran serta tekanan terhadap sistem. Penjimatan yang dicapai juga boleh digunakan untuk meningkatkan pelaburan dalam infrastruktur tenaga.

KPI bersama hendaklah merangkumi iaitu Kecukupan kapasiti serta simpanan bekalan; Kekerapan dan tempoh gangguan bekalan dan Masa pemulihan selepas gangguan.

"Keselamatan tenaga memerlukan keseimbangan antara bekalan yang mencukupi, harga yang berpatutan, infrastruktur yang boleh dipercayai dan sistem yang berdaya tahan.

"Dengan pendekatan seluruh kerajaan, perancangan tenaga dapat menyokong pertumbuhan

ekonomi, kesejahteraan rakyat dan kesinambungan perkhidmatan penting negara," ujar Yang Berhormat.

Dalam mengakhiri perbahasan, Yang Berhormat ingin menekankan, cabaran utama sekarang bukan lagi merancang, tapi melaksana dengan pantas dan menyelaras – bergerak seiring, tidak bertindih dan memberi impak terus kepada rakyat menjelang 2035.

"Komunikasi terbuka kepada rakyat juga penting, bukan sekadar untuk memaklumkan perkembangan, tetapi bagi mendapatkan maklum balas dan menilai sama ada hasil pembangunan benar - benar sampai kepada mereka.

"Berlandaskan perkara-perkara yang telah kaola huraikan serta mengambil kira kepentingan penyelarasan dalam memperkukuh pelaksanaan Wawasan Brunei 2035, kaola dengan ini menyatakan sokongan penuh terhadap usul tersebut," jelas Yang Berhormat mengakhiri usul menyokong penyelarasan tersebut.

KEPENTINGAN PENYELARASAN PASTIKAN ASPIRASI NEGARA TERLAKSANA

AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Ogos. - Penubuhan Menteri-menteri Penyelaras merupakan satu langkah yang signifikan dalam memperkukuhkan keupayaan institusi kerajaan untuk menerajui agenda pembangunan negara.

Lebih-lebih lagi ketika Wawasan Brunei 2035 kini memasuki fasa pelaksanaan yang semakin menentukan, penyelarasan yang lebih mantap adalah penting bagi memastikan aspirasi negara terus dilaksanakan secara teratur, konsisten dan berkesan.

Demikian antara yang diujarkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat dalam perbahasan bagi usul menyokong penyelarasan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22, MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang diadakan di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Yang Berhormat turut melihat bahawa asas-asas pembangunan telah banyak

dibentuk, keutamaan kini bukan lagi hanya kepada penyediaan dasar dan pelan tindakan tetapi bagaimana segala usaha tersebut dapat bergerak secara saling memperkukuhkan agar menghasilkan impak yang lebih menyeluruh.

Daripada pemerhatian Yang Berhormat, penyelarasan sering difahami dalam konteks hubungan antara Kementerian. Namun apabila meneliti aspirasi Wawasan Brunei 2035, Yang Berhormat melihat skop penyelarasan sebenarnya jauh lebih luas daripada itu.

Wawasan Brunei 2035 bukan sahaja merupakan agenda kerajaan malah ia juga merupakan agenda pembangunan negara yang memerlukan penyertaan pelbagai pihak yang mempunyai peranan dan pengaruh masing-masing.

"Sektor swasta menentukan keupayaan ekonomi berkembang. Institusi pendidikan menyediakan modal insan yang diperlukan oleh negara. Badan - badan profesional menyumbang kepakaran.

"Institusi penyelidikan menghasilkan pengetahuan baharu. Majlis Perundangan

Kampung memahami realiti masyarakat di peringkat akar umbi, manakala pertubuhan-pertubuhan masyarakat pula sering menjadi rakan penting dalam melaksanakan pelbagai inisiatif sosial," ujar Yang Berhormat.

Kesemua ini membentuk ekosistem pembangunan negara. Dalam hubungan ini, Yang Berhormat berpandangan bahawa mekanisme penyelarasan turut membuka ruang untuk memperkukuh hubungan strategik antara kerajaan dengan keseluruhan ekosistem tersebut melalui penglibatan yang lebih berterusan, supaya pandangan, pengalaman dan kepakaran daripada pelbagai pihak dapat dimanfaatkan lebih awal dalam membentuk keutamaan pembangunan negara.

"Pendekatan sedemikian akan memperkukuhkan lagi rasa pemilikan bersama terhadap Wawasan Brunei 2035 kerana pencapaiannya bergantung kepada sejauh mana seluruh negara bergerak dengan kefahaman dan matlamat yang sama," tambah Yang Berhormat.

Dalam pentadbiran, jelas Yang Berhormat, kita sering memberikan perhatian kepada bagaimana sesuatu isu diselesaikan. Walau bagaimanapun, pada pandangan Yang Berhormat, sama pentingnya ialah bagaimana sesuatu isu dapat dikenal pasti sebelum ia berkembang menjadi cabaran yang lebih besar.

Landskap pembangunan hari ini, ujar Yang Berhormat,

berubah dengan begitu pantas malah perkembangan teknologi, Kecerdasan Buatan (AI), perubahan struktur penduduk, tekanan ekonomi global serta peningkatan jangkaan masyarakat terhadap Perkhidmatan Awam berlaku serentak dan memberi kesan merentas pelbagai sektor.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat melihat mekanisme penyelarasan mempunyai potensi untuk menjadi ruang di mana pelbagai analisis dan pandangan strategik daripada Kementerian serta pihak-pihak berkepentingan dapat dihindungkan bagi mengenal pasti arah perubahan yang sedang berlaku serta implikasinya kepada negara.

Keupayaan ini membolehkan pertimbangan strategik dibuat lebih awal serta membantu kerajaan menyediakan tindak balas yang lebih tersusun dan berpandangan jauh.

"Dalam agenda pembangunan jangka panjang, kejelasan dan konsistensi dasar merupakan asas kepada keyakinan. Ia membolehkan sektor swasta membuat keputusan pelaburan, institusi pendidikan merancang pembangunan bakat dan masyarakat menyesuaikan diri dengan perubahan yang sedang berlaku.

"Pada pandangan kaola, penyelarasan yang mantap turut menyumbang kepada pembentukan keyakinan tersebut. Apabila keutamaan negara diterjemahkan secara konsisten merentasi pelbagai

kementerian, pihak-pihak di luar kerajaan akan lebih mudah memahami arah pembangunan negara dan merancang tindakan masing-masing selaras dengan keutamaan tersebut.

"Dalam erti kata lain, penyelarasan buka sahaja memperkukuh hubungan dalam pentadbiran kerajaan, tetapi memperkukuhkan keyakinan seluruh ekosistem pembangunan terhadap hala tuju negara," jelas Yang Berhormat lagi.

Sebagai Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat melihat bahawa pendekatan ini memberikan perspektif baharu kepada peranan MMN. Pandangan yang dibawa ke dewan ini lahir daripada pengalaman masyarakat, daerah dan pelbagai sektor yang diwakili. Oleh itu, ahli-ahli berupaya menyumbang perspektif rentas sektor yang dapat memperkaya proses penyelarasan dan pelaksanaan dasar negara.

"Kaola yakin penubuhan Menteri-menteri Penyelaras merupakan satu langkah yang tepat dan berpandangan jauh. Di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta komitmen seluruh jemaah menteri, kaola yakin mekanisme ini akan menjadi satu lagi pemangkin penting dalam memperkukuhkan perjalanan negara ke arah merealisasikan aspirasi negara," ujar Yang Berhormat mengakhiri usul menyokong penyelarasan tersebut.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



TRANSFORMASI PENYELARASAN LIPAT GANDAKAN IMPAK SIGNIFIKAN



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Ogos. - Kita seharusnya mendengar dan memantuni apa jua keluhan, pandangan dan tidak boleh mengabaikan atau menafikan peranan sektor swasta selaku *engine of growth*, begitu juga suara dan maklum balas daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan masyarakat di negara ini.

Tatacara sedemikian ini berupaya merungkai dan seterusnya mengatasi masalah

yang mereka hadapi di samping mendapatkan pandangan yang konstruktif lagi produktif.

Penglibatan ketiga-tiga sektor ini mampu bertindak sebagai *value added* yang akan membantu mengukuh-kuatkan lagi keberkesanan penyelarasan dari pendekatan *Whole of Government* kepada melangkaui keseluruhan *stakeholders* *Whole of Nation Approach* (pihak kerajaan, swasta, NGO dan masyarakat) di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Dengan wujudnya pendekatan transformasi penyelarasan dan keseragaman yang holistik dan berkesan, insyaaAllah limpahannya akan melipat gandakan impak yang signifikan bukan sahaja *spin off* dan *multiplier economic effect* malahan *value chain* (rantai nilai) dalam pelbagai aktiviti perekonomian dan perniagaan negara.

Ini sudah setentunya, melonjakkan lagi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), meningkatkan pertumbuhan ekonomi, menjana lebih banyak pelbagai peluang pekerjaan, meningkatkan tenaga manusia berkemahiran dan profesional, memperkukuhkan keyakinan pelabur, mewujudkan pelbagai

high-tech value added produk dan industri hiliran.

Demikian antara yang diujarkan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof dalam perbahasan bagi usul menyokong penyelarasan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22, MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang diadakan di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Seterusnya, ujar Yang Berhormat, dengan pencapaian kemantapan kemajuan sosioekonomi, insyaaAllah mampu menangani masalah sosial seperti pengangguran dan kemiskinan di samping meningkatkan kualiti kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk.

Apa yang juga ingin ditimbulkan, jelas Yang Berhormat, yang sering menjadi kekusaran dan ketidakseimbangan hati dalam kalangan masyarakat berhubung kait dengan pengangguran yang ada kaitannya dengan penyelarasan

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

dasar sosial dan tenaga manusia.

Dengan merujuk kepada Laporan Labour Force Survey 2025 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), menunjukkan peningkatan jumlah pengangguran daripada 10,900 (4.7 peratus) pada tahun 2024 kepada 11,600 (5.0 peratus) pada 2025.

Yang Berhormat mengalu-alukan pelbagai agensi berkepentingan bukan sahaja di pihak kerajaan malahan melibatkan pihak industri dan sektor swasta secara bersepadu telah mengambil langkah lebih komprehensif dan memperkukuhkan strategi-strategi yang lebih terarah dalam menangani isu pengangguran.

Antara lainnya seperti penubuhan Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan, Manpower Industry Steering Committee (MISC) dan juga kajian dan penyelidikan yang dilaksanakan oleh Pusat Pengajian Strategik dan Dasar (CSPS), Jabatan Perdana

Menteri. Begitu juga Kementerian Pendidikan, yang melaksanakan pelbagai inisiatif dan strategi untuk menanganinya.

"Kaola berpendapat, dalam menangani isu pengangguran yang berkaitan rapat dengan pekerjaan, industri, tenaga manusia serta pendidikan yang merentasi pelbagai agensi berkepentingan khususnya pihak kerajaan, industri, pihak swasta dan lain-lain agensi yang berkepentingan.

"Bagi mengelakkan duplikasi atau tugas yang bertindih-tindih supaya lebih fokus serta memastikan keberkesanan menangani isu pengangguran, ada baiknya direview dan dikemas kini fungsi dan peranan agensi-agensi yang relevan serta pelbagai jawatankuasa yang diwujudkan untuk diselarasakan dan diselaraskan dasar pendidikan, latihan dan tenaga manusia, bagi memastikan sehaluan dengan strategik perancangan tenaga manusia ke arah keberkesanan mencapai objektif Manpower Blueprint selari dengan Wawasan Brunei 2035," ujar Yang Berhormat.

Kemajuan Wawasan Brunei 2035 wajar dipaparkan melalui platform awam

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Ogos. - Kemajuan Wawasan Brunei 2035 wajar dipaparkan melalui platform awam yang mudah diakses dan dikemas kini secara berkala dengan memuatkan sasaran, garis masa, tahap kemajuan, pihak yang bertanggungjawab serta langkah pembetulan apabila pelaksanaannya ketinggalan.

Platform berkenaan juga perlu menjelaskan bagaimana kerajaan, sektor perniagaan dan masyarakat boleh memainkan peranan masing-masing dalam menyumbang ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee mengemukakan cadangan tersebut semasa perbahasan bagi usul menyokong penyelarasan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 pada hari pertama Majlis Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22, MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat berkata, penerbitan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan garis masa akan membantu mengenal pasti kelewatan lebih awal.

Manakala ketelusan bukan bertujuan mencari kesalahan tetapi memperkukuh akauntabiliti, mengekalkan

momentum dan membina keyakinan orang ramai. "Kaola baru-baru ini diperkenalkan kepada Pentahelix Approach oleh pihak Universiti Brunei Darussalam. Pendekatan ini menghimpunkan kerajaan, akademik, industri, masyarakat dan media.

"Kerajaan memberikan hala tuju; akademik menyumbangkan bukti; industri membawa kepakaran pelaksanaan; masyarakat berkongsi pengalaman sebenar dan media meningkatkan kesedaran serta akauntabiliti.

"Kekuatannya ialah memastikan semua pihak terus terlibat daripada memahami masalah sehingga mencapai hasil. Oleh itu, kaola menggalakkan kementerian-kementerian mempertimbangkan pendekatan ini bagi inisiatif yang memerlukan kerjasama merentas sektor," jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, pelantikan Menteri - menteri Penyelaras adalah bertepatan pada masanya kerana dapat memastikan setiap inisiatif rentas kementerian mempunyai peneraju yang jelas, di samping membolehkan isu pertindihan atau kelewatan ditangani dengan lebih berkesan agar semua agensi bergerak sehaluan.

Tambah Yang Berhormat, keutamaan seterusnya ialah merapatkan jurang antara hasrat dengan penyampaian, sambil

menegaskan bahawa walaupun kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif dapat difahami, ketidakpastian yang berpanjangan tidak seharusnya menjadi kebiasaan.

Terdahulu, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee menyentuh mengenai cadangan penubuhan Stock Exchange Brunei dan transformasi sistem pengangkutan awam yang memerlukan peneraju yang jelas, kesinambungan serta tindakan susulan yang terselaras bagi memastikan pelaksanaannya berjalan lancar.

"Pada Mac 2026, majlis ini telah dimaklumkan bahawa bursa tersebut dijangka dilancarkan pada akhir suku ketiga 2027. Ini memerlukan aspek perundangan, pengawalseliaan dan teknologi, bersama institusi kewangan, syarikat berpotensi untuk disenaraikan dan pelabur untuk bergerak seiring," ujar Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai transformasi perkhidmatan bas awam, Yang Berhormat berkata, rancangan menyeluruh mengenainya telah dibentangkan pada tahun 2015, diikuti cadangan rangkaian laluan pada tahun 2016 dengan pelaksanaannya disasarkan bermula pada pertengahan 2017.

Sejak itu, tambah Yang Berhormat, projek berkenaan telah melalui beberapa peringkat termasuk kajian lanjut, reka bentuk semula dan proses perolehan. Pada bulan Mac 2026, rundingan telah diteruskan dengan dua buah syarikat terpilih

AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

di bawah proses Permintaan Cadangan.

Yang Berhormat turut mengalu-alukan rancangan memperkenalkan perkhidmatan Demand Responsive Transit pada tahun ini dan berharap pelaksanaannya dapat direalisasikan seperti yang dirancang supaya orang ramai dapat menikmati sistem pengangkutan awam yang lebih mudah, fleksibel dan boleh dipercayai.

"Perkara ini menjadi penting dalam konteks persediaan *kitani* bagi Visit Brunei Year 2027. Kejayaannya memerlukan sektor pelancongan, pengangkutan, imigresen, kastam, perkhidmatan perbandaran, kerja raya, pengendali swasta dan masyarakat setempat untuk memberikan perkhidmatan sebagai satu sistem bersepadu. "Bagi pelancong, pengalaman mereka di Brunei tidak terbahagi mengikut sempadan kementerian atau agensi. Mereka mengalaminya sebagai satu perjalanan," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat menekankan, tumpuan bukanlah terhadap tempoh pelaksanaan semata-mata kerana projek berskala besar sememangnya memerlukan perancangan, rundingan dan persediaan teknikal yang rapi, sebaliknya



bagaimana tempoh daripada pengumuman hingga pelaksanaannya dapat diurus secara lebih berdisiplin dan cekap.

"Apabila inisiatif penting berlarutan tanpa penyelesaian yang jelas, keyakinan orang ramai boleh terjejas," tegas Yang Berhormat.

Kata Yang Berhormat, setiap inisiatif utama yang melibatkan pelbagai agensi perlu mempunyai peneraju yang jelas, garis masa yang realistik, pembahagian tanggungjawab, penanda aras khusus, mekanisme bagi menangani isu yang belum diselesaikan serta pemantauan berkala.

Yang Berhormat turut bersetuju bahawa sekiranya sesuatu sasaran tidak lagi dapat dicapai, penyebabnya hendaklah dikenal pasti lebih awal, langkah pembetulan diambil dan hala tuju baharu dimaklumkan dengan jelas.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PENYELARASAN KPI MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI, PEKERJAAN BERKUALITI

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Pg. Mohd. Aminol
Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Ogos. - Dalam tempoh baki sembilan tahun menuju Wawasan Brunei 2035, fasa yang dihadapi Negara Brunei Darussalam bukan lagi fasa perancangan tetapi fasa pelaksanaan yang perlu menunjukkan kemajuan nyata dan dapat dirasakan oleh rakyat.

Perkara itu ditekankan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin dalam perbincangan bagi usul menyokong penyelarasan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 pada hari pertama Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22, MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, pelantikan Menteri-menteri Penyelaras oleh Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah bertepatan dan tepat pada masanya bagi memberi tumpuan sepadu kepada pelaksanaan yang seiring, lebih pantas, berimpak tinggi dan berkesan.

Pelaksanaan tersebut perlu menghasilkan *measurable tangible outcomes* yang boleh dinilai dalam tempoh pendek, sederhana dan panjang dengan pelaksanaannya dipecahkan kepada fasa atau *building blocks* yang jelas bagi memudahkan pemantauan berkala, penilaian kemajuan serta tindakan pembetulan awal apabila diperlukan.

Yang Berhormat menegaskan, penyelarasan itu sendiri bukanlah matlamat akhir. Ia merupakan satu mekanisme untuk menghasilkan keputusan yang lebih cepat, menentukan

semula keutamaan aktiviti yang perlu, tanggungjawab diagihkan agar lebih jelas serta memastikan penggunaan sumber yang lebih teratur bagi mencapai National Outcomes yang benar-benar dapat dilihat dan dirasakan oleh negara serta rakyat.

Dalam perbincangannya, Yang Berhormat menyentuh tiga National Outcomes utama iaitu pertumbuhan ekonomi, peluang pekerjaan (*employment*) dan sekuriti makanan (*food security*).

Bagi membantu pelaksanaan struktur Menteri Penyelaras, Yang Berhormat mengemukakan beberapa pandangan berdasarkan pengalamannya dalam sektor korporat khususnya mengenai kaedah pemantauan strategi tindakan (*strategic monitoring tool to take corrective action*) apabila sesuatu hasil bergantung kepada tindakan beberapa jabatan, agensi dan pihak berkepentingan yang mempunyai keutamaan, jadual serta cabaran tersendiri.

Yang Berhormat mencadangkan supaya

keutamaan nasional yang melibatkan beberapa kementerian diterjemahkan kepada Joint Coordination Action Activities iaitu satu set aktiviti penyelarasan bersama yang jelas dan boleh dilaksanakan.

Menurut Yang Berhormat, daripada pelbagai KPI yang telah tersedia di setiap kementerian, Menteri Penyelaras bersama menteri yang memiliki KPI berkenaan boleh mengenal pasti KPI paling kritikal dan perlu diberi keutamaan secara kolektif bagi menyumbang kepada sesuatu National Outcome.

Yang Berhormat menjelaskan, cadangan tersebut bukan untuk mewujudkan KPI baharu, namun KPI sedia ada perlu dipetakan, diselaraskan, dinilai risikonya dan diberikan keutamaan berdasarkan impak.

"Sebagai contoh, bagi National Outcome pertumbuhan ekonomi, usaha memudahkan perniagaan (*businesses*) dan menarik FDI memang penting. Namun, kejayaan bukan hanya melalui bilangan syarikat yang



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

didaftarkan, mencapai *ranking* tinggi dalam indikator Ease of Doing Business atau banyaknya jumlah Memorandum of Understanding (MoUs) atau jumlah pelaburan yang diumumkan.

"Kita mungkin perlu beri keutamaan kepada pelaburan yang bukan saja mempunyai impak ekonomi tinggi tetapi yang menyumbang kepada National Outcome yang lain jua," jelas Yang Berhormat.

>> Muka 15

Memperkukuhkan usaha negara membina ekonomi berdaya tahan, berdaya saing

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Ogos. - Penyelarasan yang lebih mantap merupakan antara faktor utama yang akan menentukan sejauh mana dasar-dasar yang baik dapat diterjemahkan kepada hasil yang nyata bagi negara.

Perkara tersebut ditekankan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Lau How Teck dalam perbincangan bagi usul menyokong penyelarasan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 pada hari pertama Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22, MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, dari perspektif pembangunan ekonomi, tiada lagi satu sektor pada masa kini yang mampu berkembang secara bersendirian.

Keselamatan makanan misalnya, bukan hanya tertumpu kepada sektor pertanian tetapi turut melibatkan penyelidikan, teknologi, pembiayaan, pembangunan, logistik, pemprosesan, pemasaran serta peluang eksport.

Begitu juga dalam pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) serta usaha menarik pelaburan, yang menurut Yang Berhormat, setiap satunya saling berkait dan memerlukan sokongan daripada pelbagai

pihak.

Tambah Yang Berhormat, kekuatan penyelarasan bukan hanya menjadikan pelaksanaan lebih lancar tetapi juga memastikan setiap usaha yang dibuat dapat memberi nilai tambah kepada usaha yang lain.

Apabila setiap sektor bergerak dengan kefahaman yang sama terhadap keutamaan negara, jelas Yang Berhormat, kesannya akan menjadi lebih besar berbanding jika setiap pihak bergerak secara berasingan.

Dalam dunia perniagaan pula, Yang Berhormat berkata, keyakinan merupakan asas kepada setiap keputusan yang dibuat. Pelabur tidak membuat keputusan hanya berdasarkan satu insentif atau satu dasar sahaja tetapi turut melihat sama ada hala tuju pembangunan negara adalah jelas, keutamaan diterjemahkan secara konsisten dan semua pihak bergerak ke arah yang sama.

Yang Berhormat menambah, keadaan berkenaan akan menjadikan sektor swasta lebih berani membuat pelaburan jangka panjang, memperkenalkan teknologi baharu, meningkatkan kapasiti pengeluaran serta membuka peluang pekerjaan.

Kata Yang Berhormat, inilah antara nilai yang dapat diwujudkan melalui penyelarasan yang lebih kukuh, bukan sahaja dalam memperbaiki pelaksanaan dalam kerajaan, malah turut

memberi keyakinan kepada sektor swasta untuk bergerak bersama dalam menjayakan agenda pembangunan negara.

Yang Berhormat turut berpendapat, penyelarasan yang baik bukan hanya membantu menyelesaikan isu yang sedang dihadapi, namun juga membolehkan negara mengenal pasti peluang-peluang baharu dengan lebih awal.

Yang Berhormat mengambil contoh sektor agromakanan, di mana peluang ekonomi tidak hanya terletak pada peningkatan pengeluaran. Bahkan, nilai yang lebih besar boleh diwujudkan melalui pemprosesan makanan, pembangunan produk bernilai tinggi, penggunaan teknologi moden, pensijilan halal, inovasi serta pembukaan pasaran baharu.

Menurut Yang Berhormat, jika semua elemen tersebut dilihat sebagai satu rantaian yang saling berkait, peluang ekonomi yang diwujudkan juga akan menjadi lebih luas.

Pendekatan berkenaan, kata Yang Berhormat, akan membantu mempercepatkan usaha mempelbagaikan ekonomi negara. Sementara itu, Yang Berhormat memberikan pandangan bahawa penyelarasan yang lebih kukuh akan membantu negara meningkatkan produktiviti.

Yang Berhormat berkata, apabila membincangkan produktiviti, tumpuan sering

AHLI MMN, Yang Berhormat Lau How Teck.



diberikan kepada pekerja atau syarikat, namun produktiviti turut dipengaruhi oleh cara institusi bekerjasama.

Apabila sesuatu isu memerlukan tindakan daripada beberapa pihak, penyelarasan yang baik akan dapat mengurangkan masa membuat keputusan, mempercepatkan pelaksanaan serta membolehkan sumber digunakan dengan lebih berkesan.

Menurut Yang Berhormat, peningkatan produktiviti melalui pendekatan tersebut bukan sahaja memberi manfaat kepada kerajaan tetapi juga memberi kesan kepada dunia perniagaan, pelabur dan rakyat kerana keputusan dapat diterjemahkan kepada tindakan yang lebih cepat dan berkesan.

Yang Berhormat seterusnya berkata, kejayaan Wawasan Brunei 2035 tidak hanya bergantung kepada bilangan inisiatif yang dilaksanakan tetapi sejauh mana setiap inisiatif tersebut saling melengkapi dan

menghasilkan nilai yang lebih besar kepada negara.

Yang Berhormat menegaskan, apabila penyelarasan dapat memperkukuhkan keyakinan, mempercepatkan pelaksanaan, membuka peluang ekonomi baharu serta memastikan semua pihak bergerak ke arah yang sama, manfaatnya bukan sahaja akan dirasakan oleh sektor perniagaan, malah rakyat secara keseluruhannya.

Yang Berhormat menzahirkan keyakinan bahawa pendekatan tersebut akan terus memperkukuhkan usaha negara dalam membina ekonomi yang lebih berdaya tahan, berdaya saing serta mampu mewujudkan lebih banyak peluang kepada generasi akan datang.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PENYELARASAN SISTEM PENYAMPAIAN, PEMANTAUAN PERLU DIPERTINGKAT



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Ogos. - Penyelaras sistem penyampaian (*delivery*

AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

system) dan sistem pemantauan yang lebih cekap, telus dan bersepadu adalah antara aspek penting dalam memastikan pelaksanaan dasar kerajaan dapat diterjemahkan dengan lebih berkesan demi mencapai sasaran Wawasan Brunei 2035.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin

Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim berkata demikian dalam perbahasan bagi usul menyokong penyelarasan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 pada hari pertama Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22, MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai pelantikan Menteri-menteri Penyelaras menunjukkan betapa pentingnya penyelarasan dalam memastikan jurang pelaksanaan antara Kementerian tidak terus melebar.

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

Yang Berhormat menegaskan mandat yang dikurniakan kepada Menteri - menteri Penyelaras merupakan satu amanah besar yang perlu dipikul dengan penuh komitmen, integriti dan istiqamah demi kemanfaatan rakyat serta kemajuan negara.

Menurut Yang Berhormat lagi, setiap pelan tindakan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 hendaklah disokong dengan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang jelas dan sentiasa dinilai semula bagi memastikan strategi yang dilaksanakan terus relevan dengan perubahan landskap geopolitik dan sosioekonomi global.

Menyentuh mengenai sistem penyampaian kerajaan, Yang Berhormat berkata perancangan yang baik hanya akan membuahkan hasil sekiranya

disokong oleh sistem pelaksanaan dan pemantauan yang cekap serta bersepadu.

Yang Berhormat turut mencadangkan supaya setiap Kementerian menubuhkan atau memperkukuh Unit Kemajuan dan Penyelaras Strategik yang bukan sahaja bertindak sebagai *think tank*, malah bertanggungjawab merancang, melaksanakan, memantau serta menilai keberkesanan program penyelarasan masing-masing.

Tambah Yang Berhormat, penyelarasan tersebut hendaklah selaras dengan objektif, sasaran dan KPI yang ditetapkan Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 supaya seluruh jentera kerajaan dapat bergerak seiring serta menghasilkan keputusan yang lebih cepat, konsisten dan berorientasikan hasil.

Penyelarasan KPI memacu pertumbuhan ekonomi, pekerjaan berkualiti

>> Muka 14

Menurut Yang Berhormat lagi, keutamaan perlu diberikan kepada pelaburan yang bukan sahaja mempunyai impak ekonomi tinggi tetapi turut menyumbang kepada National Outcomes lain seperti benar-benar beroperasi, menggunakan perkhidmatan tempatan, membina rantai bekalan domestik (*domestic supply chains*), menghasilkan pendapatan dalam negara serta menyediakan peluang pekerjaan berkualiti kepada rakyat tempatan.

Yang Berhormat turut menekankan kepentingan merancang supaya graduan dan pekerja tempatan yang mempunyai kelayakan bersesuaian diberikan pendedahan awal serta kemahiran termasuk latihan di syarikat induk agar mereka bukan sahaja memasuki pekerjaan peringkat permulaan (*entry level*) tetapi mampu mengambil alih jawatan penyeliaan (*supervisory*) dan pengurusan pertengahan (*middle-management*) dalam tempoh yang ditetapkan.

Yang Berhormat berkata, di sinilah pentingnya penyelarasan bagi memastikan KPI berkaitan pelaburan, perniagaan, kelayakan graduan, latihan dalam pekerjaan serta tenaga kerja yang bersedia (*work ready*) bergerak ke arah satu matlamat yang sama iaitu meningkatkan pertumbuhan ekonomi, menjana hasil negara dan menyediakan pekerjaan berkualiti untuk anak tempatan.

Selain itu, Yang Berhormat mencadangkan supaya ditetapkan *accountable owner* bagi setiap National Outcome.

Menurut Yang Berhormat, apabila terlalu banyak pihak terlibat, tanggungjawab akhir kadangkala menjadi kurang jelas

dan sesuatu isu boleh berpindah daripada satu Kementerian kepada Kementerian lain tanpa penyelesaian.

Yang Berhormat mencadangkan supaya Menteri Penyelaras melantik seorang individu yang bertanggungjawab (*single accountable person*) di peringkat portfolio Kementerian atau agensi sebagai peneraju pelaksanaan, manakala Kementerian dan agensi lain menyumbang mengikut peranan masing-masing dengan tanggungjawab, sasaran dan tempoh pelaksanaan yang jelas.

Mengambil contoh National Outcome berkaitan pekerjaan, kata Yang Berhormat, selepas pandemik COVID-19, jumlah pekerja asing dalam sektor swasta meningkat daripada sekitar 60 ribu pada tahun 2021 kepada lebih 82 ribu pada tahun 2025 yang menunjukkan pemulihan ekonomi dan peningkatan permintaan terhadap tenaga kerja.

Namun, Yang Berhormat berkata, tahap pengangguran negara sebanyak 5.2 peratus pada tahun 2025 adalah yang tertinggi di ASEAN, tidak termasuk jumlah graduan dan anak muda yang *underemployed* serta yang belum lagi masuk dalam *national registration*.

Selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia agar peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan terus dipergiatkan dan kebergantungan kepada tenaga kerja asing dikurangkan secara berperingkat, Yang Berhormat menekankan, usaha penyelarasan lebih menyeluruh diperlukan supaya pertumbuhan ekonomi dapat diterjemahkan kepada lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti untuk rakyat tempatan.

Yang Berhormat menambah, perkara itu memerlukan

penyelarasan antara pihak yang menguruskan permit kerja, *manpower forecasting*, pendidikan dan latihan; industri baharu, pelaburan, imigresen serta majikan, dengan *accountable owner* ditetapkan bagi memacu pelaksanaan dan memantau pencapaian National Outcome tersebut.

Sebagai contoh, Yang Berhormat berkata, permit kerja yang akan tamat dalam tempoh dua atau tiga tahun boleh dikenal pasti lebih awal dan maklumat tersebut dikongsikan bersama agensi berkaitan supaya data lebih selaras dan konsisten.

Menurut Yang Berhormat, negara perlu mempunyai sasaran yang jelas dan boleh dilihat untuk mengurangkan pemegang permit kerja asing yang boleh digantikan oleh warga tempatan yang berkelayakan dan terlatih.

Pendekatan berkenaan membolehkan negara tidak menunggu kekosongan berlaku sebelum mencari calon tetapi menyediakan calon terlebih dahulu untuk mengambil alih jawatan berkenaan.

Yang Berhormat menegaskan, hasil yang ingin dicapai bukan sekadar pengurangan bilangan pekerja asing yang masih diperlukan bagi membantu kekurangan tenaga kerja tempatan sebaliknya peningkatan kualiti pekerjaan, perkembangan pendapatan, kemajuan kerjaya (*career path development*) serta keupayaan rakyat tempatan mengambil alih jawatan yang bersesuaian.

Pelantikan Menteri Penyelaras perkukuh penyelarasan pentadbiran kerajaan

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas,
Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas.



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Ogos. - Pelantikan tiga Menteri Penyelaras merupakan langkah strategik dalam memperkukuh penyelarasan pentadbiran kerajaan bagi memastikan pelaksanaan dasar lebih bersepadu dan berkesan ke arah merealisasikan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas berkata demikian dalam perbahasan bagi usul menyokong penyelarasan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 pada hari pertama Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22, MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan

Dewan Majlis, petang tadi.

Yang Berhormat berkata, kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai pelantikan Menteri-menteri Penyelaras menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan setiap Kementerian bergerak secara bersepadu ke arah matlamat nasional yang sama.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

www.pelitabrunei.gov.bn

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH

KADAR PSI SECARA EKSKLUSIF DI NBD MENURUN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan



Penyusuan Susu Ibu Demi
Permulaan Kehidupan Yang Mampan:
Memperkuh Amalan Yang Berkesan

MINGGU PENYUSUAN SUSU IBU SEDUNIA 2026

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Ogos. - Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia diraikan setiap tahun pada 1 hingga 7 Ogos. Tema sambutan pada tahun ini adalah 'Penyusuan Susu Ibu Demi Permulaan Kehidupan Yang Mampan: Memperkuh Amalan Yang Berkesan' (Breastfeeding for a Sustainable Start in Life: Strengthen What Works).

Tema berkenaan menyeru kita untuk bersama memperkuh usaha yang telah terbukti berkesan dalam melindungi, mempromosi dan

menyokong penyusuan susu ibu. Susu ibu merupakan sumber pemakanan terbaik untuk anak damit kerana ia mengandungi nutrien lengkap serta antibodi yang melindungi daripada pelbagai jangkitan penyakit, mengurangkan masalah cirit-birit dan membantu mencegah karies gigi.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2026

yang diraikan pada 1 hingga 7 Ogos 2026.

Jelas Yang Berhormat lagi, Penyusuan Susu Ibu (PSI) memberi manfaat kesihatan jangka panjang kepada ibu dan anak, termasuk mengurangkan risiko penyakit tidak berjangkit seperti kencing manis, penyakit jantung, beberapa jenis kanser dan obesiti serta sekali gus menjadi satu pelaburan penting dalam melahirkan generasi yang lebih sihat dan menyokong pembangunan negara yang mampan.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tambah Yang Berhormat, mengesyorkan agar PSI dimulakan dalam tempoh satu jam sejurus selepas kelahiran dan seterusnya disarankan untuk menyusukan anak damit secara eksklusif (sama ada secara langsung atau yang diperah) selama enam bulan pertama kehidupan anak damit, tanpa memberikan sebarang makanan atau minuman lain termasuk air.

Pengecualian kata Yang Berhormat lagi, hanya diberikan kepada larutan rehidrasi oral (ORS), titisan atau sirap vitamin, mineral serta ubat-ubatan yang diperlukan. Selepas anak damit berusia enam bulan, makanan pelengkap (*complementary feeding*) disarankan untuk diperkenalkan di samping meneruskan PSI sehingga anak damit berusia dua tahun atau lebih.

"Walaupun amalan PSI merupakan amalan yang disyorkan dan memberi pelbagai manfaat kepada ibu dan anak damit, mengekalkannya sehingga enam bulan masih menjadi satu cabaran bagi ramai ibu.

"Di Negara Brunei Darussalam (NBD), pada tahun 2025, kadar PSI secara eksklusif adalah menurun, iaitu sebanyak 49 peratus ketika anak damit berusia satu bulan, 41 peratus pada usia anak damit tiga bulan dan

35 peratus pada usia enam bulan.

"Kadar PSI secara eksklusif ketika anak damit berusia enam bulan sebanyak 35 peratus ini adalah jauh rendah dari sasaran yang ditetapkan oleh WHO, iaitu sekurang-kurangnya 50 peratus.

"Kadar ini menunjukkan penurunan berbanding tahun-tahun sebelumnya, di mana kadar tertinggi bagi anak damit yang berusia enam bulan yang pernah direkodkan adalah sekitar 47 peratus pada tahun 2019," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan di samping itu, hasil kaji selidik yang dilaksanakan pada 2025 menunjukkan bahawa ramai ibu di NBD masih menghadapi pelbagai cabaran untuk mengamalkan PSI secara eksklusif.

Tambah Yang Berhormat lagi, faktor yang kerap dilaporkan sebagai sebab memperkenalkan susu formula sebelum anak damit mencapai umur enam bulan adalah tanggapan bahawa bekalan susu tidak mencukupi (*perceived low milk supply*). Faktor lain termasuk masalah penyusuan seperti bengkak, luka atau rasa sakit pada buah dada, kekurangan sokongan di tempat kerja dan daripada pasangan serta ahli keluarga.

Yang Berhormat turut mengongsikan PSI merupakan salah satu intervensi utama yang diiktiraf oleh WHO dan Kementerian Kesihatan untuk mencegah serta mengurangkan beban berganda masalah pemakanan (*double burden of malnutrition*). Oleh itu, situasi penurunan kadar PSI secara eksklusif amat membimbangkan kerana NBD ini bukan sahaja berhadapan dengan cabaran peningkatan kadar obesiti dalam kalangan remaja dan orang dewasa, tetapi juga berhadapan dengan risiko masalah pertumbuhan terbantut (*stunting*)

dalam kalangan kanak-kanak yang berumur lima tahun ke bawah.

Selama lebih empat dekad kata Yang Berhormat lagi, NBD terus komited dalam memperkuh amalan PSI melalui pelbagai dasar, program dan inisiatif. Antaranya termasuk pelaksanaan Baby-Friendly Hospital Initiative (BFHI) di fasiliti-fasiliti kesihatan, pelanjutan tempoh cuti bersalin dari 56 hari ke 105 hari pada 2011, penerbitan pelbagai garis panduan berkaitan dengan pemakanan anak damit dan kanak-kanak kecil, Sambutan Minggu PSI Sedunia setiap tahun, serta pelaksanaan kempen pendidikan dan kesedaran bagi menggalakkan amalan PSI dalam kalangan masyarakat.

Walaupun pelbagai kemajuan telah dicapai bagi mempromosi PSI secara eksklusif jelas Yang Berhormat, masih terdapat beberapa jurang (*gaps*) dan cabaran dalam aspek perkhidmatan kesihatan, dasar serta persekitaran yang melindungi, mempromosi dan menyokong amalan PSI.

"Bagi menangani perkara ini, Kementerian Kesihatan kini bekerjasama dengan pelbagai agensi berkepentingan untuk merangka National Maternal, Infant and Young Child Nutrition Strategy 2026-2035, yang akan dijadikan sebagai hala tuju strategik negara dalam meningkatkan kadar PSI secara eksklusif di NBD.

"Akhir kata, marilah kita sama-sama menyokong dan membina persekitaran yang mesra agar para ibu boleh mengamalkan PSI dengan selesa. Dengan kerjasama dan sokongan yang kuat dari seluruh masyarakat, kita dapat menjana perubahan yang bermakna dalam melahirkan generasi yang lebih sihat, berdaya tahan dan menyumbang kepada pembangunan negara yang mampan," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusannya.

HALUAN

>> Muka 2

Dalam pendidikan tahfiz, teknologi boleh membantu banyak perkara. Ia boleh membantu pemantauan hafazan, memperkuh muraja'ah, menyediakan bahan pembelajaran interaktif, memudahkan akses kepada rujukan serta membantu guru dan pelajar menilai perkembangan pembelajaran

dengan lebih teratur.

Namun demikian, teknologi hendaklah diletakkan pada tempatnya. Teknologi ialah alat bantu, bukan pengganti kepada guru. Aplikasi boleh membantu muraja'ah, tetapi tidak boleh menggantikan talaqqi, musyafahah dan tasmii'. Kecerdasan buatan boleh membantu analisis dan penyusunan pembelajaran, tetapi

tidak boleh menggantikan keberkatan bimbingan guru, adab menuntut ilmu dan hubungan rohani antara murid dengan Al-Quran.

Maka, sebarang inovasi dalam pendidikan tahfiz hendaklah sentiasa dipandu oleh syara', ketelitian ilmu dan adab terhadap Kalamullah.

Kita tidak menolak teknologi. Bahkan kita perlu mengambil manfaat daripadanya. Tetapi kita juga tidak boleh membiarkan teknologi menentukan arah pendidikan tahfiz tanpa kawalan nilai, tanpa disiplin ilmu dan tanpa bimbingan guru.

Di sinilah letaknya keistimewaan pendidikan tahfiz di Negara Brunei Darussalam. Kita mahu melahirkan huffaz yang bukan sahaja celik teknologi dan berkemahiran abad Ke-21, tetapi juga kuat hafazannya, baik bacaannya, beradab, berakhlak dan berpandukan Al-Quran.

Maka Peramba / Saya berharap simposium ini dapat memberi perhatian kepada beberapa perkara utama. Pertama, kualiti hafazan dan muraja'ah. Kejayaan pendidikan tahfiz tidak hanya diukur dengan jumlah juzuk yang berjaya dihafaz, tetapi juga sejauh mana hafazan itu kekal, lancar, tepat bacaannya dan diamalkan dalam kehidupan.

Kedua, kompetensi guru tahfiz. Guru tahfiz bukan sahaja perlu mempunyai hafazan dan bacaan yang mantap, tetapi juga perlu dibekalkan dengan kemahiran pedagogi, kemahiran membimbing pelajar, serta keupayaan menggunakan teknologi secara

bijaksana.

Ketiga, penggunaan teknologi dan kecerdasan buatan. Perlu dibincangkan apakah bentuk teknologi yang benar-benar sesuai untuk pendidikan tahfiz, apakah batas penggunaannya, bagaimana menjaga ketepatan bacaan, keselamatan data, kesahihan kandungan dan sebagainya.

Keempat, pendidikan tahfiz bagi golongan berkeperluan khas. Saya mengambil maklum bahawa usaha pendidikan Al-Quran bagi golongan berkeperluan khas, termasuk melalui penggunaan Al-Quran Braille, telah dan sedang dilaksanakan. Perkara ini perlu terus diperkukuh. Jangan ada golongan yang tercicir daripada peluang mendampingi Al-Quran mengikut kemampuan masing-masing.

Kelima, hala tuju graduan tahfiz. Para huffaz perlu diberikan laluan pendidikan dan pembangunan diri yang jelas. Mereka inilah yang akan mencorakkan negara dengan menjadi pendidik, penyelidik, imam, pendakwah, pentadbir, para profesional, pemimpin dan sebagainya. Hafazan Al-Quran hendaklah menjadi kekuatan yang memperkayakan sumbangan mereka kepada agama, bangsa dan negara.

Peramba / Saya percaya simposium ini akan menjadi wadah yang amat berharga bagi para pakar, penyelidik, tenaga pengajar, pelajar dan semua pihak berkepentingan untuk berkumpul, bertukar pandangan dan memperluaskan jaringan kerjasama.

Saya berharap agar dapatan simposium ini tidak hanya menjadi dokumen ilmiah, tetapi dapat membantu Institut, Lembaga dan Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam merancang pembangunan pendidikan tahfiz yang lebih tersusun, berimpak dan relevan dengan keperluan negara.

Akhirnya, Peramba / saya sekali lagi merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, ahli jawatankuasa simposium, para pembentang, para peserta serta semua pihak yang telah memberikan sokongan dan kerjasama dalam menjayakan simposium ini. Semoga usaha murni ini diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala.

Mudah-mudahan pendidikan tahfiz di Negara Brunei Darussalam akan terus berkembang dengan kukuh, seimbang antara tradisi dan inovasi, berpaksikan Al-Quran, serta melahirkan generasi huffaz yang berilmu, berakhlak, berketerampilan, celik teknologi dan mampu menyumbang kepada agama, raja dan negara.

Maka dengan lafaz yang mulia, *Bismillahir Rahmanir Rahim, Wassallatuwassalamu Alaihi Saidina Muhammad Wa'ala Alihi Wasabbihi Wassalim* peramba / saya dengan sukacitanya merasmikan Simposium Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Negara Brunei Darussalam dengan Tema "Pendidikan Tahfiz Al-Quran : Inovasi Di Era Teknologi".

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Kenaikan pangkat, pelantikan pegawai-pegawai kanan

>> Muka 1

Pengarah Dasar dan Perancangan, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Adi Ihram bin Dato Paduka Haji Mahmud untuk dinaikkan pangkat dan dilantik menjadi Setiausaha Tetap di Kementerian Kesihatan.

Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional) di Kementerian Pembangunan, Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar untuk dinaikkan pangkat dan dilantik menjadi Setiausaha Tetap di Kementerian Pembangunan.

Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) di Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh untuk dinaikkan pangkat dan dilantik menjadi Setiausaha Tetap di Kementerian Pembangunan.

Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fadzlin bin Haji Amdan untuk dinaikkan pangkat dan dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Pendidikan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah memperkenankan bagi penstrukturan dan penyusunan semula fungsi-fungsi di KHEDN seperti berikut iaitu Pusat Pekerjaan Brunei (JobCentre Brunei) dan Pejabat Perancangan Tenaga Manusia (PPTM), JPM untuk diserapkan ke KHEDN dan Jabatan Buruh dijenamakan sebagai Jabatan Tenaga Manusia dan Pekerjaan.

Tarikh kenaikan pangkat dan pelantikan pegawai-pegawai kanan berkenaan serta penyerapan fungsi-fungsi Pusat Pekerjaan Brunei (JobCentre Brunei) dan PPTM, JPM ke KHEDN serta penjenamaan Jabatan Buruh ke Jabatan Tenaga Manusia dan Pekerjaan berkuat kuasa mulai Selasa, 20 Safar 1448 Hijrah bersamaan 4 Ogos 2026 Masihi.

MEMACU PEMBANGUNAN INOVASI TEMPATAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN, ASPIRASI NBD

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Selasa, 4 Ogos. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus berkata, ketika negara melangkah ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035, keutamaan kini perlu beralih daripada perancangan kepada pelaksanaan.

Menurut Yang Berhormat lagi, dengan Digital Brunei 2030 sebagai landasan strategik yang kukuh, tumpuan kini adalah untuk menterjemahkan aspirasi kepada tindakan serta dasar kepada hasil yang bermakna dan memberi manfaat kepada rakyat.

Bagi merealisasikan matlamat berkenaan, Yang Berhormat menggariskan lima prinsip utama yang perlu menjadi panduan dalam mempercepatkan transformasi digital negara, iaitu meletakkan rakyat dan hasil sebagai keutamaan; memperkuat kerjasama merentas organisasi; membina kepercayaan melalui pendekatan yang mengutamakan keselamatan dan tadbir urus; memperkasa keupayaan rakyat secara berterusan; serta mengukur pencapaian berdasarkan impak

yang benar-benar membawa perubahan.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menyatakan perkara berkenaan semasa menyampaikan ucapatama bertajuk 'Transformasi Digital di Brunei : Merealisasikan Dasar kepada Impak' (Digital Transformation In Brunei: Turning Policy Into Impact) semasa pembukaan Persidangan dan Pameran Masa Depan Digital (The Digital Future Conference and Exhibition - DFCE) 2026 yang berlangsung di Munawwarah Hall, Setia Point, di sini.

Menurut Yang Berhormat, kejayaan transformasi digital di Negara Brunei Darussalam (NBD) harus diukur melalui penyampaian Perkhidmatan Awam (PA) yang lancar dan mudah diakses, peningkatan produktiviti yang dapat diukur, kepelbagaian ekonomi menerusi pembangunan ekosistem teknologi tempatan yang berdaya saing, serta pengukuhan daya tahan dan keyakinan masyarakat melalui keselamatan siber dan perlindungan data yang mantap.

Yang Berhormat turut menegaskan bahawa usaha

membangunkan keupayaan rakyat perlu disokong dengan memperkuat syarikat-syarikat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) tempatan.

Industri ICT tempatan yang kukuh tambah Yang Berhormat, adalah penting dalam menterjemahkan idea kepada penyelesaian yang berdaya maju dari segi komersial, di samping memacu pembangunan inovasi tempatan yang mampu memenuhi keperluan serta aspirasi NBD.

Yang Berhormat turut menzahirkan rasa gembira atas usaha Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI) yang bakal memperkenalkan IKTIRAF, iaitu sebuah program akreditasi yang bertujuan memperkuat daya saing serta meningkatkan standard profesional industri ICT tempatan.

Menurut Yang Berhormat, program berkenaan bertujuan untuk menggalakkan syarikat-syarikat ICT tempatan terus memperkuat kompetensi teknikal, meningkatkan standard profesional, mengamalkan tadbir urus yang baik serta mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan.

Yang Berhormat menjelaskan bahawa IKTIRAF bukan sekadar satu bentuk pengiktirafan atau

pensijilan, malah berperanan sebagai pemangkin kepada peningkatan daya saing industri dengan mewujudkan ekosistem berasaskan merit yang menghargai kualiti dan keupayaan, di samping mendorong syarikat-syarikat tempatan untuk terus meningkatkan prestasi secara berterusan.

"Program ini memberi isyarat kepada pasaran tempatan dan antarabangsa bahawa syarikat ICT Brunei yang memperoleh akreditasi mempunyai tahap kesediaan, kebolehpercayaan dan keupayaan untuk menyediakan penyelesaian digital bertaraf dunia," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menegaskan bahawa transformasi digital bukan sekadar berkaitan penggunaan teknologi semata-mata, sebaliknya mengenai bagaimana teknologi dimanfaatkan sebagai pemangkin untuk membina NBD yang lebih saling berhubung, inklusif, produktif dan berdaya tahan yang mewujudkan manfaat yang berkekalan kepada rakyat serta generasi masa kini dan akan datang.

Mengakhiri ucapatamanya, Yang Berhormat menggesa semua untuk sama-sama berganding bahu dengan iltizam yang kukuh bagi membina sebuah ekonomi digital



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa berucap.

yang berdaya tahan, inklusif dan berdaya saing di peringkat global.

Menyentuh mengenai Kecerdasan Buatan (AI), Yang Berhormat berkata keputusan yang dibuat pada hari ini berkaitan pembangunan, tadbir urus dan penggunaan teknologi berkenaan akan memberi kesan yang besar kepada generasi akan datang.

Sehubungan itu, Yang Berhormat menyeru agar NBD menjadi peneraju dalam pembangunan AI yang bertanggungjawab dengan memastikan teknologi berkenaan dimanfaatkan sebagai alat untuk memperkasa masyarakat, bukannya mewujudkan jurang atau pengecualian, serta menjadi pemangkin kepada kemakmuran dan bukannya ketidaksamaan.



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi mengadakan lawatan ke Pameran DFCE 2026 (atas), manakala gambar kanan, antara tetamu yang hadir di persidangan tersebut.

BERAKAS, Selasa, 4 Ogos. - Persidangan dan Pameran Masa Depan Digital (Digital Future Conference and Exhibition - DFCE) 2026 anjuran Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI) membuka tirainya hari ini dengan Majlis Perasmian yang berlangsung di Munawwarah Hall, Setia Point, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan majlis perasmian berkenaan, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus, merangkap Pengerusi AITI.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), MTIC, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar; Ahli-ahli AITI; Ketua Eksekutif AITI; pegawai-pegawai kanan kerajaan; serta wakil daripada pelbagai industri.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Syamsul Nizam bin Haji Badar, diikuti ucapan alu-aluan oleh Ketua Eksekutif AITI, Awang Haji Jailani bin Haji Buntar.

Pada majlis berkenaan, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi turut

menyampaikan ucapatama bertajuk 'Transformasi Digital di Brunei : Merealisasikan Dasar kepada Impak'.

Majlis kemudian diteruskan dengan pembentangan bertajuk 'AI at Scale : Turning National Ambition into Real-World Impact' yang disampaikan oleh Pengarah Access Partnership Institute merangkap Pengarah Emeritus Asia Cloud Computing Association, Lim May-Ann.

Pembentangan berkenaan mengongsikan bagaimana strategi Kecerdasan Buatan (AI) di peringkat kebangsaan boleh diterjemahkan kepada aplikasi praktikal yang mampu memberi nilai tambah kepada sektor kerajaan, perniagaan dan masyarakat.

Seterusnya, Pengarah Jualan dan Pemasaran Les' Copaque Production, Karyabudi bin Mohamed Aris pula berkongsi pengalaman syarikat berkenaan dalam membangunkan francais kandungan digital bertaraf antarabangsa menerusi siri animasi terkenal 'Upin & Ipin', dengan memanfaatkan kreativiti tempatan serta perlindungan harta intelek yang kukuh.

Turut menyampaikan pembentangan ialah Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif LocalHost, Kei Hayashi, yang juga merupakan pengasas muda sebuah program persekutuan global bagi menyokong pembangunan belia berbakat dari seluruh dunia. Beliau

DFCE 2026 perkukuh agenda transformasi digital negara

mengetengahkan kepentingan pelaburan dalam pembangunan modal insan, idea dan komuniti sebagai pemangkin kepada inovasi yang memberi impak positif kepada masyarakat.

Sesi pembentangan diakhiri dengan forum bertajuk 'From Digital Ambition to Digital Adoption : Perspectives' yang menampilkan Lim May-Ann, Karyabudi, Kei Hayashi serta Naib Presiden Inovasi Unified National Networks (UNN), Woo Chang Huei, manakala forum dikendalikan oleh Pengarah Urusan Confer Sdn. Bhd., Allen Lai.

Sejurus selepas forum berkenaan, tetamu kehormat majlis mengadakan lawatan ke Pameran DFCE 2026 yang menghimpunkan 20 pempamer daripada agensi kerajaan dan sektor swasta yang mempamerkan pelbagai penyelesaian serta inisiatif digital.

Antara yang mengambil bahagian ialah EYD Technologies; UNN; Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST); Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC); Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB); Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB); Brunei Innovation Lab; DST Managed Services (DMS); Progresif; Imagine Sdn. Bhd.; Huawei Technologies (B) Sdn. Bhd.; Innov8 Labs Sdn. Bhd.; Comquest Sdn. Bhd.; BruGameDev; Poni Group / Astari; Study Smartable Learning Centre; TechBru Solutions; DMOS Technologies Sdn. Bhd.; Tekydoct Sdn. Bhd. dan BIPO Services.

Pameran berkenaan dibukakan kepada orang ramai bermula 4 hingga 6 Ogos 2026.

Berlangsung selama tiga hari berkenaan, DFCE 2026 mengangkat tema 'Bersama Ke Arah Brunei Digital : Berinovasi, Memperkasa, Mentransformasikan' (Together Towards a Digital Brunei : Innovate, Empower, Transform).

Persidangan berkenaan menghimpunkan pemimpin kerajaan, badan pengawal selia,



pemain industri, ahli akademik serta penyedia teknologi bagi membincangkan enam bidang utama, iaitu Kecerdasan Buatan (AI), teknologi baharu muncul, perlindungan data peribadi, keselamatan dalam talian, kandungan digital dan pembangunan kemahiran digital yang bersedia menghadapi masa depan.

Persidangan hari pertama dan kedua memberi tumpuan kepada penerapan teknologi digital masa hadapan melalui penerokaan teknologi baharu, inovasi digital serta aplikasi praktikal, manakala hari ketiga pula memfokuskan kepada pembangunan kemahiran digital yang diperlukan bagi melahirkan tenaga kerja yang bersedia menghadapi masa depan melalui kerjasama antara kerajaan, institusi pendidikan, industri dan masyarakat.

Lebih 400 peserta yang terdiri daripada pegawai kerajaan, wakil industri, penyedia teknologi, ahli akademik serta orang ramai menghadiri persidangan berkenaan.

Sepanjang penganjuran DFCE 2026, beberapa bengkel turut diadakan secara serentak bagi memberi peluang kepada peserta mengikuti latihan praktikal dalam bidang AI, produktiviti digital, keselamatan dalam talian serta

penglibatan digital.

Pada hari pertama, dua bengkel praktikal di bawah inisiatif BruNAI (Brunei National Artificial Intelligence) diadakan, iaitu AI Low-Code Sprint yang dikendalikan oleh Scientia Labs Sdn. Bhd. serta bengkel AI Productivity for Clerical and Administrative Professionals yang dikendalikan oleh Type Right Management & Services.

Manakala hari kedua akan menyaksikan penganjuran Persidangan ASEAN mengenai Keselamatan Dalam Talian secara tertutup, sementara hari ketiga diakhiri dengan Bengkel Penglibatan Digital dan Keselamatan Dalam Talian yang dianjurkan dengan kerjasama Meta dan TikTok.

Seiring dengan usaha berterusan NBD mempercepatkan transformasi digital negara, DFCE 2026 berperanan sebagai platform strategik yang menghimpunkan penggubal dasar, badan pengawal selia, pemimpin industri, pakar teknologi serta wakil masyarakat bagi mengadakan dialog yang bermakna, pembentangan berinformasi, perbincangan yang diterajui pakar dan kerjasama strategik dalam membentuk masa depan digital negara.

Bagi maklumat lanjut, layari laman sesawang <https://aiti.gov.bn/digitalfutureconfex>.

260 BAKAL GRADUAN UBD DIRAIKAN PADA MAJLIS KHATAM AL-QURAN



YANG Mulia Timbalan Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan memimpin bacaan Surah Al-Fatihah sebagai pembuka majlis. Hadir sama ialah Naib Canselor UBD.

sambutan konvokesyen UBD, yang mencerminkan komitmen universiti dalam menghargai kecemerlangan akademik seiring dengan penghayatan nilai-nilai kerohanian dan kesyukuran.

Di samping itu, ia turut menjadi wadah untuk para graduan, ahli keluarga mereka dan warga universiti berkumpul bersama bagi meraikan serta menghargai pencapaian para graduan.

Majlis ini merupakan sebahagian daripada pelbagai aktiviti dan program keagamaan yang dianjurkan oleh UBD sepanjang tahun, dengan salah satu program utamanya ialah Quranic Journey.

Diadakan pada setiap Jumaat sepanjang tahun akademik, Program Quranic Journey menyediakan Sesi Talaqqi yang dibimbing, latihan bacaan Al-Quran serta perbincangan *tadabbur* sebagai persediaan para pelajar untuk menyertai Majlis Khatam Al-Quran tahunan.

Surah Al-Fatihah sebagai pembuka majlis.

Hadir sama ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle, warga universiti, para graduan dan tetamu jemputan.

Acara diteruskan dengan bacaan Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad oleh para peserta, diikuti bacaan Takhtim dan Doa Khatam Al-Quran. Majlis turut diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban, sebagai lambang kegembiraan dan kesyukuran.

Majlis tahunan ini merupakan salah satu acara penting dalam

pencapaian bakal graduan melalui pelbagai aktiviti berunsurkan keilmuan dan kerohanian.

Majlis dimulakan dengan ketibaan tetamu kehormat, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal yang turut memimpin bacaan

Oleh: Aimi Sani
Foto: Muhd. Zul-Izzi Haji Duraman

TUNGKU LINK, Isnin, 3 Ogos. - Seramai 260 bakal graduan Universiti Brunei Darussalam (UBD) menyertai Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran yang diadakan di Masjid Universiti,

UBD, sempena Majlis Konvokesyen UBD Ke-38.

Majlis berkenaan merupakan salah satu acara dalam Pesta Konvo 2026, iaitu sambutan tahunan yang menghargai

Penyenaraian Tempat Kediaman bermula 3-23 Ogos 2026

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Ogos. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) akan mengendalikan Penyenaraian Tempat Kediaman (Houselisting) bermula pada 3 Ogos hingga 23 Ogos 2026 bagi setiap isi rumah di kawasan yang ditetapkan.

Penyenaraian Tempat Kediaman (Houselisting) berkenaan bertujuan untuk mengemaskinikan senarai tempat kediaman serta maklumat isi rumah di kawasan terpilih bagi kegunaan Kajian Tenaga Kerja (KTK) yang akan dijalankan pada 5 Oktober hingga 1 November 2026.

Majlis Mengangkat Sumpah bagi pelantikan 78 pegawai kajian KTK bagi 2026 telah diadakan pada 1 Ogos 2026 dan disaksikan oleh Pemangku Pengarah Jabatan Perangkaan, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Awang Bahrum bin Haji Kadun.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pemangku Pengarah Jabatan Perangkaan, JPES memaklumkan bahawa pelaksanaan KTK berkenaan adalah selaras dengan piawaian dan amalan terbaik antarabangsa.

Jelasnya lagi, pegawai-pegawai kajian yang dilantik adalah diamanahkan sebagai barisan hadapan untuk mengunjungi tempat-tempat kediaman yang ditetapkan dan berperanan untuk mengumpulkan dan mendapatkan data dan maklumat secara terperinci bagi memantau dan menganalisa perancangan dan pembangunan negara.

Hasil kajian berkenaan akan digunakan oleh pihak kerajaan dalam merangka dasar-dasar ekonomi dan sosial dengan lebih komprehensif dan berkesan. Antara maklumat yang diperoleh adalah termasuk nama dan nombor telefon ketua keluarga atau isi

rumah, jumlah ahli isi rumah, dan alamat tempat kediaman yang terpilih. Setelah selesai memperoleh maklumat yang diperlukan, pegawai-pegawai akan memasang pelekat penanda bagi setiap tempat kediaman.

Bagi memastikan proses berjalan dengan lancar, isi rumah yang terpilih adalah diingatkan untuk terlebih dahulu mengesahkan identiti pegawai kajian dengan membuat pemeriksaan pas kajian, surat lantikan, kad pengenalan dan vest rasmi JPES. Isi rumah yang mempunyai haiwan peliharaan, terutamanya anjing adalah disarankan untuk menempatkan haiwan peliharaan di tempat yang bersesuaian bagi tujuan keselamatan pegawai kajian semasa melaksanakan lawatan.

KTK 2026 dijalankan di bawah Akta Perangkaan, Penggal 81 dari Undang-undang Negara Brunei Darussalam. Jabatan berkenaan ingin memberikan jaminan kepada semua isi rumah terpilih yang diliputi dalam kajian berkenaan bahawa maklumat yang dikumpulkan akan disimpan sulit dan akan digunakan bagi keperluan perangkaan sahaja.

Menurut Seksyen 9 Akta Perangkaan, kegagalan atau keengganan untuk memberikan maklumat yang diperlukan atau memberikan maklumat palsu adalah menjadi satu kesalahan yang membawa hukuman denda sebanyak BND4,000.

Justeru itu, sokongan dan kerjasama semua keluarga atau isi rumah terpilih semasa Penyenaraian Tempat Kediaman adalah sangat diharapkan bagi sama sama menjayakan kajian berkenaan.

Sebarang pertanyaan mengenai KTK 2026, bolehlah menghubungi melalui telefon dan WhatsApp di talian +673 7469844 (Isnin hingga Khamis dan Sabtu, Jam 7.45 pagi hingga 4.30 petang atau e-mel labourforce.survey@jpes.gov.bn atau www.deps.gov.bn.




MAJLIS Mengangkat Sumpah bagi pelantikan 78 pegawai kajian KTK bagi 2026 telah diadakan pada 1 Ogos 2026 dan disaksikan oleh Pemangku Pengarah Jabatan Perangkaan, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Awang Bahrum bin Haji Kadun.


 كمنترین كصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn



PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

***Sasaran pemeriksaan:**
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

KONGSI PENGALAMAN, PENGETAHUAN TEKNIKAL DALAM PENYEDIAAN INVENTORI GAS RUMAH HIJAU

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Ihsan Akmal Muazzam



GADONG, Selasa, 4 Ogos. - Kepentingan memperkukuh ketelusan, ketepatan serta kebolehpercayaan dalam data gas rumah hijau dapat menyokong penggubalan dasar dan proses pembuatan keputusan (*decision-making*) yang berkaitan dengan perubahan iklim.

Setiausaha Tetap di Kementerian Pembangunan, Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar berucap demikian pada Majlis Pembukaan Workshop on Greenhouse Gas Inventories in Asia kali Ke-23 (WGIA23), bertempat di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Jelasnya lagi, inventori gas rumah hijau yang kukuh adalah penting bagi membolehkan negara menjejaki tahap pelepasan, menilai kemajuan serta merangka strategi mitigasi yang berkesan, di samping mengiktiraf peranan platform seperti WGIA dalam menggalakkan kerjasama teknikal, perkongsian pengetahuan serta pembangunan kapasiti dalam kalangan negara-negara di rantau ini.

Selaras dengan itu katanya lagi, tema utama WGIA23 memfokuskan kepada metodologi

perkiraan pelepasan dan pengurangan gas rumah hijau daripada sektor tenaga, di samping sesi teknikal serta aktiviti pembelajaran bersama termasuk latihan teknikal penggunaan IPCC Inventory Software.

Sehubungan itu, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Pejabat Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (Brunei Climate Change Office - BCCO) merupakan tuan rumah dan penganjur bersama bagi WGIA23 yang berlangsung dari 3 hingga 6 Ogos 2026.

Sebagai sebahagian daripada program teknikal WGIA23, para peserta akan mengadakan lawatan sambil belajar (*study tour*) ke Brunei Methanol Company Sdn. Bhd. (BMC) bagi melihat secara langsung amalan pengurusan data dan pelaporan pelepasan gas rumah hijau di peringkat fasiliti dalam sektor tenaga.

Lawatan berkenaan bertujuan memperkukuh kefahaman peserta mengenai hubungan antara operasi industri, pengumpulan data aktiviti dan penyediaan inventori gas rumah hijau di peringkat nasional.



SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Pembangunan, Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar hadir pada Majlis Pembukaan Workshop on Greenhouse Gas Inventories in Asia kali Ke-23 yang telah mengambil tempat di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong (kiri, atas dan bawah).

Bengkel berkenaan merupakan hasil kerjasama antara Kerajaan Jepun melalui Kementerian Alam Sekitar Jepun (Ministry of the Environment, Japan) dan National Institute for Environmental Studies (NIES), bersama Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui BCCO.

Sejak penubuhannya pada 2003, WGIA telah menjadi sebuah platform kerjasama serantau yang memainkan peranan penting dalam memperkukuh pembangunan kapasiti teknikal negara-negara di Asia dalam penyediaan inventori gas rumah hijau, selaras dengan keperluan pelaporan di bawah Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Perubahan Iklim (United Nations Framework Convention on Climate Change - UNFCCC) serta Perjanjian Paris.

Bengkel WGIA23 menghimpunkan pegawai-pegawai kerajaan, pakar-pakar teknikal serta penyelar inventori gas rumah hijau daripada beberapa negara di Asia bagi berkongsi pengalaman, pengetahuan teknikal serta amalan terbaik dalam penyediaan inventori gas rumah hijau.

Penganjuran bengkel berkenaan akan turut menyokong usaha negara dalam memperkukuh

sistem pengurusan dan pelaporan data gas rumah hijau di peringkat nasional. Pada 2023, NBD telah memperkenalkan Mandatory Reporting Directive on Greenhouse Gas (MRD) bagi menyelaraskan piawaian pelaporan data pelepasan dan pengurangan gas rumah hijau di peringkat fasiliti.

Melalui penganjuran WGIA23, NBD juga akan dapat terus memperkukuh kerjasama serantau dalam bidang perubahan iklim serta meningkatkan pembangunan kapasiti teknikal dalam penyediaan inventori gas rumah hijau, selaras

dengan keperluan Enhanced Transparency Framework di bawah Perjanjian Paris.

NBD kekal komited dalam memperkukuh kerjasama serantau dan antarabangsa bagi menangani isu perubahan iklim, khususnya dalam meningkatkan ketelusan serta keupayaan teknikal dalam pelaporan inventori gas rumah hijau di rantau ini.

Turut hadir, Pengarah BCCO, Ir. Ahmad Zaiemaddien bin Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi.



FIRMAN Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, terjemahan makna ayat 10 :

"Dan mereka menurut apa yang dibacakan oleh syaitan-syaitan (ajaran sihir) dalam masa pemerintahan Nabi Sulaiman padahal Nabi Sulaiman tidak kafir (tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran itu) tetapi syaitan-syaitan itulah yang kafir kerana mereka telah mengajarkan ilmu sihir itu kepada manusia dan mengajarkan apa yang diturunkan kepada kedua malaikat di Negeri Babylon, iaitu Harut dan Marut sedang kedua-dua malaikat itu tidak mengajarkan sesuatu kepada seorang pun melainkan setelah menasihatinya dengan mengatakan : "Sesungguhnya kami ini adalah sebagai cubaan maka janganlah menjadi kufur (dengan mempelajari ilmu)".

Ayat ini menjelaskan perbuatan sihir itu adalah antara dosa-dosa yang menghancurkan, kejahatan yang besar dan perbuatan mungkar yang menyebabkan kekufuran. Sihir itu adalah satu ikatan perjanjian dengan syaitan yang mampu memukau dan menyalah orang lain yang menyebabkan banyak kerosakan dan bahaya seperti seseorang boleh terbunuh dengannya, sakit yang teruk, meruntuhkan rumahtangga dan sebagainya.

Seorang itu tidak akan menjadi seorang

Perbuatan sihir menyebabkan kekufuran

penyihir atau tidak mampu menguasai ilmu sihir kecuali mereka kufur kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Menentang Al-Quran dan As-Sunnah, menyelisihkan hukum syariat Islam dan mendekatkan diri kepada jin dan syaitan adalah perbuatan syirik dan melakukan satu dosa besar. Seorang penyihir itu selamanya tidak akan mendapat keuntungan di dunia mahupun di akhirat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Thaha terjemahan makna ayat 69 :

"Dan lemparkanlah apa yang ada di tangan kananmu nescaya ia menelan apa yang mereka perbuat, sesungguhnya apa yang mereka perbuat itu hanyalah tipu daya ahli sihir sedang ahli sihir itu tidak akan beroleh kemenangan dari mana pun dia datang".

Kesyirikan ilmu sihir dapat dikategorikan kepada dua :-

- Orang yang mempraktikkan ilmu sihir adalah orang yang meminta bantuan kepada para syaitan dari kalangan jin untuk memudahkan dan melancarkan perbuatan sihir mereka.

- Orang yang mempelajari dan mengamalkan ilmu sihir adalah orang yang mengaku mengetahui perkara ghaib. Dia telah berbuat syirik kepada Allah dalam pengakuan tersebut, kerana tidak ada yang mengetahui perkara ghaib melainkan hanya Allah Subhanahu Wata'ala.

Umar bin Khaththab Radhiallahuanhu pernah ketika akhir pemerintahan beliau mengirimi surat kepada para gabenor, sebagaimana yang dikatakan oleh Bajalah bin 'Abadah Radhiallahuanhu :

"Umar bin Khaththab menulis surat (yang berbunyi) : "Hendaklah kalian (para pemerintah gabenor) membunuh para tukang sihir, baik laki-laki ataupun perempuan".

Dalam kisah tersebut bahawa pada zaman tersebut hukuman bagi tukang sihir adalah hukuman mati. Menjadi satu peringatan dalam memerangi kekufuran tersebut dan memperingatkan masyarakat tentang bahayanya perbuatan sihir tersebut yang boleh menyebabkan merosakkan kebahagiaan orang lain, menyakitkan orang yang sihat, menyebabkan kematian dan sebagainya.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Yunus terjemahan makna ayat 81 :

"Setelah mereka melemparkan (tali-tali dan tongkat-tongkat mereka), Nabi Musa berkata : "Apa yang kamu datangkan itu ialah sihir, sesungguhnya Allah akan mendedahkan kepalsuannya. Sesungguhnya Allah tidak akan membiarkan terus berlangsungnya perbuatan orang-orang yang melakukan kerosakan".

Ayat ini menjelaskan bahawa sejauh mana hasilnya perbuatan sihir tersebut perbuatan ini tidak akan terlepas dari menerima balasan dari Allah Subhanahu Wata'ala. Dia tidak akan membiarkan orang yang melakukan kerosakan terhadap orang lain.

Menjadi satu kesalahan besar bagi seorang yang beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala mendatangi tukang sihir dengan bertujuan untuk menentang dan menghilangkan sihir. Menolak atau

menghilangkan sihir dengan sihir adalah haram dari segi syariat. Tukang sihir akan mendekatkan orang yang berkunjung kepada syaitan. Perkara yang melakukan, mendatangkan, menghampiri kepada perbuatan sihir amatlah dilarang oleh agama dan menyeru untuk menjauhi perbuatan tersebut.

Kita hendaklah sentiasa bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan mendekatkan diri kepada-Nya sekiranya ditimpa permasalahan. Ketahuilah bahawa Islam mengharamkan sihir ini kerana perbuatan tersebut mengundang bahaya yang besar dan kerosakan kehidupan seseorang dan boleh menyebabkan kehancuran agama dan kerosakan akidah. *Nauzubillah min zalik.*

Seseorang yang ditimpa musibah, penyakit atau terkena sihir memohonlah kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan berdoa dengan merendahkan diri kepada-Nya kerana Allah Subhanahu Wata'ala ada berfirman dalam Surah Al-Baqarah terjemahan makna ayat 186 :

"Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu (wahai Nabi Muhammad) mengenai Aku maka (katakan kepada mereka) : "Sesungguhnya Aku sentiasa hampir (kepada mereka). Aku memperkenalkan permohonan orang-orang yang berdoa apabila dia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka itu menyahut seruan-Ku (dengan mematuhi perintah-Ku) dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka sentiasa berada dalam kebenaran".

Sembahyang Sunat Fajr Dan Sunnah Berbaring Selepasnya

KELUARAN PERTAMA

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

SEMBAHYANG sunat dua rakaat sebelum sembahyang fardhu Subuh juga dikenali sebagai sembahyang sunat Fajr. Ia merupakan salah satu daripada sembahyang-semahyang sunat Rawatib yang mengiringi sembahyang-semahyang fardhu. Hikmah pensyariatannya sembahyang sunat Fajr serta sembahyang-semahyang sunat Rawatib yang lain ialah bagi menampal semua kekurangan-kekurangan yang berlaku dalam sembahyang-semahyang fardhu kerana kurang khusyu', tidak *tadabbur* (menghayati dan merenung) bacaan-bacaan dalam sembahyang dan sebagainya.

Di antara semua sembahyang-semahyang sunat Rawatib, sembahyang sunat Fajr adalah sembahyang yang kedua afdhal selepas sembahyang sunat Witir. Keutamaan tuntutan sembahyang sunat Fajr ini adalah berdasarkan ketekunan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam mengerjakan sembahyang sunat Fajr sepertimana dalam hadits yang diriwayatkan daripada 'Aisyah Radhiallahu 'anha, beliau berkata :

Maksudnya : Tidak ada amalan sunat yang lebih dijaga oleh Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam dengan bersungguh-sungguh melebihi daripada (sembahyang) dua rakaat Fajr.

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Sembahyang sunat Fajr juga mempunyai fadhilat khusus yang sangat istimewa iaitu ia lebih baik daripada dunia serta segala kesenangan dan kenikmatan yang ada padanya. 'Aisyah Radhiallahu 'anha meriwayatkan bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

Maksudnya : Dua rakaat (sembahyang sunat) Fajr itu lebih baik daripada dunia serta segala isinya.

(Hadits riwayat Muslim)

Waktu mengerjakan sembahyang sunat Fajr bermula dengan masuknya waktu Subuh dan ia afdhal dikerjakan pada awal waktu. Waktu sembahyang sunat Fajr ini berkekalan sehingga berakhir waktu sembahyang fardhu Subuh. Oleh yang demikian, orang yang tidak berkesempatan mengerjakannya sebelum sembahyang fardhu Subuh boleh mengerjakannya selepas mengerjakan sembahyang fardhu

Subuh dan ia tetap dikira sebagai tunai selagi ia dikerjakan dalam waktu sembahyang fardhu Subuh.

Sekalipun sembahyang sunat Fajr boleh dikerjakan selepas sembahyang fardhu Subuh, namun sunat dan lebih dituntut ia dikerjakan sebelum sembahyang fardhu Subuh.

Sekiranya terlepas mengerjakannya dalam waktunya, sembahyang sunat Fajr itu sunat diqadha sebagaimana sunat diqadha sembahyang-semahyang sunat lain yang ada ditentukan masa mengerjakannya oleh syara'.

Sembahyang sunat Fajr sunat dikerjakan secara *takhfif* iaitu secara ringan dan ringkas. Perkara ini disunatkan atas dasar *ittiba'* (mengikut perbuatan dan sunnah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam) berdasarkan beberapa hadits, antaranya hadits daripada 'Aisyah Radhiallahu 'anha, beliau berkata :

Maksudnya : Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam meringankan dua rakaat (sunat) sebelum sembahyang (fardhu) Subuh, sehingga aku berkata : "Adakah Baginda membaca Umm al-Kitab (surah al-Fatihah)?"

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Menurut Imam al-Qurthubi Rahimahullah, hadits di atas bukan bermaksud 'Aisyah Radhiallahu 'anha meragui sama ada Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam ada membaca surah al-Fatihah atau tidak. Sebaliknya, ia menunjukkan betapa ringkas dan ringannya Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam mengerjakan sembahyang sunat Fajr berbanding sembahyang-semahyang sunat yang lain. Hal ini kerana pada kebiasaannya, Baginda akan memanjangkan bacaan sembahyang-semahyang sunat.

Imam Ibn Hajar al-Asqalani Rahimahullah dalam kitabnya Fath al-Bari ada menukil pendapat para ulama bahawa maksud pertanyaan 'Aisyah Radhiallahu 'anha : "Adakah Baginda membaca Umm al-Kitab?" itu ialah adakah Baginda hanya membaca al-Fatihah sahaja atau Baginda ada menambah dengan ayat-ayat yang lain? Hal ini kerana Baginda membaca dengan cepat dalam sembahyang sunat Fajr berbanding kebiasaan Baginda dalam sembahyang-semahyang sunat yang lain.

Sembahyang sunat Fajr dikerjakan sebanyak dua rakaat dan kaifiatnya sama seperti sembahyang sunat dua rakaat yang lain. Antara contoh lafaz niat sembahyang sunat Fajr ialah :

أَصَلِّي سُنَّةَ الصُّبْحِ رَكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya : Sahaja aku sembahyang sunat

Subuh dua rakaat kerana Allah Ta'ala.

Contoh lain niat sembahyang sunat Fajr ialah :

أَصَلِّي رَكْعَتَيْنِ الْفَجْرِ لِلَّهِ تَعَالَى

Ertinya : Sahaja aku sembahyang dua rakaat Fajr kerana Allah Ta'ala.

Selepas membaca surah al-Fatihah, terdapat beberapa ayat atau surah yang sunat dibaca ketika mengerjakan sembahyang sunat Fajr. Ayat-ayat tersebut ialah :

(i) Membaca ayat 136 daripada surah al-Baqarah pada rakaat pertama dan ayat 64 daripada surah Ali 'Imran pada rakaat kedua.

(ii) Membaca surah al-Insyirah pada rakaat pertama dan surah al-Fil pada rakaat kedua.

(iii) Membaca surah al-Kafirun pada rakaat pertama dan surah al-Ikhlash pada rakaat kedua.

Orang yang mengerjakan sembahyang sunat Fajr boleh memilih mana-mana satu daripada bacaan di atas sama ada (i), (ii) ataupun (iii). Bahkan menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami Rahimahullah dalam kitabnya Asyraf al-Wasa'il Ila Fahm asy-Syama'il, sunat dan afdhal menggabungkan kesemua bacaan di atas. Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami Rahimahullah lagi, perbuatan menggabungkan kesemua bacaan tersebut tidak menjejaskan tuntutan *takhfif* dalam mengerjakan sembahyang sunat Fajr kerana kesemua bacaan tersebut adalah bacaan-bacaan yang warid dalam riwayat hadits. Dengan menggabungkan kesemua bacaan yang warid, seseorang dapat beramal dengan semua riwayat.

Menurut as-Sayyid al-Bakri Rahimahullah dalam kitabnya l'annah ath-Thalibin, orang yang menggabungkan kesemua bacaan tersebut seeloknya membaca dengan kaifiat berikut :

(i) Pada rakaat pertama, selepas membaca surah al-Fatihah dia membaca

ORANG yang mengerjakan sembahyang sunat Fajr boleh memilih mana-mana satu daripada bacaan di atas sama ada (i), (ii) ataupun (iii). Bahkan menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami Rahimahullah dalam kitabnya Asyraf al-Wasa'il Ila Fahm asy-Syama'il, sunat dan afdhal menggabungkan kesemua bacaan di atas. Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami Rahimahullah lagi, perbuatan menggabungkan kesemua bacaan tersebut tidak menjejaskan tuntutan takhif dalam mengerjakan sembahyang sunat Fajr kerana kesemua bacaan tersebut adalah bacaan-bacaan yang warid dalam riwayat hadits. Dengan menggabungkan kesemua bacaan yang warid, seseorang dapat beramal dengan semua riwayat.



IRSYAD HUKUM

جَانِبَاتُ مَعْنَى كُلِّ حَرْفٍ
جَانِبَاتُ مَعْنَى كُلِّ حَرْفٍ

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

ayat 136 daripada surah al-Baqarah, kemudian membaca surah al-Insyirah dan mengakhiri dengan membaca surah al-Kafirun.

(ii) Pada rakaat kedua, selepas membaca surah al-Fatihah dia membaca ayat 64 daripada surah Ali 'Imran, kemudian membaca surah al-Fil dan mengakhiri dengan membaca surah al-Ikhlash.

Sekiranya orang itu hendak memilih satu sahaja daripada pilihan bacaan-bacaan di atas, maka menurut Imam asy-Syibramalisi Rahimahullah, pendapat *al-aqrab* (lebih dekat kepada asal mazhab) adalah mengutamakan membaca surah al-Kafirun pada rakaat pertama dan surah al-Ikhlash pada rakaat kedua. Al-'Allamah Sa'id Ba'syn Rahimahullah juga berpendapat bahawa mengutamakan kedua surah tersebut adalah lebih utama (*awla*).

Selain ayat-ayat di atas, terdapat juga riwayat dalam Sunan Abi Daud bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam membaca ayat 53 daripada surah Ali 'Imran dan ayat 119 daripada surah al-Baqarah pada rakaat kedua.

Perkukuh persediaan akademik pelajar melalui pembelajaran kolaboratif, interaktif, inovatif



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Ogos. - Dalam usaha mendukung Wawasan Brunei 2035 ke arah melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, Jabatan Pengajian

Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) terus memperkukuh lagi pelbagai inisiatif berstrategik bagi memperkukuh kecemerlangan akademik serta melahirkan pelajar yang berilmu,



KETUA Bahagian Pembangunan Sumber Tenaga Manusia dan Biasiswa, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Rusidah binti Haji Talip hadir selaku tetamu khas majlis (kiri). Sementara gambar atas, suasana semasa berlangsungnya pertandingan tersebut.

cemerlang dan berdaya saing.

Sejajar dengan hasrat tersebut, Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SARIPAD) pagi tadi mengukuhkan Program Ilal Majdi Wal 'Ula (Ke Arah Ketinggian dan Kemuliaan) bertemakan

'Muraja'ah Digital: Mengukuhkan Ilmu Menuju Kejayaan' bertempat di dewan utama sekolah berkenaan.

Ini adalah sebagai inisiatif untuk mempertingkatkan persediaan pelajar menghadapi peperiksaan awam Penilaian Sekolah Rendah

(PSR) serta peperiksaan dalaman.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Ketua Bahagian Pembangunan Sumber Tenaga Manusia dan Biasiswa, JPI, KHEU, Dayang Hajah Rusidah binti Haji Talip.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa, diikuti ucapan alu-aluan oleh Guru Besar SARIPAD, Pengiran Hasinol Zamri bin Pengiran Haji Piut.

Majlis kemudian diteruskan dengan Pertandingan Kuiz 'Muraja'ah Quest: Digital Quiz Challenge' sebelum diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang yang disempurnakan oleh tetamu khas majlis.

Program Ilal Majdi Wal 'Ula tersebut merupakan antara inisiatif Bahagian Sekolah Arab, JPI yang dilaksanakan secara bergilir di sekolah-sekolah Arab sebagai platform memperkukuh persediaan akademik pelajar melalui pendekatan pembelajaran yang kolaboratif, interaktif dan inovatif, di samping meningkatkan motivasi dan keyakinan diri dalam kalangan pelajar.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 /
ITAU / TA / TU / 001
(JPPK/LTN/06/2026)
Proposed Design And
Build Of New Surau At
Askar Simpanan Melayu Diraja
Brunei. Rimba Gadong Camp

Kelas:
V dan Ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Dua Belas (12) Bulan

Yuran Tawaran:
BND 500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa, 25 Ogos 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
1 September 2026
2.00 Petang

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 /
ITAU / TA / PEN / 004
(JPPK/LTN/15/2026)
Proposed Design And Build On
Expansion Of MRS And Dental
Centre, Penanjong Garrison.

Kelas:
IV Ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

**Tempoh
Penyiapan Kerja:**
Dua Belas (12) Bulan

Yuran Tawaran:
BND 500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa, 1 September 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
8 September 2026
2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 /
ITAU / MAB / TA / 002
Pembelian Membaharui Lesen
Perisian Trykachme
(3 Years License Renewal)

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa, 24 Ogos 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
1 September 2026
2.00 Petang



JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Sebut Harga Bagi :

Membekal Dan Menghantar
Peralatan Lampu Dan
Perkakas Elektrik
(JBP / TSH / 06 / 2026-2027)

Supply And Delivery Of Door
Handle Lockset And Window
Lever Handle Lock Left
And Right Side
(JBP / TSH / 07 / 2026-2027)

Membekal Dan Menghantar
Barang-Barang Pembersih
(JBP / TSH / 08 / 2026-2027)

Membekal Dan Menghantar
Alat-Alat Tulis
(JBP / TSH / 09 / 2026-2027)

Membekal Dan Menghantar
Bahan Percetakan
(JBP / TSH / 10 / 2026-2027)

Membekal, Memotong
Dan Menjahit Pakaian
Seragam Bomba
(JBP / TSH / 11 / 2026-2027)

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis,
13 Ogos 2026, (1.50 Petang)

Yuran Tawaran:
BND5.00



KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Sebut Harga :
KEPI / LTK / BTI / 01 /
2026 - 2027

Tajuk Sebut Harga:
The Supply And Delivery Of
Desktop PC And Laptop For The
Ministry Of Economy,
Trade And Industry

Tarikh Tutup Sebut Harga :
1 September 2026, Selasa
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap Satu
Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA

Bil. Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 03 /
2026 - 2027

Keterangan:
Membekal Dan Menghantar
Buku-Buku Teks Pelajaran Umum
Persekolahan Arab, Bagi Sesi
Pembelajaran Tahun 2027,
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwat Ugama,
Tahun 1448H-1449H /
2026M-2027M

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu, 27 Safar 1448H /
11 Ogos 2026M
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI

**Jabatan
Pertubuhan-Pertubuhan
Antarabangsa
Kementerian Hal Ehwat Luar
Negeri**

**Jawatan-Jawatan Kosong
Di Islamic University Of
Technology, Dhaka,
People's Republic Of
Bangladesh**

Jawatan Kosong:
Associate Professor
Department of Electrical and
Electronic Engineering (EEE)

Kekosongan:
1

Jawatan Kosong:
Associate Professor



Department of Mechanical and
Production Engineering (MPE)

Kekosongan:
1

Tarikh Tutup:
6 September 2026

Untuk makluman,
pemohon-pemohon yang
berminat hendaklah
menghadapkan terus
permohonan melalui pautan
(link) yang disediakan oleh
pihak IUT:
<https://www.iutoic-dhaka.edu/circular>



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0035 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Penyewaan Mesin Fotokopi Untuk
Jabatan Perikanan,
Serasa Muara Selama 7 Bulan
(September 2026)



Sehingga Mac 2027)

Tarikh Tutup :
Khamis, 20 Ogos 2026



JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
JPH / 001 / SH / 2573 /
2026 - 2027

Membekalkan Pelan Insurans /
Takaful Berkelompok Bagi
Pegawai Dan Kakitangan
Bahagian Industri Perakayan,
Bahagian Pengurusan Dan
Pembangunan Sumber Hutan,
Pusat Nadi Borneo Dan Seksyen
Pemuliharaan Hutan Dan
Perubahan Iklim,
Jabatan Perhutanan

**Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika belum berdaftar):**



BND10.00

Borang Sebut Harga:
BND5.00
[Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Untuk
Membeli Dokumen
Sebut Harga :**
Khamis
13 Ogos 2026
9.00 Pagi



Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup :
Selasa,
18 Ogos 2026

Tawaran Bilangan:
JDBM / Q / 30 / 2026

Tawaran
Kerja-Kerja Membaik Pulih Flat
F15 Dan F30 (Fasa II), Jabatan
Daerah Brunei Dan Muara,
Jalan Lapangan Terbang
Lama Berakas,


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas :
II & III Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
18 Ogos 2026 (Selasa)

Tarikh Tutup:
1 September 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSKB / 024 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Operasi
Dan Pemeliharaan Bekalan Air
Di Labi Dan Pendalaman Selama
3 Tahun.

No. Projek :
2026ADKB/2106/002-002-004

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
-



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas :
II & III Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
18 Ogos, 2026 (Selasa)

Tarikh Tutup:
1 September, 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSKB / 023 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Operasi
Dan Pemeliharaan Bekalan Air
Bagi Kawasan Seria Selama
3 Tahun.

No. Projek :
2026ADKB/2106/002-002-003

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
-



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas :
IV & V

Kategori :
B01, KA01 Kod Baharu

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 16 / CQS /
2026-T / V

Nama Projek:
Retrofitting Of The Public Works
Department Headquarters With
Green Initiatives – Double Glazed
Window Works

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
11 Ogos 2026

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
1 September 2026,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**

Kelas:
IV & V Sahaja

Kategori:
KA01 Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 17 / BKTGS / 2026-T /
IV

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih Tanah
Susur di Jalan Nenas Sanggul,
STKRJ Katok

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa
18 Ogos 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
1 September 2026
Jam 2.00 Petang



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas :
V & VI

Kategori :
B01 Kod Baharu

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 15 / CQS /
2026-T / V

Nama Projek:
Mereka Bentuk Dalam Balai
Pameran Pusat Da'wah Islamiah,
Kementerian Hal Ehwal Ugama

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
11 Ogos 2026

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
8 September 2026,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
(RE01-2026) JAPEM / KRK /
TEN / HARIAN

Tajuk Sebut Harga:
Pembekalan Barang Keperluan
Harian Bagi Residen Kompleks
Rumah Kebajikan (KRK) Untuk
Tempoh 24 Bulan

Bilangan Sebut Harga:
(RE02-2026) JAPEM / KRK /
TEN / KEBERSIHAN

Tajuk Sebut Harga:
Pembekalan Barang Kebersihan
Dan Dapur
Bagi Kompleks Rumah
Kebajikan (KRK) untuk



tempoh 5 bulan

Bilangan Sebut Harga:
(RE03-2026) JAPEM / KRK /
TEN / ANAK DAMIT

Tajuk Sebut Harga:
Pembekalan Barang Keperluan
Penjagaan Anak Damit Bagi
Kompleks Rumah Kebajikan
(KRK) Untuk Tempoh 5 Bulan

Tarikh Tutup :
Khamis,
6 Ogos 2026



**KEMENTERIAN
PERTAHANAN**

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU /
TA / BOL / 001
(JPPK / LTN / 02 / 2026)
Proposed Design And Build
Installation Of Temporary
Prefabricated Cabins For Military
Police Armstoke RBAF,
Bolkiah Garrison

Kelas:
IV dan Ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Tiga (3) Bulan

Yuran Tawaran:
BND 30.00



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 78 / 26 - 27
Perkhidmatan Jamuan Bagi
Program Latihan Pusat
Perkembangan Penyiaran Untuk
Tempoh Enam (06) Bulan

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa, 11 Ogos 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
18 Ogos 2026
2.00 Petang



Salinan Kertas:
BND5.00 (Jika perlu dan tidak
dikembalikan) (Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 19 Ogos 2026
Jam 2.00 petang





Bilangan Tawaran:
KK / 113 / 2026 / SMS(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical Consumables Item (CSSD Consumables) For The State Medical Store For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 167 / 2026 / ESTETMOH(TC)

Keterangan:
Provision Of Comprehensive Maintenance Services For Lifts And Dumbwaiter At Clinical Molecular Diagnostics Laboratory For Infectious Diseases (CMDLID) For A Period Of Three (3) Years

Kelayakan Pemborong/Pembekal:
Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan

Kelas/Kategori: -
Kategori: KPME02

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 168 / 2026 / UPP

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Full Body Phototherapy Machine For Dermatology Clinic,

Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital (Clustering)

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 169 / 2026 / UPP

Keterangan:
The Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Sterilizer Machine For Central Serile Service Department (CSSD), Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 170 / 2026 / UPP(TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Medical Items (Large Fragment Plates And Screws) For Orthopaedic Department (Operating Theatre), Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 171 / 2026 / JPK(TC)

Keterangan:
The Management And Operation Of Berakas Health Centre Cafeteria, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 172 / 2026 / JPK(TC)

Keterangan:
The Management And Operation Of Pengiran Anak Puteri Hajah Mutawakkilah Hayatul Bolkiah Health Centre Cafeteria, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 173 / 2026 / HTD

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation , Testing And Commissioning Of One (1) Unit Of Ion Chromatography System For Food Chemistry Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 174 / 2026 / LAB(TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Flow Cytometer Reagents With Equipment Rental For National Immunology Reference Laboratory (NIRL), Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 175 / 2026 / LAB(TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Laboratory Test Kit (Nucleic Acid Amplification Testing (NAT) With Equipment Rental For Blood Donor Screening Laboratory, Blood Donation Centre, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND1,000.00

Bilangan Tawaran:
KK / 176 / 2026 / LAB(TC)

Keterangan:
The Provision Of Outsourcing Laboratory Tests For Outsourcing HPV Molecular Tests For National Histology And Cytology Reference Laboratory & Mortuary Services, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 177 / 2026 / DSS

Keterangan:
To Supply, Deliver And Install Laboratory Instrument Grade Gases (Gaseous And Liquid Form) To Department Of Scientific, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:

BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 178 / 2026 / SMS(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical Consumables Item (Infusion And Transfusion Set) For The State Medical Store For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
KK / 179 / 2026 / UPP(TC)

Keterangan:
Supply, Delivery And Maintenance Of Hearing Aids For Audiology Services, Department Of Otorhinolaryngology, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For Two (2) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 180 / 2026 / HTD

Keterangan:
Supply, Deliver, Installation, Testing And Commissioning Of Microscope For Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 181 / 2026 / HTD

Keterangan:
Supply, Deliver, Installation, Testing And Commissioning Of Ultra Low Freezer For Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 24 / 2026 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 25 / 2026 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 30.00



Bilangan Tawaran:
KK / 26 / 2026 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak Lewat 18 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
V

Kategori:
M01

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 24 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian Peralatan Sistem Hawa Dingin Di Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah (PAPHMWHB) Dan Pusat Dialisis Rimba Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa
11 Ogos 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
Selasa
1 September 2026
Tidak Lewat Dari Jam
2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0034 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Soil Investigation Works For New Proposed Seawater Intake System At Lot 22563, Kg Telisai,



Mukim Telisai, Daerah Tutong

Tarikh Tutup :
Khamis, 20 Ogos 2026



Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JMM / JKSH / Q&T / 2026 / 09
Provision Of Pest And Wildlife Control Services For The Department Of Councils Of State Brunei Darussalam For A Period Of (12 Months)

Yuran Tawaran:
Percuma

Tarikh Tutup:
Selasa,
11 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang



1. Name:
The Operation of One Unit of Money Changer Service Counter at the Transit Area, Departure Hall, Passenger Terminal Building, Brunei International Airport

Reference:
DCA / CCS / 2026 / SH - 01

2. Name:
The Operation of One Unit of Money Changer Service Counter



at the Arrival Hall, Passenger Terminal Building, Brunei International Airport

Reference:
DCA / CCS / 2026 / SH - 02

Closing date:
Wednesday, 6 August 2026, 02.00 PM

PROGRAM DEDAHKAN BELIA DENGAN PERTANIAN BERTEKNOLOGI TINGGI



Berita : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Ihsan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan



TUNGKU, Isnin, 3 Ogos. - Seramai 24 belia mengikuti Program Pendedahan Belia-Belia yang Berpotensi untuk Menceburi Bidang Pertanian Berteknologi Tinggi Kali Ke-12.

Hadir pada perasmian program yang diadakan di Pusat Perkhidmatan dan Latihan Lepas Tuai, Tungku ialah Eksekutif Jurutera Jentera Ladang merangkap Ketua Bahagian Dasar dan Kewangan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Awang Aziz Soffre bin Haji Ahmad. Program tersebut diungkuhkan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI).

Dalam ucapan perasmiannya,



beliau menjelaskan terus memperkenalkan penggunaan teknologi pertanian pintar dan inovatif yang mampu meningkatkan produktiviti, kecekapan pengeluaran serta daya saing sektor pertanian.

Jelasnya, penerapan teknologi moden amat penting bagi meningkatkan pengeluaran tanaman dan ternakan, khususnya dalam kawasan pengeluaran yang terhad.

Beliau turut menegaskan bahawa usaha tersebut adalah selaras dengan Pelan Strategik Jabatan serta Peta Jalan dan Sasaran Sektor Pertanian dan Agrimakanan 2022-2030 yang menyasarkan keseluruhan keluaran industri tanaman mencecah BND148.29 juta menjelang tahun 2030.

Program berkenaan dianjurkan bagi menarik minat golongan belia untuk menceburi bidang pertanian dengan memperkenalkan sektor tersebut sebagai satu bidang perniagaan yang berpotensi tinggi, mampu menjana pendapatan lumayan, meningkatkan produktiviti serta menyumbang kepada usaha memperkukuhkan jaminan keselamatan makanan

SEKITAR Program Pendedahan Belia-Belia yang Berpotensi untuk Menceburi Bidang Pertanian Berteknologi Tinggi Kali Ke-12 yang berlangsung di Pusat Perkhidmatan dan Latihan Lepas Tuai, Tungku (kiri, kiri sekali dan bawah kiri).

negara.

Program selama 13 hari merangkumi sesi taklimat mengenai peluang pelaburan dalam sistem tanaman hidroponik dan fertigasi, pengurusan kewangan serta strategi pemasaran yang dikendalikan dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB).

Selain itu, para peserta turut berpeluang mengikuti latihan industri di beberapa ladang terpilih, iaitu Hua Ho Agricultural Farm, Nana Agro Farm dan Natural Healing Enterprise. Latihan tersebut memberi pendedahan secara praktikal mengenai pengurusan ladang berteknologi moden, sekali gus membolehkan peserta mengaplikasikan pengetahuan yang diperoleh dalam persekitaran sebenar.

Melalui program ini, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan berharap dapat melahirkan lebih ramai usahawan belia dalam sektor pertanian yang berjaya, komited, progresif dan produktif. Inisiatif tersebut juga dihasratkan dapat menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sektor pertanian, sekali gus menyokong aspirasi KEPI dalam memperkukuhkan pembangunan sektor pertanian dan agrimakanan negara.



Alai Pintar

SOALAN 178

SOALAN 5 OGOS 2026, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mempunyai berapa orang putera?
 - 5 orang putera
 - 3 orang putera
 - 8 orang putera
- Antara berikut, yang manakah merupakan sukan yang pernah disertai oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam?
 - Berbasikal
 - Bersilat
 - Berenang
- Negara Brunei Darussalam menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada setiap _____ Julai?
 - 10
 - 15
 - 20

TARIKH TUTUP : 15 OGOS 2026

HADIAH Pemenang

3X BAUCER BND **40**

**BAGI ALAI YANG
menJAWAP
DENGAN TEPAT**

*UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA LEBIH DARI 3 ORANG PEMENANG

Pemenang ALAI PINTAR :

Nama : Nurarisya Mikayla binti Abdul Aziim
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0152210-01. Sekolah : Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 10

Nama : Nor Arshiya Imtithal binti Mohamad Amsyari
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0149085-01. Sekolah : Sekolah Stella

Nama : Abdul Muttaqin Hazizi bin Abdul Hanis
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0166662-01. Sekolah : Sekolah Learning Tree

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai Berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau e-mel ke pelita.brunei@information.gov.bn
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :
Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN SOALAN 177 :

S1 B S2 C S3 C

MEMPERKUKUH BUDAYA PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Ogos. – Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SMYSHHB) secara rasminya melancarkan Program Hidroponik sebagai sebahagian daripada Inisiatif Sekolah Hijau.

Ia turut mencerminkan komitmen sekolah dalam menyediakan pembelajaran berasaskan pengalaman yang bermakna, memupuk tanggungjawab terhadap alam sekitar serta melengkapi pelajar dengan kemahiran penting abad ke-21 selaras dengan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21),

Kementerian Pendidikan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya melancarkan program yang berlangsung di sekolah berkenaan, Penolong Pengarah Urusan, Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Sosial, Awang Iswandy bin Ahmad.

Juga hadir, wakil daripada agensi kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), para guru, pelajar serta warga sekolah.

Pada acara berkenaan, tetamu kehormat majlis juga menyertai aktiviti penanaman hidroponik sebagai tanda bermulanya

pelaksanaan projek berkenaan.

Program hidroponik berkenaan menyokong matlamat SPN21 dalam menyediakan pendidikan yang holistik dan relevan dengan memberi peluang kepada pelajar memperoleh pengalaman praktikal dalam bidang pertanian tanpa tanah, keselamatan makanan dan pemuliharaan alam sekitar.

Program berkenaan juga membantu membangunkan kemahiran penting seperti pemikiran kritis, kreativiti, komunikasi, kerjasama, penyelesaian masalah serta membuat keputusan secara bertanggungjawab.

Kemahiran-kemahiran berkenaan menyumbang kepada pembelajaran sepanjang hayat dan meningkatkan kebolehpasaran pelajar pada masa hadapan.

Majlis pelancaran turut diisikan dengan penyertaan reruai pendidikan daripada Kawan Bumi, Poni Foundation, Green Space dan Science, Technology and Environment Partnership (STEP) Centre yang berkongsi visi yang sama dalam mempromosi kelestarian alam sekitar serta projek-projek hijau.

Reruai-reruai berkenaan mempamerkan pelbagai inisiatif kelestarian, amalan mesra alam dan program komuniti, sekali gus memberi peluang kepada pelajar menghubungkan pembelajaran di bilik darjah dengan aplikasi dunia sebenar.

SMYSHHB berharap Program



PENOLONG Pengarah Urusan, Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Sosial, Awang Iswandy bin Ahmad hadir selaku tetamu kehormat majlis serta melancarkan program tersebut (kiri dan atas).

Hidroponik berkenaan akan menjadi platform pendidikan jangka panjang yang dapat melahirkan pelajar yang inovatif, bertanggungjawab dan peka terhadap alam sekitar.

Melalui pembelajaran secara praktikal dan kerjasama komuniti, inisiatif berkenaan menyokong hasrat SPN21 untuk melahirkan pelajar yang seimbang dan bersedia menyumbang secara bermakna kepada pembangunan sosial dan ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Program berkenaan juga mencerminkan komitmen sekolah

terhadap Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, khususnya yang berkaitan dengan pendidikan berkualiti, penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab, tindakan terhadap perubahan iklim serta komuniti yang mampan.

Melalui inisiatif berkenaan, SMYSHHB terus memperkukuh budaya pembelajaran sepanjang hayat, inovasi, kerjasama dan pemeliharaan alam sekitar secara bertanggungjawab dalam kalangan warga sekolah serta masyarakat secara keseluruhannya.

MINDA PEMBACA

Pencemaran di lautan: cabaran dan tanggungjawab bersama

"Telah timbul pelbagai kerosakan di darat dan di laut disebabkan oleh perbuatan tangan manusia..." (Surah Ar-Rum: 41). Ayat ini menjadi peringatan bahawa alam sekitar merupakan amanah yang perlu dijaga, bukannya dimusnahkan. Lautan yang suatu ketika dahulu menjadi simbol keindahan dan sumber kehidupan kini berhadapan dengan ancaman pencemaran akibat sikap manusia yang semakin alpa. Persoalannya, adakah kita mahu mewariskan lautan yang penuh dengan sampah kepada generasi akan datang?

Laut bukan sekadar hamparan air yang luas, malah menjadi habitat kepada jutaan hidupan marin serta

sumber rezeki kepada masyarakat yang bergantung kepada sektor perikanan dan industri maritim. Menurut United Nations Environment Programme (UNEP), sekitar 19 hingga 23 juta tan sisa plastik memasuki ekosistem akuatik setiap tahun, manakala 85 peratus sampah marin terdiri daripada plastik. Angka ini membuktikan bahawa pencemaran laut merupakan krisis global yang memerlukan tindakan segera.

Di Brunei Darussalam, usaha memelihara kebersihan laut terus diperkasakan melalui penglibatan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) bersama NGO seperti Green Brunei dan Beach Bunch dalam pelbagai aktiviti pembersihan

pantai serta kempen kesedaran alam sekitar. Namun, cabaran masih wujud apabila golongan nelayan berdepan dengan pengurangan hasil tangkapan, kerosakan pukat dan peningkatan kos operasi akibat pencemaran plastik serta kemusnahan habitat marin.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), pencemaran alam sekitar turut memberi kesan terhadap kesihatan manusia apabila bahan pencemar seperti mikroplastik memasuki rantai makanan. Oleh itu, usaha menjaga laut bukan hanya tanggungjawab kerajaan, tetapi merupakan amanah setiap individu.

Negara seperti Jepun dan Republik Singapura telah membuktikan bahawa pendidikan alam sekitar dan

penguatkuasaan undang-undang yang berkesan mampu mengurangkan pencemaran. Maka, marilah kita mengamalkan konsep 3R (Reduce, Reuse, Recycle) dan mengubah sikap sebelum terlambat. Sesungguhnya, menjaga laut hari ini bermakna melindungi kehidupan generasi masa hadapan.

Nama : Siti Rabiatal Maisarah binti Rosminan
No. K/P : 01-145XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Bersatu Memelihara Keamanan Negara'. Tarikh Tutup : 5 Ogos 2026
2. 'Ekopelancongan : Memelihara Alam, Menjana Ekonomi'. Tarikh Tutup : 12 Ogos 2026
3. 'Belia Berdaya Saing, Negara Gemilang'. Tarikh Tutup : 19 Ogos 2026

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

SEMANGAT JUANG PESERTA JAYAKAN PERSEMBAHAN KHAS

■ Berita dan Foto : Nurdiyana Rajami



(DARI KIRI) Dayang Siti Izawati binti Abdul Majid, Awang Muhammad Iqbaal Syakib bin Haji Suhub, dan Dayang Hasberina binti Haji Asli.

TEMBURONG, Selasa, 4 Ogos. - Meskipun cuaca terik matahari memancar di langit Daerah Temburong, namun semangat rakyat dan penduduk di daerah berkenaan tidak pernah luntur untuk sama-sama hadir di Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Temburong sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80 bagi Tahun 2026 telah diadakan hari ini bertempat di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar, di sini.

Dalam pada itu, para peserta persembahan khas juga tidak ketinggalan dalam menyerlahkan semangat juang mereka dalam menggenggam satu amanah dalam sama-sama menayakan Persembahan Khas Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Temburong sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda di Daerah Temburong pada tahun ini.

Salah seorang penyanyi persembahan khas di majlis berkenaan, Dayang Hasberina binti Haji Asli semasa ditemu bual Pelita Brunei antaranya mengongsikan ia bagaikan satu peluang dan pengalaman yang amat berharga, lebih-lebih lagi ketika menatap wajah pemimpin negara yang berjiwa rakyat yang begitu dinanti-nantikan setiap tahun.

"Alhamdulillah, perasaan itu pasti sukar diungkapkan dengan kata-kata sepenuhnya, namun diri ini amat berbesar hati kerana terpilih sebagai salah seorang penyanyi bagi sama-sama menayakan persembahan khas di Daerah Temburong buat julung kalinya," kongsi penyanyi yang berusia 45 tahun itu.

Beliau turut menambah, sebelumnya dirinya sudah pernah menyertai persembahan khas bagi majlis seumpama ini sebanyak empat kali di Daerah Brunei dan Muara. Meskipun bukanlah kali pertama mengikuti persembahan sebegini, namun hakikatnya setiap tahun itu sememangnya memiliki aura

keindahan yang tersendiri.

"Setiap bait-bait kata yang didendangkan itu memiliki makna betapa sayangnya kami semua kepada baginda dan itulah juga yang terlubuk dalam sanubari kami semua berbekalkan ketulusan doa yang dipanjatkan bersama-sama demi memohon Allah Subhanahu Wata'ala melimpahkan keberkatan umur dan kesihatan kepada pemimpin negara yang kita cintai dan juga kerabat-kerabat diraja yang lain serta rakyat dan penduduk tanah air kita sentiasa diberikan kedamaian dalam meniti kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan juga bernegara," ujarnya lagi.

Pada persembahan khas di majlis tahun ini, Dayang Hasberina telah digandingkan bersama tiga orang penyanyi tempatan yang lain yang terdiri daripada Dayang Nur Qistina Adriana binti Md. Yusirwan, Dayang Nordiyana binti Haji Moslim dan Awang Muhammad Syafiq bin Awang Musa.

Sementara itu, Pelita Brunei turut berkesempatan menemu bual dua orang peserta yang sama-sama terlibat dalam menayakan majlis tersebut yang menandai amanah sebagai juruacara sekali gus menayakan persembahan khas yang terdiri daripada Awang Muhammad Iqbaal Syakib bin Haji Suhub dan Dayang Siti Izawati binti Abdul Majid.

Awang Muhammad Iqbaal Syakib antaranya meluahkan perasaan terharu dan teruja kerana sekali lagi diamanahkan untuk menjadi pembuka acara dan persembahan. Ini merupakan kali kedua insan berusia 27 tahun ini terlibat dalam majlis sebegini dan pastinya akan menjadi memori yang indah dan akan dikenang.

"Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk merupakan salah satu aturcara yang sering menjadi simpanan peribadi dan juga ristaan dari satu generasi ke generasi seterusnya bahkan ia bagaikan 'Tiada Tembok Pemisah Di Antara Raja Dan Rakyat', apabila baginda Sultan bercemar duli ke keempat-empat daerah, pada hemat saya ia menzahirkan keperibadian baginda yang memeduli rakyat jelata. Ungkapan 'Raja dan Rakyat Berpisah Tiada' itu cukup

menggambarkan kewibawaan baginda Sultan yang berjiwa rakyat dan disanjung sepanjang hayat," ujarnya.

Dayang Siti Izawati turut meluahkan perasaan penuh kesyukuran, terharu dan berbangga kerana diberikan peluang untuk menjadi sebahagian daripada majlis yang penuh bersejarah ini.

"Peluang membuat persembahan di hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja merupakan satu penghormatan yang amat besar dan akan menjadi kenangan yang tidak dapat dilupakan," ucapnya yang berusia 40 tahun.

Dalam pada itu, beliau turut berkongsi dirinya bersama rakan seperjuangan serta para peserta yang lain telah membuat persiapan dan latihan secara berterusan bagi memastikan

persembahan berjalan lancar serta dapat dipersembahkan dengan sebaik mungkin.

Dayang Siti Izawati yang mula berkecimpung dalam bidang seni penyampaian sejak berumur 20 tahun iaitu bermula sekitar tahun 2006 di mana sepanjang tempoh tersebut, beliau telah menyertai pelbagai program dan persembahan yang banyak memberi pengalaman serta meningkatkan keyakinan diri.

"Pastinya, dalam bidang seni penyampaian ini, persediaan saya melibatkan latihan yang konsisten, menghafal teks, memperbaiki intonasi suara, sebutan dan penghayatan. Selain itu, saya sentiasa berlatih membaca, mendapatkan pandangan daripada jurulatih serta menjaga keyakinan diri. Bagi saya, disiplin, kesungguhan dan latihan yang berterusan adalah kunci untuk meningkatkan mutu seni

penyampaian," kongsiinya lanjut.

Dalam kesempatan ini, mereka dengan penuh takzim merafakkan sembah setinggi-tinggi ucapan tahniah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80. Semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa dikurniakan keafiatan, umur yang panjang, rahmat serta keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan terus memimpin Negara Brunei Darussalam ke arah keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan yang berkekalan. Daulat Kebawah Duli Tuan Patik!

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

GARAM TERDARI 40% SODIUM



- 1 Pilih makanan segar dan tidak berproses
- 2 Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
- 3 Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
- 4 Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
- 5 Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

1385 mg	1000 mg	880 mg
		
1 bungkus Mee Segera	Sebilu Telur Masin	1 sudu makan Kicap
376 mg	295 mg	243 mg
		
3 sudu makan Corned Beef	1 bungkus kecil Keropok Ubi Kentang	1 bungkus kecil Keropok Udang Tempatan
120 mg	116 mg	15 mg
		
1 cawan Kentang Goreng	Segenggam Kacang Tanah (Salted)	3 keping Keraker Beras
2.4 mg	1.7 mg	1.2 mg
		
1/2 cawan Amping	Segenggam Kacang Tanah (Unsalted)	Sebilu ukuran sederhana Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hptbrunei



Health Promotion Centre



Tollon Darussalam 123



Cetusan idea dan penyelidikan pacu nilai inovasi

SEBAGAI sebuah institusi pendidikan yang sentiasa 'Mendepan Bersama', Universiti Brunei Darussalam (UBD) terus komited melahirkan graduan yang bukan sahaja memiliki kecemerlangan akademik, bahkan berfikir inovatif, berjiwa keusahawanan, berdaya tahan, berintegriti serta mampu menyesuaikan diri dengan perubahan dunia yang semakin dinamik.

Pastinya golongan graduan sedemikian diharapkan menjadi pemimpin, pencipta dan ejen perubahan yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara yang inklusif, progresif dan lestari.

Justeru itu, Pesta Konvo UBD 2026 yang berlangsung pada 30 Julai, baru-baru ini, yang sekali gus menandakan bermulanya sambutan sempena Majlis Konvokesyen UBD Ke-38, bukan sahaja menjadi medan meraikan kejayaan para graduan, malah merupakan platform yang memperlihatkan kecemerlangan idea, bakat dan potensi warga universiti dalam menghasilkan inovasi yang memberi nilai tambah kepada masyarakat.

Di sebalik tema 'Ideas to Impact'

Bertepatan dengan tema 'Ideas to Impact : Driving Digital Transformation, Innovation and Enterprise for a Future-Ready Society' dipilih bagi Pesta Konvo UBD pada tahun ini menonjolkan budaya berfikir secara kreatif, berani meneroka peluang baharu serta menggalakkan pembudayaan keusahawanan sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi, sosial dan negara.

Tema ini mencerminkan komitmen UBD dalam memperkukuh ekosistem inovasi melalui penyelidikan, pengkomersialan hasil ciptaan, pemindahan ilmu serta kerjasama strategik bersama industri dan komuniti. Di samping itu, tema ini menggalakkan pembentukan graduan yang berupaya mencipta peluang, menghasilkan penyelesaian dalam cabaran semasa, serta menyumbang kepada pembangunan masyarakat berasaskan ilmu, teknologi dan kreativiti.

Sehubungan itu, salah satu tarikan Pesta Konvo UBD pada tahun ini ialah Pameran Projek UBD yang diadakan di Inspiring Hub, UBD yang secara umumnya mempamerkan usaha UBD dalam memajukan transformasi digital, inovasi dan keusahawanan ke arah masyarakat yang bersedia menghadapi masa depan.

Membina kampus lebih hijau dan lestari

Semasa berada di ruang pameran, Pelita Brunei berkesempatan menyaksikan sebuah

projek yang dikenali dengan nama UBD Campus Greening Roadmap 2025 - 2030 yang merupakan sebuah inisiatif terkini UBD dalam meneguhkan visi UBD untuk mewujudkan sebuah University in the Heart of a Living Forest.

Menurut Dr. Salwana binti Md. Jaafar selaku wakil ahli terdiri daripada warga UBD yang menjalankan projek berkenaan. Sebagai program utama di bawah Pelan Induk Kelestarian UBD (UBD Sustainability Masterplan), peta hala tuju ini memberi tumpuan kepada usaha memulihkan, melindungi dan mempertingkatkan ekosistem semula jadi serta kawasan hijau di kampus.

Tambahnya, ia menggalakkan penanaman dan pengurusan spesies pokok serta tumbuhan tempatan melalui pendekatan berasaskan sains. Inisiatif ini memperkukuh peranan UBD sebagai *living laboratory*, di samping menyokong pemuliharaan biodiversiti, pendidikan alam sekitar dan daya tahan iklim.

Dalam pada itu, peta hala tuju ini juga mencerminkan komitmen universiti terhadap penjagaan alam sekitar, perlindungan biodiversiti dan pembelajaran yang berteraskan kelestarian untuk warga kampus secara menyeluruh. Di samping itu, inisiatif ini menyumbang kepada pembentukan kampus UBD yang lebih hijau dan lestari.

Projek ini turut dijayakan oleh enam warga UBD yang lain yang terdiri daripada Profesor Madya, Dr. Rahayu Sukmaria binti Haji Sukri, Awang Aminor Syaidini bin Haji Abdullah, Awang Muhammad Amiruddin bin Haji Ruslan, Dayang Nurul Hazlina binti Haji Zaini, Soon Boon Yu dan Dayang Irmaliza binti Mohd. Irwan.

Cipta projek inovasi penjagaan kesihatan

Selain itu, satu inovasi yang dibangunkan berdasarkan reka bentuk terdahulu yang telah dipatenkan yang dikenali dengan nama projek 'BreSih' turut menjadi salah satu tarikan di ruang Pameran Projek UBD pada tahun ini.

Berkesempatan ditemu bual Pelita Brunei, Dr. Hajah Asmah binti Haji Husaini menjelaskan 'BreSih' merupakan sebuah projek inovasi penjagaan kesihatan antara disiplin yang merintis usaha meletakkan maruah insan sebagai teras dalam reka bentuk teknologi penjagaan bantuan kesihatan. Ia direka sebagai sistem penjagaan kebersihan dan pengurusan *inflatable*, *lightweight* serta praktikal yang menggabungkan fungsi bekalan air

Rencana dan Foto : Nurdianah Rajami

dan saliran ke dalam satu penyelesaian bersepadu. Reka bentuknya yang mudah alih dan mesra pengguna menjadikannya sesuai untuk digunakan di hospital, pusat pemulihan dan persekitaran penjagaan di rumah.

Jelasnya lagi, 'BreSih' turut memperlihatkan bagaimana ilmu kejururawatan dapat diterjemahkan menjadi inovasi penjagaan kesihatan yang bermakna melalui gabungan kepakaran klinikal, penyelidikan, kepimpinan dan keusahawanan.

Projek ini yang turut dikendalikan oleh enam ahli yang terdiri daripada Pengiran Mohammad Zulfikri bin Pengiran Haji Zukifly, Dr. Munikumar Venkatasalu, Dr. Ren Chong Lim, Dr. Muhammad Roil Bilad, Dr. Siti Nurhazimah binti Awang Mahmud dan Awang Abdul Aziz bin Mohd. Ali.

Menerusi projek ini, ia sememangnya bermatlamat untuk meningkatkan maruah, keupayaan berdikari, dan kesejahteraan, di samping menyokong penambahbaikan dalam penyampaian penjagaan kesihatan serta kualiti hidup bagi pesakit mahupun penjaga mereka.

Kredibiliti bakat pembikinan filem tempatan

Sementara itu, di ruang petak pameran terakhir telah menampilkan New Wave Films BN iaitu sebuah syarikat pembikinan filem tempatan.

Ketika ditemu bual, Ketua Pegawai Eksekutif New Wave Films BN, Awang Syafi Halim yang juga merupakan alumni UBD berkata syarikat mereka merupakan sebuah perniagaan di bawah UBD Startup Centre dan menjalinkan kerjasama erat dengan UBD.

"Kami ialah syarikat penerbitan filem di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang menghasilkan naratif melalui iklan komersial serta projek-projek yang didorong oleh minat mendalam, merangkumi animasi, filem pendek dan dokumentari".

Beliau yang turut dibantu oleh beberapa orang ahli ini telah mengasaskan kolektif pembikinan filem tempatan ini bagi mempamerkan karya kreatif yang meneguhkan budaya, masyarakat, identiti, dan alam sekitar NBD. Antara yang turut ditayangkan di petak pameran berkenaan ialah *trailer* serta klip sorotan daripada empat karya yang telah siap dihasilkan iaitu *Ekosistem Rasa*, *Kampung Buah*, *Wujud dan The Invisible Catch*.

Melalui dokumentari, animasi dan penceritaan visual, New Wave Films BN memperlihatkan peranan industri kreatif

dalam memelihara naratif budaya, meningkatkan kesedaran mengenai isu-isu sosial dan alam sekitar serta membawa kisah-kisah NBD kepada khalayak yang lebih luas.

"Antara objektif kami ialah untuk memperluas sempadan industri perfileman Brunei dan membawanya ke persada antarabangsa pada masa hadapan, serta menyokong industri perfileman Brunei yang kian berkembang dengan bekerjasama bersama pembikinan filem yang bersemangat tinggi di seluruh negara," ujarnya lagi.

Awang Syafi Halim turut mengongsikan pencapaian yang telah diraih selama ini yang mana mereka telah menghasilkan rancangan animasi kanak-kanak pertama Brunei yang boleh ditonton secara percuma di RTBGo serta menerbitkan dokumentari pertama Brunei yang mendapat pembiayaan daripada National Geographic Society.

"Kami juga bekerjasama dengan Suruhanjaya Tinggi Australia dan Poni Group untuk memperkukuh hubungan diplomatik antara kedua-dua negara melalui sebuah dokumentari mengenai aktiviti penangkapan ikan secara haram yang berlatarkan Borneo namun berpusat di Brunei. Projek-projek kami telah ditayangkan di peringkat antarabangsa, termasuk di Amerika Syarikat, Jepun dan Portugal. Kami juga telah memenangi lebih daripada 20 anugerah di peringkat tempatan dan antarabangsa, antaranya ialah Best Borneo Feature Documentary Award AIFFA 2025," luahnya penuh kesyukuran.

Pastinya, melalui Pameran Projek UBD ini menyerlahkan manifestasi komitmen UBD dalam membudayakan pemikiran keusahawanan dan inovasi dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi graduan serta seluruh warga UBD. Hal ini turut menekankan bahawa keusahawanan bukan sekadar melahirkan usahawan, tetapi turut membentuk individu yang berfikir kreatif, berani menerokai peluang, cekap menyelesaikan cabaran serta mampu mencipta nilai melalui idea-idea baharu yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Usaha ini selaras dengan aspirasi UBD untuk membudayakan inovasi dan keusahawanan sebagai sebahagian daripada pengalaman pembelajaran yang holistik. Melalui pendekatan rentas disiplin, kolaborasi strategik dan pemikiran berorientasikan masa hadapan, warga universiti digalakkan untuk membangunkan penyelesaian yang relevan, mampan dan berimpak tinggi demi kesejahteraan masyarakat serta kemajuan negara.



Susu ibu pemakanan sempurna anak damit

Oleh : Norlia Md. Zain
Ilustrasi : Ike Iqrami Haji Suhaimi

MINGGU Penyusuan Susu Ibu (PSI) Sedunia diraikan pada 1 hingga 7 Ogos setiap tahun. Aktiviti global yang dilancarkan pada tahun 1992 ini mempunyai tujuan utama untuk meningkatkan kesedaran mengenai manfaat penyusuan susu ibu dan untuk mempromosikan persekitaran yang menyokong dan mengekalkan amalan PSI.

PSI adalah asas yang penting untuk kesihatan ibu dan anak damit. Susu ibu adalah pemakanan yang sangat unik dan sempurna yang mengandungi semua nutrien yang diperlukan oleh anak damit untuk pertumbuhan dan perkembangan yang optimum khususnya dalam enam bulan pertama kehidupan. Ianya juga mengandungi antibodi yang dapat membantu melindungi anak damit dari jangkitan penyakit, mengurangkan masalah cirit-birit, mengurangkan risiko jangkitan paru-paru dan telinga, mengelakkan karies gigi dan meloklusi gigi (*malocclusion*) serta merangsang peningkatan tahap kecerdasan (IQ) kanak-kanak. Selain itu, susu ibu lebih mudah dihadam oleh anak damit berbanding susu formula dan ia mengurangkan risiko sembelit. Manfaat susu ibu bukan sahaja untuk anak damit malahan juga untuk ibu selepas melahirkan.

Manfaat untuk ibu pula dapat mengurangkan risiko mendapat kanser ovari dan kanser payudara, kencing manis dan juga tekanan darah tinggi. Selain itu ia juga membantu ibu dalam proses pemulihan selepas bersalin serta membantu ibu kembali kepada berat badan yang sihat.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyarankan penyusuan susu ibu secara eksklusif sejak lahir sehingga enam bulan pertama. Dari umur enam bulan, kanak-kanak hendaklah diberikan makanan tambahan yang berkhasiat dan mencukupi sambil meneruskan penyusuan susu ibu sehingga umur dua tahun atau lebih.

Dari sudut pandangan Islam, penyusuan susu ibu adalah satu fitrah, sebagaimana dijelaskan dalam ayat 233, Surah Al-Baqarah yang ertinya, "Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, iaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan".

Di seluruh dunia, kadar PSI secara eksklusif menurun secara drastik saat dunia

dilanda gelombang pandemik COVID-19. Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah tidak terkecuali dari menghadapi cabaran yang sama.

Pra-pandemik, NBD hampir mencapai sasaran WHO untuk meningkatkan kadar PSI secara eksklusif dalam tempoh enam bulan pertama. Sejak pengenalan Dasar Peraturan Cuti Beranak pada tahun 2011, kadar penyusuan susu ibu secara eksklusif meningkat dari 29 peratus pada tahun 2011 kepada 47 peratus pada tahun 2019 dengan peningkatan sistem sokongan kesihatan termasuk aktiviti-aktiviti promosi penyusuan susu ibu yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan sebelum melahirkan dan selepas melahirkan.

Walau bagaimanapun, setelah pandemik COVID-19 pada tahun 2023, kadar penyusuan susu ibu telah menurun ke 38 peratus dan menurun lagi pada tahun 2024 iaitu 37 peratus. Pada tahun 2025, kadar penyusuan susu ibu secara eksklusif adalah sekitar 35 peratus. Kadar ini adalah sangat membimbangkan dan tindakan perlu diambil dengan segera.

Oleh itu, NBD perlu mempertingkatkan semula sistem sokongan penyusuan susu ibu untuk mencapai sasaran penyusuan susu ibu secara eksklusif pada kadar 50 peratus. Penurunan kadar ini adalah membimbangkan kerana amalan PSI telah pun dikenal pasti oleh WHO dan juga Kementerian Kesihatan sebagai salah satu intervensi utama dalam usaha untuk mencegah serta menangani masalah obesiti di negara ini, di mana NBD didapati mempunyai kadar obesiti tertinggi di Asia Tenggara.

Cabaran ibu pertama kali

Penyusuan susu ibu sering digambarkan sebagai detik indah penuh kasih sayang antara ibu dan anak. Namun, penyusuan tidak selalu semudah yang dibayangkan, terutama bagi ibu muda yang kali pertama melahirkan anak.

Realitinya, perjalanan menyusui boleh menjadi mencabar dan memenatkan. Cabaran seperti bengkak susu, anak damit sukar melekap, kurang tidur, serta tekanan di tempat kerja boleh menjejaskan emosi ibu. Perkara ini dapat juga dilihat melalui perkongsian para ibu pertama kali di media-media sosial yang mana ada ibu-ibu merasa tertekan kerana tidak dapat

menyusukan anaknya dengan susu ibu. Tanpa sokongan sewajarnya, ia boleh mencetuskan tekanan mental, malah berisiko membawa kepada kemurungan selepas bersalin.

Oleh itu bagi mereka yang pertama kali menjadi ibu, perbanyakan ilmu pengetahuan mengenai penyusuan susu ibu seperti pemakanan sihat, persiapkan diri dengan banyak bertanya kepada ibu-ibu berpengalaman yang berjaya menyusukan anaknya sehingga enam bulan. Malah mental dan emosi juga mesti kuat agar tidak menjejaskan bekalan susu ibu.

Cabaran meneruskan penyusuan susu ibu

Cabaran yang masih dihadapi ialah memastikan ibu-ibu dapat meneruskan penyusuan susu ibu secara eksklusif iaitu sehingga anak damit berumur enam bulan.

Ramai ibu memulakan penyusuan tetapi terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan mereka ini sukar untuk meneruskan secara eksklusif.

Ini menunjukkan terdapat ruang yang besar untuk kita menolong ibu-ibu memberi sokongan untuk meneruskan penyusuan susu ibu secara eksklusif, seperti petugas kesihatan, suami termasuk ahli keluarga, majikan, masyarakat secara menyeluruh agar lebih ramai lagi ibu-ibu di NBD dapat memberikan susu ibu kepada anak damit secara eksklusif sekurang-kurangnya enam bulan dan meneruskan penyusuan tersebut hingga dua tahun.

Berdasarkan kaji selidik yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan pada tahun 2025, antara sebab ibu-ibu ini memperkenalkan susu formula sebelum anak damit berumur enam bulan ialah kerana mereka ini bimbang air susu tidak mencukupi atau *low milk supply*. Faktor ini dilaporkan oleh 46 peratus daripada 350 orang ibu yang mengikuti kaji selidik tersebut. Namun begitu kebanyakan keadaan keseimbangan ini sebenarnya boleh diatasi.

Konsep supply and demand

Penghasilan susu ibu bergantung pada ibu itu sendiri iaitu konsep *supply and demand* iaitu semakin kerap anak damit menyusui atau susu itu diperah jadi semakin banyak susu akan dihasilkan. Sebaliknya jika penyusuan ataupun pemerahan susu kurang

kerap atau kurang berkesan, bekalan susu juga boleh berkurangan.

Ibu-ibu di NBD yang bekerja juga menghadapi cabaran dalam kesukaran mendapatkan masa, kesukaran untuk mendapatkan ruang untuk pemerahan susu di tempat kerja, kurang sokongan daripada suami mahupun keluarga, serta masalah penyusuan dari ibu itu sendiri. Misalnya bengkak susu yang boleh menyebabkan ibu itu demam, puting yang luka dan kesukaran anak damit melekap dengan betul.

Sokongan dari semua pihak amat penting seperti majikan dengan membantu menyediakan persekitaran kerja yang mesra ibu menyusui.

Suami dan ahli keluarga boleh memberi sokongan moral serta emosi serta membantu dalam penjagaan anak damit supaya ibu cukup rehat dan lebih yakin menyusukan anak damit sehingga mencapai enam bulan.

Selain dari keluarga, masyarakat juga perlu menyediakan persekitaran yang mesra agar para ibu boleh mengamalkan penyusuan susu ibu di mana-mana dengan selesa seperti menyediakan ruang penyusuan yang selamat dan bersih di bangunan-bangunan komersial dan di tempat awam.

Kementerian Kesihatan sememangnya komited memperkukuhkan pelaksanaan 'Breastfeeding Friendly Hospital Initiative' (BFHI) di seluruh perkhidmatan kesihatan ibu dan anak damit di NBD untuk memastikan setiap ibu mempunyai sokongan yang diperlukan, terutamanya pada peringkat awal sebaik sahaja melahirkan anak damit.

Kesimpulan

Susu ibu merupakan makanan terbaik dan paling sempurna bagi anak damit kerana ia mengandungi semua nutrien yang diperlukan untuk pertumbuhan fizikal, perkembangan otak, dan pembentukan sistem imun yang kuat.

NBD perlu bangkit semula untuk mengukuhkan sistem sokongan PSI kepada tahap pra-pandemik. Bersempena Sambutan Minggu PSI tahun ini, marilah kita semua bergerak bersama ke arah mencapai hasrat bagi memastikan setiap anak damit yang dilahirkan di NBD diberikan permulaan yang terbaik dengan melindungi, mempromosi dan menyokong amalan PSI.

PGGMB ADAKAN LAWATAN MUHIBAH KE REPUBLIK SINGAPURA

Siaran Akhbar dan Foto: Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Ogos. - Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di beberapa buah sekolah di Republik Singapura, seramai 14 peserta dari terdiri daripada tiga Jawatankuasa Tertinggi Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), empat guru besar dan guru kanan serta enam murid dari Sekolah-sekolah PGGMB berlepas ke Republik Singapura bagi mengadakan Lawatan Muhibah bermula 3 hingga 7 Ogos ini.

Rombongan diketuai oleh Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri.

Menyertai rombongan ini ialah Setiausaha Agung PGGMB, Awang Yakub bin Haji Abdul Rahman; Timbalan Setiausaha Agung (Luar Negeri), Awang Haji Yahya bin Haji Mirassan; Guru Besar Sekolah Tunas Jaya (STJ) PGGMB Lambak, Dayang Noraidah binti Abdullah; Guru Besar STJ PGGMB Kuala Belait, Dayang Fazziah binti Haji Kamis; Guru Kanan STJ PGGMB Lambak dan murid-murid STJ PGGMB Lambak.

Menurut Guru Besar STJ

PGGMB Lambak, lawatan ini merupakan lawatan balas guru-guru dan murid STJ PGGMB Lambak ke Unity Primary School dan Chua Chu Kang Primary School di Republik Singapura dalam memberikan pendedahan, pengalaman dan meningkatkan lagi motivasi para guru dan murid mengenai dengan teknik pengajaran dan pembelajaran di sana.

Selain itu, katanya, para murid akan dapat berinteraksi dan berkomunikasi dengan murid-murid di sekolah-sekolah berkenaan dan akan dapat menghayati dan membawa balik nilai dan amalan terbaik mengenai tatacara pembelajaran di sana dan seterusnya dapat dikongsi dengan rakan-rakan di Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, rombongan juga akan melawat ke Brunei High Commission, Science Centre, Garden by the Bay (Flower Dome and Clock Forest) dan tempat-tempat yang bersejarah di sana. Dengan lawatan ini akan dapat menyuntik nilai tambah yang efektif dalam meningkatkan kualiti pendidikan dan pengajaran di Sekolah-sekolah PGGMB.



YANG Dipertua Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), Awang Haji Mustapa bin Haji Masri mengetuai rombongan PGGMB bagi mengadakan Lawatan Muhibah di Republik Singapura dari 3 hingga 7 Ogos ini.

Mempromosikan keusahawanan, memupuk kolaborasi dalam ASEAN



PARA delegasi Brunei mewakili Negara Brunei Darussalam semasa sesi bergambar ramai pada Forum ASEAN Forum dan Persidangan ASEAN 2026 yang telah berlangsung di Republik Singapura.

Berita dan Foto : Ihsan Persatuan Usahawan Muda Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Ogos. - Persatuan Usahawan Muda Brunei (YEAB) telah mewakili Negara Brunei Darussalam pada Forum ASEAN Forum dan Persidangan ASEAN 2026 yang berlangsung di Republik Singapura dari 29 hingga 31 Julai lalu, sekali gus menegaskan komitmennya dalam memperkukuhkan kerjasama serantau, mempromosikan keusahawanan serta memupuk kolaborasi dalam kalangan negara-negara ASEAN.

Delegasi Brunei diketuai oleh Presiden YEAB, Goh Chai Li, bersama Naib Presiden I, Awang Fahmiin Abdullah, serta ahli-ahli YEAB iaitu Awang Fauzi Said, Awang Saifullah Safwan dan James Goh.

Forum berkenaan dianjurkan oleh Singapore Business Federation (SBF) dengan kerjasama Young Business Leaders Network (YBLN) dan menghimpunkan pemimpin perniagaan generasi baharu, usahawan, pelabur serta penggubal dasar dari seluruh rantau ASEAN.

Sepanjang persidangan tersebut, para peserta mengikuti pelbagai ucpatama, sesi perbincangan panel dan aktiviti jaringan perniagaan yang membincangkan pelbagai isu semasa, antaranya kepimpinan mampan, perancangan penggantian perniagaan, modal teroka, Kecerdasan Buatan (AI), perubahan demografi serta cabaran ketidakpastian geopolitik.

Forum itu turut menekankan kepentingan inovasi dan kerjasama rentas sempadan dalam membentuk masa depan ekonomi ASEAN yang lebih berdaya tahan dan mampan.

Penyertaan tersebut turut memberi peluang kepada delegasi YEAB untuk bertukar-tukar pandangan dengan pemimpin serantau, memperoleh pengetahuan praktikal daripada pakar industri serta memperkukuhkan hubungan dengan usahawan dari negara-negara ASEAN.

Pengalaman berkenaan juga membuka ruang kepada YEAB untuk memahami trend perniagaan yang semakin berkembang serta meneroka peluang baharu di peringkat serantau, di samping memperkukuhkan komitmen persatuan itu untuk membawa pulang pengetahuan dan amalan terbaik ke Brunei bagi menyokong pertumbuhan ekosistem keusahawanan negara.



Foto : Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz / Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Hati Buyah Berlada Kampung Menengah

BAHAN-BAHANNYA :

Hati buyah
Bawang merah
Bawang putih
Lada merah besar
Lada padi (ikut cita rasa)
Tomato
Sedikit air asam jawa
Garam
Gula
Minyak

CARA-CARA MEMASAK :

Rebus hati buyah terlebih dahulu sehingga empuk kemudian toskan dan hiris nipis. Gaulkan hirisan hati buyah dengan garam kemudian goreng sedikit garing. Angkat dan ketepikan. Kisar bawang merah, bawang putih, lada merah, cili padi, tomato. Panaskan sedikit

minyak ke dalam kualiti kemudian tumis bahan kisar sehingga pecah minyak. Masukkan air asam jawa, garam dan gula. Teruskan menumis sehingga pecah minyak. Akhir sekali masukkan hati buyah yang telah digoreng tadi dan gaul rata dan sedia untuk dihidangkan.

TERUS BERUSAHA, BERINOVASI, BERBAKTI DEMI KEMAJUAN NBD

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BELAIT, Isnin, 3 Ogos. - Penghargaan sumbangan signifikan yang dicurahkan oleh empat individu cemerlang dizahirkan semasa Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Belait yang berlangsung di Padang Bandaran, Jalan Sultan, baru-baru ini.

Peluang berkenaan bukan sahaja menjadi tanda penghargaan atas jasa dan pencapaian mereka, malah mencerminkan keprihatinan serta penghargaan berterusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap rakyat yang telah menyumbang kepada kemajuan negara melalui kepakaran, dedikasi dan khidmat bakti dalam bidang masing-masing.

Empat individu yang diraikan ialah Awang Reduan Yusof bagi Kategori Kesukuan, Dayang Dr. Vanessa Teo bagi Kategori Keusahawanan, Awang Ajis bin Haji Dollah bagi Kategori Kemasyarakatan dan Dayang Dr. Mas Munira binti Haji Rambli bagi Kategori Pendidikan.

Berkongsi perasaan kepada Pelita Brunei, Awang Reduan Yusof menyifatkan peluang untuk santap bersama Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja sebagai satu penghormatan yang amat bermakna serta kenangan yang akan terpahat sepanjang hayat.

Jelasnya lagi, pemilihan berkenaan merupakan pengalaman yang sukar digambarkan dengan kata-kata dan menjadi bukti bahawa usaha yang dilakukan selama ini mendapat penghargaan.

Nama Awang Reduan Yusof tidak asing lagi dalam arena sukan lumba basikal negara. Sejak 1989, beliau telah beberapa kali mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) di pelbagai peringkat kejohanan dalam dan luar negara serta berjaya mengharumkan nama negara menerusi pelbagai pencapaian.

Berbekalkan pengalaman luas dalam sukan berkenaan, beliau kemudiannya menceburi bidang keusahawanan pada 2009 dengan membuka kedai basikal sendiri selain berkhidmat sebagai jurulatih, sekali gus terus menyumbang kepada pembangunan sukan berbasikal di negara ini.

"Kejayaan tidak hadir tanpa keberanian untuk mencuba.

"Belia perlu berani menyahut cabaran dan terus berusaha dalam bidang yang diminati. Dengan

kesungguhan, minat itu bukan sahaja mampu menjadi kerjaya, malah boleh membuka peluang pekerjaan kepada orang lain," ujarnya lagi.

Turut menerima penghormatan ialah Dayang Dr. Vanessa Teo, iaitu pengasas Biofield Solutions yang terkenal dengan usaha membangunkan penyelesaian lestari melalui pemprosesan sisa organik menjadi baja berkualiti bagi meningkatkan hasil tanaman padi serta memulihkan kesuburan tanah.

Beliau menzahirkan rasa syukur dan berbesar hati atas pengiktirafan yang diterima, sambil menyifatkannya sebagai penghormatan yang amat bermakna daripada raja yang sentiasa prihatin terhadap pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

Menurutnya lagi, inspirasi di sebalik penubuhan Biofield Solutions lahir daripada keinginan untuk membantu mengurangkan kebergantungan negara kepada import makanan serta menyokong usaha memperkukuh sekuriti makanan NBD melalui penyelesaian berasaskan inovasi dan teknologi hijau.

Dayang Dr. Vanessa Teo berharap lebih ramai belia tampil menyumbangkan bakat dan kepakaran masing-masing demi kemajuan negara.

"Cabaran sentiasa ada, namun dengan ketabahan, komitmen dan semangat yang tinggi, kita mampu membina sebuah negara yang mampan, berdaya saing dari segi ekonomi dan sentiasa mengutamakan kesejahteraan rakyat," ujarnya lagi.

Sementara itu Awang Ajis pula menyifatkan peluang untuk duduk santap bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai satu penghormatan yang amat membanggakan serta detik yang tidak akan dilupakan.

Beliau yang dikenali aktif dalam kerja-kerja kemasyarakatan dan pernah menerima pelbagai pengiktirafan keusahawanan menjadikan khidmat kepada masyarakat sebagai sebahagian daripada tanggungjawabnya.

Antara sumbangan besar beliau ialah membantu bekas-bekas banduan mendapatkan peluang pekerjaan bagi membolehkan mereka memulakan kehidupan baharu, berdikari serta menjana pendapatan untuk kelangsungan kehidupan mereka.

Usaha berterusan berkenaan mencerminkan keyakinan beliau bahawa setiap insan berhak diberikan peluang kedua untuk berubah, sekali gus menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang lebih inklusif dan sejahtera.

Manakala Dayang Dr. Mas Munira turut menzahirkan rasa syukur kerana diberi peluang untuk duduk santap bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Belait.

Beliau yang merupakan Pengarah Centre for Research on Agrifood Science and Technology (CrAFT) serta Pensyarah Sains dan Teknologi Makanan di Universiti Teknologi Brunei menyifatkan peluang berkenaan sebagai satu pengiktirafan yang amat bermakna terhadap usaha



(DARI kiri) Awang Ajis bin Haji Dollah, Awang Reduan Yusof, Pemangku Pegawai Daerah Belait iaitu Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji Muhammad, Dayang Dr. Vanessa Teo, dan Dayang Dr. Mas Munira binti Haji Rambli.

penyelidikan dan inovasi yang memberi manfaat kepada negara.

Menurutnya lagi, penghormatan berkenaan menjadi suntikan semangat untuk terus menyumbang melalui pendidikan, penyelidikan dan inovasi yang mampu meningkatkan kesejahteraan masyarakat serta memperkukuh keterjaminan makanan negara.

Fokus penyelidikan beliau adalah kepada pembangunan teknologi makanan mampan dengan memanfaatkan sumber tempatan dan hasil sampingan pertanian bagi menghasilkan produk makanan bernilai tambah.

Dayang Dr. Mas Munira seterusnya berkata antara inovasi utama yang dibangunkan ialah teknologi makanan kecemasan menggunakan dedak padi dan bahan tempatan lain yang kurang dimanfaatkan untuk menghasilkan makanan berkhasiat, tahan lama serta sesuai digunakan ketika situasi kecemasan.

Inovasi berkenaan tambahnya telah meraih Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2025 dan kini dilindungi sebagai *trade secret* serta sedang menuju ke arah pengkomersialan.

Beliau berharap hasil penyelidikan tempatan tidak hanya kekal di makmal atau diterbitkan dalam jurnal ilmiah, sebaliknya diterjemahkan kepada teknologi dan produk yang memberi manfaat kepada industri, memperkukuh ekosistem inovasi negara serta membuka lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada

rakyat.

Mengakhiri perkongsian, Dayang Dr. Mas Munira menyeru golongan belia supaya berani mencuba, sentiasa dahagakan ilmu dan tidak takut menghadapi kegagalan.

"Setiap pengalaman ialah proses pembelajaran yang membentuk diri menjadi lebih baik. Mulakan dengan apa yang ada hari ini dan gunakan ilmu, kemahiran serta kreativiti untuk menyelesaikan cabaran di sekeliling kita.

"Sumbangan kepada negara tidak semestinya bermula dengan sesuatu yang besar. Kadangkala ia lahir daripada satu idea kecil yang berkembang melalui usaha, kesungguhan dan inovasi sehingga memberi impak besar kepada masyarakat.

"Saya berharap lebih ramai belia menjadi pencipta peluang, bukan sekadar pencari peluang, serta memanfaatkan ilmu dan inovasi bagi bersama-sama merealisasikan aspirasi Wawasan Brunei 2035," ujarnya lagi.

Keempat-empat individu berkenaan membuktikan bahawa kejayaan bukan sekadar diukur melalui pencapaian peribadi, malah melalui manfaat yang dapat dikongsi bersama masyarakat dan negara. Pengiktirafan yang diberikan menjadi lambang penghargaan terhadap warga yang terus menyumbang dengan penuh dedikasi, sekali gus menjadi inspirasi kepada generasi muda untuk terus berusaha, berinovasi dan berbakti demi kemajuan NBD.

Operasi penguatkuasaan tahan 2 suspek penyalahgunaan dadah

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BELAIT, Isnin, 3 Ogos. - Daerah Polis Belait, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), telah melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepadu di dua lokasi berasingan di Daerah Belait, iaitu di Jalan Kuala Balai dan Jalan Pandan 5, baru-baru ini.

Operasi tersebut diketuai oleh Pegawai Jenayah Daerah (DCO), Timbalan Penguasa Polis Mohd. 'Izzuddin Hanis bin Haji Md. Salleh dan melibatkan seramai 59 pegawai dan anggota daripada PPDB, Bahagian Penguatkuasa Ugama (BPU), Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN), Biro Kawalan Narkotik (BKN) serta Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED).

Hasil operasi berkenaan, pihak BKN telah menahan dua lelaki yang disyaki terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

Sementara itu, pihak JKED telah mengesan 14 kesalahan di mana 12 individu telah dipercayai memiliki barang tegahan, iaitu 73 paket rokok pelbagai jenama dan satu unit *vape*.

PPDB akan terus memperkukuhkan kerjasama strategik bersama agensi-agensi penguatkuasaan bagi membanteras aktiviti yang menyalahi undang-undang. Orang ramai juga diseru untuk menyalurkan sebarang maklumat berkaitan kegiatan mencurigakan kepada pihak berkuasa.



DUA lelaki yang disyaki terlibat dalam penyalahgunaan dadah telah ditahan berikutan hasil operasi penguatkuasaan bersepadu yang telah dilaksanakan oleh Daerah Polis Belait, Pasukan Polis Diraja Brunei, baru-baru ini.




JANGAN MUDAH MENYALAKAN LAMPU AMARAN BAHAYA (HAZARD LIGHTS)

Awda perlu ketahui bahawa ia hanya boleh dinyalakan dan digunakan atas sebab-sebab kecemasan

 bruneiweather
  @brunei.weather
  Weather Line 114
  www.met.gov.bn

SEOUL KELUARKAN AMARAN GELOMBANG HABA TAHAP TERTINGGI BUAT KALI PERTAMA



SEOUL, 4 Ogos. - Amaran gelombang haba tahap tertinggi dikeluarkan buat kali pertama di Seoul pada Selasa ketika cuaca panas berterusan dijangka melonjakkan suhu sehingga 38 darjah Celsius, lapor Agensi Berita Yonhap.

Menurut Pentadbiran Meteorologi Korea, amaran gelombang haba tahap tertinggi berkuat kuasa di kawasan tenggara dan barat daya Seoul mulai 11 pagi.

Susulan itu, 11 daerah di ibu negara termasuk Gangnam, Songpa, Gangseo dan Gwanak berada di bawah amaran berkenaan yang mula diperkenalkan dalam sistem amaran gelombang haba negara pada 1 Jun.

Amaran gelombang haba tahap tertinggi dikeluarkan apabila suhu tertinggi mencecah 38 darjah Celsius atau lebih, atau suhu maksimum harian mencapai 39 darjah Celsius atau

lebih, di kawasan yang mencatat suhu sekurang-kurangnya 35 darjah Celsius selama dua hari berturut-turut atau lebih.

Ketika gelombang haba semakin buruk, sebanyak 18 kes penyakit berkaitan cuaca panas dilaporkan di Seoul pada Isnin, menjadikan jumlah keseluruhan sejak 15 Mei kepada 185 kes termasuk dua kematian, menurut data kerajaan.

Kerajaan Metropolitan Seoul memaklumkan pihaknya

memantau dengan teliti peningkatan kes berkaitan cuaca panas dan melancarkan gerak kerja menyeluruh, termasuk menyiram jalan raya serta melindungi golongan rentan seperti penduduk yang tinggal di kediaman sempit.

Kerajaan bandar raya itu turut menetapkan kira-kira 4,000 lokasi termasuk pusat komuniti, pusat warga emas dan pusat kebajikan sebagai pusat perlindungan daripada cuaca

panas.

Kementerian Dalam Negeri turut menghantar khidmat pesanan ringkas kepada orang ramai pada hari sama, menggesa mereka mengurangkan aktiviti di luar rumah, minum air secukupnya, berehat di tempat sejuk serta memastikan keselamatan anggota keluarga. - ©BERNAMA

Kebakaran hutan musnahkan 700 rumah, 65,000 penduduk dipindahkan di Washington

ISTANBUL, 4 Ogos. - Lebih 65,000 penduduk terpaksa meninggalkan kediaman masing-masing di negeri Washington, Amerika Syarikat (AS), susulan beberapa kebakaran hutan yang terus memusnahkan kawasan berkenaan, termasuk ratusan bangunan, lapor Anadolu Ajansi.

"Sehingga 65,000 orang terpaksa dipindahkan," menurut Palang Merah Amerika pada Isnin.

Organisasi itu memaklumkan penilaian awal menunjukkan kebakaran setakat ini telah

memusnahkan lebih 700 rumah, kebanyakannya di Daerah Spokane.

Syerif Daerah Spokane John Nowels berkata pada sidang media bahawa pihak berkuasa telah menahan seorang lelaki atas tuduhan melakukan pembakaran dengan niat jahat peringkat pertama.

Suspek berusia 37 tahun, Aaron F. Farinacci, ditahan pada petang Isnin waktu tempatan dan kini ditahan dengan ikat jamin sebanyak USD1 juta, katanya.

Suspek dipercayai mempunyai kaitan dengan Kebakaran Old

Trails, antara beberapa kebakaran yang sedang mengancam kawasan itu.

Pasukan Pengurusan Insiden Kebakaran Kompleks Spokane memaklumkan keadaan cuaca yang lebih baik membolehkan anggota bomba mencatat kemajuan dalam usaha mengawal kebakaran.

Data daripada sistem antara agensi InciWeb menunjukkan kebakaran berhampiran daerah Spokane dan Stevens telah memusnahkan 8,026 ekar (3,248 hektar) kawasan sejak Sabtu, namun setakat ini masih belum

berjaya dikawal.

Bahagian lain di negeri itu turut berdepan ancaman lebih besar. Kebakaran Sinlahekin telah merebak sehingga meliputi 85,000 ekar (34,398 hektar) sejak tercetus akibat sambaran petir pada 26 Julai.

Lebih 820 anggota kini bertungkus-lumus memadamkan kebakaran itu, yang juga masih belum dapat dikawal.

Sementara itu, Kebakaran Little Giant di barat laut Leavenworth telah memusnahkan 51,298 ekar (20,759 hektar) kawasan di Hutan Negara Okanogan-Wenatchee.

Gabenor Washington Bob Ferguson berkata pihak berkuasa telah berjaya menghubungi hampir semua individu yang meminta bantuan, namun masih berusaha mengesan 14 lagi orang bagi mengesahkan keselamatan mereka.

Ferguson menjelaskan bahawa 14 individu berkenaan 'tidak hilang', tetapi pihak berkuasa mahu memastikan mereka berada dalam keadaan selamat, menurut CNN.

Beliau berkata setakat ini tiada kematian disahkan akibat kebakaran berkenaan. - ©BERNAMA

Seorang maut, 5 cedera dalam insiden tembakan di Portland, AS

SAN FRANCISCO, 3 Ogos. - Seorang maut manakala lima lagi cedera dalam insiden tembakan di sebuah kawasan kejiranan di Portland, negeri Oregon, Amerika Syarikat (AS) pada pagi Ahad, menurut kerajaan tempatan dalam satu kenyataan media, lapor Xinhua.

Menurut kenyataan itu, pada 3.33 pagi waktu tempatan, anggota polis Portland yang bertugas di North Precinct menerima laporan mengenai kejadian tembakan di

blok 5800 Northeast Alberta Street.

Setibanya di lokasi, polis menemukan dua mangsa yang dipercayai mengalami kecederaan akibat tembakan. Kedua-dua mangsa dibawa ke hospital dengan ambulans.

Tidak lama kemudian, polis dimaklumkan bahawa empat lagi mangsa telah tiba di hospital tempatan dengan kenderaan persendirian, menurut kenyataan itu.

Seorang lelaki dewasa kemudian disahkan meninggal dunia di hospital, manakala lima mangsa lain menerima rawatan bagi kecederaan yang dipercayai tidak mengancam nyawa. Kenyataan itu turut memaklumkan bahawa seorang daripada mangsa yang cedera ialah remaja.

Suspek atau beberapa suspek meninggalkan lokasi selepas kejadian dan setakat ini tiada tangkapan dilakukan. - ©BERNAMA

Kanada : Mogok kru kabin jejas perjalanan kira-kira 250,000 penumpang

TRENTON (Kanada), 3 Ogos. - Lebih 4,000 kru kabin WestJet, syarikat penerbangan kedua terbesar di Kanada, melancarkan mogok pada Ahad, menyebabkan kira-kira 600 penerbangan harian dibatalkan dan menjejaskan rancangan perjalanan kira-kira 250,000 penumpang, lapor Anadolu Ajansi.

Isnin merupakan cuti umum di Kanada, sekali gus menjadikan hujung minggu itu antara tempoh perjalanan paling sibuk sepanjang tahun. Mogok itu dijangka menyebabkan WestJet menanggung kerugian berjuta-juta dolar.

Isu gaji menjadi punca utama pertikaian berkenaan. Kru kabin menuntut bayaran bagi kerja yang dilakukan di darat sebelum dan selepas penerbangan. Delta Air

Lines menjadi syarikat penerbangan pertama yang memperkenalkan bayaran bagi kerja di darat pada 2022. Air Canada menyusul pada Februari menerusi kontrak baharu.

Menteri Pekerjaan Persekutuan Patty Hajdu menerusi hantaran di media sosial berkata beliau gagal mencapai persetujuan selepas berusaha merundingkan kontrak baharu. Kru kabin terbabit merupakan ahli Kesatuan Pekerja Awam Kanada. Dalam satu kenyataan, wakil kesatuan Alia Hussain menyalahkan WestJet atas mogok itu.

"Situasi ini tidak akan berlaku sekiranya syarikat penerbangan itu mengambil serius kebimbangan kami sepanjang hampir 11 bulan rundingan," kata

Hussain. WestJet memaklumkan penumpang yang terjejas akan menerima bayaran balik.

"Kami kecewa kerana situasi ini memberi kesan secara langsung kepada rancangan perjalanan penumpang, warga kerja WestJet serta komuniti dan perniagaan yang kami berikan perkhidmatan," kata Ketua Pegawai Eksekutif Alexis von Hoensbroech kepada The Canadian Press. Kru kabin ketika ini menerima bayaran antara C\$28.88 dan C\$53.61 bagi setiap jam kredit penerbangan.

Di bawah perjanjian baharu Air Canada, kru kabin dibayar sehingga 70 peratus daripada kadar gaji sejam biasa mereka bagi tugas yang dilaksanakan dalam tempoh sejam sebelum pesawat berlepas. - ©BERNAMA

Agensi pelaburan Tunisia berhasrat tarik syarikat Malaysia

HYDERABAD, 3 Ogos. - Agensi pelaburan Tunisia berhasrat menarik syarikat Malaysia dengan menawarkan sokongan bagi membolehkan mereka menembusi pasaran Arab dan Eropah.

Menurut Duta Besar Malaysia ke Algeria Datuk Rizany Irwan Muhamad Mazlan, yang turut ditauliahkan ke Tunisia, hasrat itu disampaikan oleh Pengurus Besar Agensi Penggalakan Pelaburan Asing Tunisia (FIPA), Jalel Tebib, dalam satu pertemuan yang diadakan di Tunis baru-baru ini.

"Saya memberi taklimat kepada FIPA mengenai minat yang semakin meningkat dalam kalangan konglomerat Malaysia untuk meneroka kerjasama perdagangan dan perindustrian di rantau ini," kata Rizany kepada Bernama pada Isnin.

FIPA turut memaklumkan kepada duta itu mengenai rangka kerja pelaburan Tunisia, sektor-sektor keutamaan serta kelebihan daya saing negara itu berikutan hubungan rapatnya dengan pasaran di Afrika Utara, Eropah dan negara-negara Arab.

"Kami membincangkan potensi kerjasama dalam penggalakan pelaburan, pertukaran maklumat pasaran serta misi perdagangan yang melibatkan entiti sektor swasta Malaysia dan Tunisia," kata beliau.

Perdagangan antara Malaysia dan Tunisia bernilai US\$261 juta pada 2025. - ©BERNAMA

Gempa bumi magnitud 5.3 landa timur laut Republik Arab Mesir

ISTANBUL, 3 Ogos. - Satu gempa bumi bermagnitud 5.3 melanda wilayah Ismailia di timur laut Republik Arab Mesir pada awal pagi Isnin, lapor Anadolu Ajansi yang memetik Pihak Berkuasa Pengurusan Bencana dan Kecemasan Turkiye (AFAD).

AFAD memaklumkan gempa itu berlaku pada 3 pagi waktu tempatan (0000 GMT) pada kedalaman 5.47 kilometer. Media tempatan Republik Arab Mesir melaporkan gegaran itu turut dirasai di beberapa bandar, termasuk ibu negara Kaherah, namun setakat ini tiada laporan segera mengenai kemalangan jiwa atau kerosakan.

Bulan Sabit Merah Mesir memaklumkan pihaknya masih belum menerima sebarang laporan mengenai kecederaan atau kerosakan setakat ini. Pertubuhan itu turut menggesa penduduk supaya menjauhi bangunan lama atau yang mengalami rekahan yang jelas.

Kementerian Kesihatan Mesir mengaktifkan pelan tindak balas kecemasannya dan meletakkan hospital pada tahap kesiapsiagaan tertinggi. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



NBD CIPTA SEJARAH RAI KEJAYAAN TAEKWONDO SECARA MAYA



SKUAD taekwondo negara berjaya meraih tempat ketiga dalam Pertandingan Taekwondo Secara Maya. Claral Goh berjaya merangkul pingat emas dalam Kategori Wanita, manakala Awang Muhammad Abrar bin Haji Bakar@Muhammad Bisjukri berjaya membawa pulang pingat gangsa bagi Kategori Lelaki.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Ogos. - Negara Brunei Darussalam (NBD) melakar satu lagi detik bersejarah dalam arena sukan antarabangsa apabila buat julung kalinya menyertai Taekwondo Secara Maya (Virtual Taekwondo) pada Kejohanan Antarabangsa MBW 2026 yang berlangsung di Negeri Sembilan, Malaysia, baru-baru ini.

Penyertaan sulung itu dikendalikan oleh Persatuan Taekwondo Brunei Darussalam (BDTA) diketuai Naib Presiden merangkap Ketua Jurulatih

Kebangsaan, Nikman Waie bersama Jurulatih Kyorugi, Azka Ibrahim.

Lebih membanggakan, kemunculan pertama negara dalam disiplin yang menggabungkan kemahiran seni mempertahankan diri dengan teknologi digital berkenaan terus membuahkan hasil apabila atlet skuad negara berjaya meraih tempat ketiga (*second runner-up*) dalam Pertandingan Taekwondo Secara Maya.

Kejayaan tersebut turut diserikan dengan persembahan

cemerlang dua atlet negara, apabila Claral Goh merangkul pingat emas dalam Kategori Wanita, manakala Awang Muhammad Abrar bin Haji Bakar@Muhammad Bisjukri membawa pulang pingat gangsa bagi Kategori Lelaki.

Pencapaian itu sekali gus mencatat sejarah sebagai pingat antarabangsa pertama NBD dalam disiplin Taekwondo Secara Maya. Taekwondo Secara Maya merupakan disiplin sukan tanpa sentuhan fizikal yang inovatif, dibangunkan hasil kerjasama World Taekwondo dan Refract Technologies.

Dengan menggabungkan penggunaan set kepala realiti maya serta sistem pengesanan pergerakan AXIS, atlet melaksanakan teknik tendangan sebenar yang kemudiannya diterjemahkan ke dalam pertempuran maya secara dinamik.

Teknologi tersebut bukan sahaja memberikan dimensi baharu kepada sukan taekwondo, malah menggabungkan kemahiran tradisional dengan inovasi digital, tanpa mengetepikan nilai teras sukan berkenaan seperti disiplin, rasa hormat dan kecemerlangan.

Taekwondo Secara Maya turut mendapat pengiktirafan Majlis Olimpik Asia (OCA) sebagai salah

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Ihsan Persatuan Taekwondo Brunei Darussalam

satu sukan pingat rasmi bagi Sukan Asia Ke-20 Aichi-Nagoya 2026.

Sebelum ini, disiplin berkenaan turut dipraktikkan dalam Olympic Esports Week dan Sukan Olimpik Paris 2024, sekali gus memperlihatkan perkembangan pesat sukan tersebut seiring dengan kemajuan teknologi digital.

Bagi NBD, penyertaan dua atlet negara itu mencerminkan kesungguhan BDTA dalam meneroka peluang baharu serta memperluas penglibatan atlet negara dalam landskap taekwondo dunia yang semakin berkembang.

Mengulas pencapaian tersebut, Nikman Waie menyatakan ia sebagai satu pencapaian penting dalam perkembangan taekwondo negara. Menurutnya, Taekwondo Secara Maya merupakan antara masa depan sukan berkenaan kerana menggabungkan unsur inovasi dengan kecemerlangan atlet.

Beliau turut melahirkan kebanggaan kerana NBD menjadi antara negara yang menyahut perkembangan disiplin baharu tersebut sejak dari awal, selain mengakui persembahan Claral dan Awang Muhammad Abrar

membuktikan bahawa atlet negara mampu bersaing dengan jayanya di peringkat antarabangsa.

Dalam pada itu, BDTA merakamkan penghargaan kepada semua atlet, jurulatih, pegawai serta penyokong yang telah menyumbang kepada pencapaian bersejarah berkenaan.

BDTA juga menyampaikan penghargaan kepada Jabatan Belia dan Sukan atas sokongan berterusan terhadap pembangunan sukan taekwondo di negara ini, khususnya dalam menyediakan peluang kepada atlet kebangsaan untuk menyertai pertandingan antarabangsa, memperoleh pendedahan dalam disiplin baharu seperti Taekwondo Secara Maya serta membuat persediaan menghadapi kejohanan sukan berprestij, termasuk Sukan Asia Ke-20 Aichi-Nagoya 2026.

Pencapaian di Negeri Sembilan itu bukan sekadar kemenangan di podium, tetapi menjadi tanda aras baharu buat taekwondo di NBD, membuktikan bahawa keberanian meneroka medan baharu, digandingkan dengan bakat dan disiplin, mampu mengangkat nama negara ke persada antarabangsa.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Ogos. - Semangat kesukanan dan kekitaan dalam kalangan warga pendidik sekolah-sekolah agama di Kawasan Brunei IV disemarakkan menerusi Pertandingan Tenpin Bowling Brunei IV yang berlangsung di iBowling Utama, di sini.

Pertandingan yang juga menjadi platform mencetuskan semangat kesukanan, kerjasama dan kekitaan dalam kalangan warga pendidik sekolah-sekolah agama di Kawasan Brunei IV itu menyaksikan Kumpulan Bahulu tampil cemerlang apabila berjaya mengungguli pertandingan dengan mencatat 976 jatuhan pin bagi Kategori Lelaki Berkumpulan.

Kumpulan juara itu dianggotai oleh Awang Haji Harun bin Haji Zakaria, Awang Ahmad Al-Hadee bin Haji Sabtu, Pengiran Jaya Shah Yusraini bin Pengiran Haji Zaini dan Awang Erwandy bin Haji Md. Yamin.

Tempat kedua disandang oleh Kumpulan Tapai dengan 793 jatuhan pin, manakala Kumpulan Kusui berada tempat ketiga dengan 756 jatuhan pin.

Pupuk semangat kesukanan dalam kalangan guru ugama

Sementara itu, persaingan Kategori Perempuan Berkumpulan pula menyaksikan Kumpulan Ardham yang terdiri daripada Dayang Masqueeni binti Haji Besar, Dayang Hajah Norazemah binti Haji Jait, Dayang Hajah Mu'izzah binti Kefli dan Dayang Hajah Meryana binti Haji Muhammad muncul juara apabila memintas lima pasukan lain dengan 707 jatuhan pin.

Kumpulan Puteri Mandi meraih naib juara dengan 636 jatuhan pin, diikuti Kumpulan Putu Mayang di tempat ketiga hanya mampu dengan 602 jatuhan pin.

Hadir selaku tetamu khas pada pertandingan tersebut ialah Pegawai Pengajian Islam Daerah / Kawasan Brunei IV, Dayang Hajah Mu'izzah binti Kefli yang juga menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Pertandingan anjuran Jawatankuasa Pemimpin Sekolah-Sekolah Ugama Brunei IV (JKPSSUBRIV) itu disertai seramai 12 pasukan sekali gus turut menyemarakkan suasana



PEGAWAI Pengajian Islam Daerah / Kawasan Brunei IV, Dayang Hajah Mu'izzah binti Kefli hadir selaku tetamu khas pada pertandingan tersebut serta menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

riadah dalam kalangan guru-guru ugama menerusi aktiviti yang santai, sihat dan penuh kemesraan.

Selain itu, pertandingan tersebut merupakan antara aktiviti yang dirancang dalam Rancangan Tahunan JKPSSUBRIV bagi Tahun 2026, dan turut diadakan bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Ihsan Jawatankuasa Pemimpin Sekolah-Sekolah Ugama Brunei IV

Darussalam Ke-80.

Ia juga bertujuan menyediakan ruang riadah yang sihat dan berfaedah, meningkatkan motivasi serta kesejahteraan warga guru, di samping menggalakkan penglibatan aktif mereka dalam pelbagai program anjuran JKPSSUBRIV.

Penganjuran pertandingan

seumpama ini membuktikan bahawa aktiviti riadah mampu menjadi jambatan yang menyatukan warga pendidik dan bukan sahaja dalam mengejar kecemerlangan, tetapi juga dalam membina ukhuwah, memperkukuh kerjasama serta menyemarakkan semangat kekitaan dalam kalangan mereka.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SENTIASA BERTAKWA KEPADA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA, MENDEKATKAN DIRI KEPADA-NYA